



Penyata Rasmi

**PERSIDANGAN DEWAN
NEGERI JOHOR**

**MESYUARAT KEDUA
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14**

Pada

10 SEPTEMBER 2020

&

13 SEPTEMBER 2020

Disediakan oleh

**PEJABAT DEWAN NEGERI
JOHOR DARUL TA'ZIM**

SENARAI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
HARI PERTAMA, KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020		
1.	Kehadiran.	2
2.	Doa.	6
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker.	6
4.	Pembentangan Kertas-Kertas Mesyuarat.	6
5.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	9
6.	Rundingan Mengenai Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor 2020.	28
7.	Penangguhan.	59
HARI KEDUA, AHAD, 13 SEPTEMBER 2020		
1.	Kehadiran.	60
2.	Doa.	64
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker.	64
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	64
5.	Soalan-Soalan Bertulis dan Jawapan.	84
6.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Mengenai Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor 2020.	84
7.	Rundingan Mengenai Pelantikan Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri, Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Dewan Negeri, Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri.	90
8.	Rundingan Mengenai Pemilihan Ahli Dewan Negara.	92
9.	Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2020.	94
10.	Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2020.	97
11.	Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) Tahun 2020.	99
12.	Rundingan Pengurangan Cukai Tanah Negeri Johor.	102
13.	Ucapan Tangguhan Mesyuarat.	110
14.	Penangguhan.	117
15.	Pegawai-Pegawai Bertugas.	118

~~~~~ *Dewan Negeri Johor* ~~~~~

**MESYUARAT KEDUA  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14**

**HARI KHAMIS**

**10 SEPTEMBER 2020**

**BIL. 9 TAHUN 14**

**HADIR**

**YB Speaker,**

Tuan Haji Suhaizan bin Kaiat

**YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan,  
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)**

Datuk Haji Hasni bin Mohammad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.

(Benut)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar  
Bandar**

Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.

(Semarang)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan & Budaya**

Tuan Haji Mazlan bin Bujang

(Puteri Wangsa)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar**

Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.

(Kahang)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam**

Tuan Haji Tosrin bin Jarvanthi, PIS., BSI., AMN.

(Bukit Permai)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.

(Rengit)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur**

Tuan Haji Mohd Solihan bin Badri

(Tenang)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

Puan Zaiton binti Haji Ismail, PIS., PPN.

(Sungai Balang)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan**

Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.

(Layang-Layang)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan  
Sumber Manusia**

Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad

(Larkin)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna**

Dr. Chong Fat Full

(Pemanis)

YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, PSM., SPMJ., SPSA., SPMP.,  
SUNS.,SPDK.,PNBS., SMJ., PIS.,BSI., SAHM.  
(Gambir)

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian,SPMJ.,DSNS.,AMN.,PIS.  
(Kempas)

YB Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.  
(Bukit Kepong)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar, PIS., AMN.  
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman, DSNS.  
(Tanjung Surat)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy  
(Tenggaroh)

YB Datuk Md Othman bin Yusof, DMSM., DSM.  
(Kukup)

YB Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.  
(Buluh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.  
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli  
(Parit Raja)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim  
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail  
(Pasir Raja)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep  
(Bukit Pasir)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh, DIMP.  
(Permas)

YB Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain  
(Sedili)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari  
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, PIS.  
(Endau)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan  
(Parit Yaani)

YB Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN., DGSM.  
(Simpang Jeram)

YB Tuan Tan Chen Choon  
(Jementah)

YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse  
(Bukit Batu)

YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah  
(Bekok)

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar  
(Semerah)

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad  
(Kota Iskandar)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali  
(Paloh)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor  
(Kemelah)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam  
(Tiram)

YB Tuan Tan Hong Pin  
(Skudai)

YB Tuan Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Puan Hajah Nor Hayati binti Bachok  
(Maharani)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni  
(Bukit Naning)

YB Tuan Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman  
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit  
(Mahkota)

YB Tuan Yeo Tung Siong  
(Pekan Nanas)

YB Khairuddin bin A. Rahim  
(Senggarang)

YB Tuan Cheo Yee How  
(Perling)

YB Puan Chew Peck Choo  
(Yong Peng)

YB Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan  
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe  
(Bentayan)

YB Tuan Tee Boon Tsong  
(Senai)

YB Tuan Chew Chong Sin  
(Mengkibol)

#### **TURUT HADIR**

#### **(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Dato' Haji Azmi bin Rohani, SPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Tuan Amir bin Nasruddin

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin, DMIJ., SMJ., PIS., PSI.

**Persidangan bermula pada jam 9.30 pagi.**

**YB Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(Penolong Jurutulis membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER.**

**YB Speaker** : Bismillahirrahmaannirrahim. Assalammualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. (Bacaan selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat, pagi ini kita memulakan Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Keempat Belas. Persidangan kali ini akan mengambil masa selama 2 hari mulai hari ini sehingga 13 September 2020.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin maklumkan bahawa Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2020, yang sepatutnya dibawa semasa Mesyuarat Keempat Bagi Penggal Persidangan Kedua Dewan Negeri Johor Yang Keempat Belas pada 5 Mac 2020 akan dibawa pada Persidangan kali ini kerana mesyuarat pada tarikh tersebut telah ditangguhkan.

Rang Undang-Undang berkenaan telah disiarkan di dalam warta kerajaan pada 13 Februari 2020 dan ia telah memenuhi syarat pewartaan Rang Undang-Undang pada ketika itu. Soalan-soalan mulut dan bertulis yang diterima bagi Persidangan Dewan Negeri pada 5 Mac 2020 juga dibatalkan kerana perubahan kepimpinan kerajaan negeri pada 28 Februari 2020 dan 6 Mac 2020.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim telah berkenan menetapkan dan memanggil Mesyuarat Pertama Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Ke-14 pada 14 Mei 2020 dan pemasyhuran mengenainya telah diwartakan dalam Warta Kerajaan pada 23 April 2020 sebagaimana JPU.13.

Mesyuarat pada 14 Mei 2020, hanya melibatkan Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, tiada sebarang rundingan dan rang undang-undang serta penerimaan soalan-soalan semasa mesyuarat tersebut.

**Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.**

**YAB Menteri Besar** : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 1 hingga 7 bagi Tahun 2020.

- |                       |   |                                                                                                |
|-----------------------|---|------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Bilangan 1 Tahun 2020 | - | Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2018.                                                      |
| Bilangan 2 Tahun 2020 | - | Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 dan Penyata Memorandum mengenai :                        |
|                       |   | - Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Johor Tahun 2018.       |
|                       |   | - Pengurusan Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2018 Siri 2. |

- Bilangan 3 Tahun 2020 - Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pertama Tahun 2020.
- Bilangan 4 Tahun 2020 - Anggaran Perbelanjaan Tambahan Kedua Tahun 2020.
- Bilangan 5 Tahun 2020 - Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2020.
- Bilangan 6 Tahun 2020 - Ketetapan untuk memerintahkan Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Mencetak naskhah-naskhah bagi Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1985.
- Bilangan 7 Tahun 2020 - Resolusi di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] untuk menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan di Bawah Seksyen 56 Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313).

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 8 Tahun 2020.

- Bilangan 8 Tahun 2020 - Penyata Kewangan Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 9 hingga 11 Tahun 2020.

- Bilangan 9 Tahun 2020 - Penyata Kewangan Yayasan Pelajaran Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.
- Bilangan 10 Tahun 2020 - Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.
- Bilangan 11 Tahun 2020 - Penyata Kewangan Yayasan Warisan Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 12 Tahun 2020.

- Bilangan 12 Tahun 2020 - Penyata Kewangan Perbadanan Taman Negara (Johor) Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 13 Tahun 2020.

- Bilangan 13 Tahun 2020 - Penyata Kewangan Perbadanan Islam Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 14 hingga 30 Tahun 2020.



- Bilangan 14 Tahun 2020 - Penyata Kewangan Majlis Daerah Kota Tinggi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.
- Bilangan 15 Tahun 2020 - Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.
- Bilangan 16 Tahun 2020 - Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Muar Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.
- Bilangan 17 Tahun 2020 - Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kulai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.
- Bilangan 18 Tahun 2020 - Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Pasir Gudang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.
- Bilangan 19 Tahun 2020 - Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Segamat Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.
- Bilangan 20 Tahun 2020 - Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kluang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.
- Bilangan 21 Tahun 2020 - Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Batu Pahat Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.
- Bilangan 22 Tahun 2020 - Penyata Kewangan Majlis Daerah Tangkak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.
- Bilangan 23 Tahun 2020 - Penyata Kewangan Majlis Daerah Yong Peng Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.
- Bilangan 24 Tahun 2020 - Penyata Kewangan Majlis Daerah Simpang Renggam Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.
- Bilangan 25 Tahun 2020 - Penyata Kewangan Majlis Daerah Pontian Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.
- Bilangan 26 Tahun 2020 - Penyata Kewangan Majlis Daerah Labis Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.
- Bilangan 27 Tahun 2020 - Penyata Kewangan Majlis Daerah Kota Tinggi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.
- Bilangan 28 Tahun 2020 - Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.
- Bilangan 29 Tahun 2020 - Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.
- Bilangan 30 Tahun 2020 - Penyata Kewangan Majlis Daerah Mersing Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :**  
 Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya  
 mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 31 Tahun 2020.

Bilangan 31 Tahun 2020 - Penyata Kewangan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.

**YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai)** : Salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 32 dan 33 Tahun 2020.

Bilangan 32 Tahun 2020 - Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri Johor Kepada Dewan Negeri Johor Berhubung Dengan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Kira-Kira Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016.

Bilangan 33 Tahun 2020 - Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri Johor Kepada Dewan Negeri Johor Berhubung Dengan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Kira-Kira Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017.

**Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.**

**YB Speaker** : Bagi soalan-soalan lisan ini, saya mengingatkan semula sepertimana Persidangan yang lepas dengan format yang sama iaitu jawapan daripada para EXCO kita bagi limit 5 minit sahaja kecuali Menteri Besar kita bagi kelonggaran masa. EXCO diberi masa 5 minit untuk jawab bagi soalan lisan, soalan tambahan kita bagi masa satu minit dan jawapan soalan lisan kita beri masa untuk menjawabnya dua minit. Soalan saya beri dua, satu untuk soalan tambahan, satu kita utamakan kepada yang bertanya dan yang kedua kita buka kepada lain-lain Yang Berhormat. Yang Berhormat Tenggaroh, jemput.

**YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh)** : Yang Berhormat Speaker, soalan 1.

Apakah langkah fiskal yang sedang dilakukan oleh kerajaan negeri bagi memastikan kedudukan kewangan negeri kekal stabil.

**YB Speaker** : Yang Berhormat Jementah, jemput.

**YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah)** : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 2.

Nyatakan situasi pencapaian ekonomi negeri sekarang menurut kadar KDNK berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas? Apakah perancangan dan usaha yang akan dijalankan untuk memulihkan ekonomi yang terjejas teruk pasca wabak COVID-19?

**YB Speaker** : Yang Berhormat Stulang, jemput.

**YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang)** : Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 3.

Apakah rancangan kerajaan negeri Johor dalam membantu memulihkan perdagangan dan ekonomi negeri Johor akibat COVID-19?

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon untuk menjawab soalan Yang Berhormat Tenggaroh, Jementah dan Stulang secara bersekali berkaitan prestasi ekonomi negeri, kedudukan fiskal negeri dan jua usaha untuk pemulihan ekonomi Johor.

Yang Berhormat Speaker, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia bagi suku kedua tahun 2020 di peringkat nasional mencatatkan penyusutan pada kadar 17.1%. Penyusutan ini adalah susulan daripada kesemua sektor terjejas yang dicituskan oleh COVID-19 dan mengalami pertumbuhan negatif kecuali sektor pertanian. Walaupun data berasaskan negeri bagi suku kedua belum dikeluarkan, namun beberapa pemerhatian penting untuk negeri Johor dapat dilakukan berlandaskan prestasi ekonomi nasional.

Pertumbuhan KDNK Johor bagi suku kedua tahun 2020 berkemungkinan besar lebih merosot berbanding penguncupan 17.1% Malaysia bagi suku kedua 2020. Ini kerana ekonomi Johor pada tahun 2020 telah bermula dengan keadaan yang kurang memberangsangkan selepas pertumbuhan KDNK tahun 2019 hanya pada kadar 2.7%. Pertumbuhan paling rendah dalam 10 tahun ini dipengaruhi oleh momentum perlahan sektor seperti perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan.

Malah pada tahun 2019, Johor menunjukkan penurunan paling merosot dalam membandingkan pertumbuhan KDNK tahun ke tahun merentasi negeri. Berasaskan trend terkini dan faktor-faktor di atas, KDNK Johor bagi tahun 2020 dianggarkan akan menguncup pada kadar yang lebih merosot dari ramalan paras nasional iaitu 3.5% hingga 5.5%. Secara kebiasaannya KDNK Johor akan menguncup lebih banyak dari kadar nasional kerana kebergantungan dinamik ekonomi negeri kepada negara Singapura. Sebagai contoh, sektor perkhidmatan, Johor telah mengalami penurunan yang ketara dalam perdagangan, borong dan runcit serta sub sektor makanan dan minuman dan penginapan akibat permintaan agregat yang menurun.

Sementara sektor pembinaan Johor telah merosot 27.7% pada tahun 2019. Ia adalah sektor yang paling terkesan. Hasrat untuk mengembalikan semula prestasi cemerlang pertumbuhan ekonomi pada kadar 9.6% seperti tahun 2018 tidak dapat dilaksanakan pada separuh pertama tahun pertama 2020. Ini adalah disebabkan langkah-langkah kawalan pergerakan menutup banyak tapak pembinaan dan pembukaan semula adalah satu cabaran besar akibat keperluan memenuhi SOP yang baru.

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) pula juga secara langsung terkesan. Sebagai contoh, tinjauan oleh Persatuan PKS Malaysia pada awal bulan Mei menunjukkan bahawa 23%, PKS di seluruh negara akan mengecilkan perniagaan mereka selepas PKP ini. Dan hanya 19% percaya bahawa mereka akan dapat meneruskan operasi seperti biasa. Kesannya dianggarkan 5 hingga 10% PKS di negeri Johor terpaksa tutup perniagaan akibat gangguan aliran tunai yang teruk.

Sementara kadar pengangguran pula di Johor dianggarkan sejumlah 173,000 malah lebih, hal ini disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi Johor yang perlahan terutama sekali dalam sektor pelancongan dan sektor perkhidmatan. Tambahan pula ahli-ahli ekonomi Singapura meramalkan seramai 45,000 hingga 200,000 akan diberhentikan kerja di Singapura sekiranya perniagaan di Singapura mengecilkan operasi mereka, ribuan rakyat Malaysia yang tinggal di Johor dan bekerja di Singapura berkemungkinan besar akan diberhentikan dahulu. Meskipun begitu ekonomi Malaysia dan Johor mula memaparkan tanda-tanda awal pemulihan sejak bulan Jun berikutan pembukaan perniagaan secara beransur-ansur.

Dalam sektor pelancongan pula, ianya mula menunjukkan peningkatan secara beransur-ansur dipacu oleh pelancong domestik. *Tourism* Johor merekodkan seramai 84,588 pelancong telah menginap di Johor pada bulan Jun 2020 berbanding hanya 585 pelancong bermalam pada bulan Mei 2020. Setelah sektor perhotelan dibuka, berbagai promosi telah dijalankan dan kerajaan negeri telah memperuntukkan RM17.34 juta bagi perkara-perkara berikut bantuan *one off* kepada seramai 935 pemandu pelancong, insentif galakan pelancongan kepada syarikat agensi pelancongan. Pengecualian bayaran lesen perniagaan

kepada pemilik syarikat pelancongan, pengecualian duti hiburan. Ini semua demi merencanakan sektor ekonomi pelancongan yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Tenggaroh bertanya secara spesifik mengenai langkah kawalan fiskal negeri. Saya ingin menekankan bahawa ekonomi Johor akan kekal berdaya tahan sebagai salah satu negeri paling maju di Malaysia. Ekonomi Johor didukung oleh pelbagai sub sektor perkhidmatan, pembuatan, pembinaan dan pertanian serta pengurusan fiskal yang kuat dan hutang kita yang rendah. Secara keseluruhan, Johor kemungkinan besar akan mengalami pemulihan yang berbentuk V pasca pandemik COVID-19.

Untuk makluman Dewan yang mulia juga, kerajaan negeri telah membentangkan belanjawan lebih sebanyak RM2.36 juta di mana anggaran hasil adalah sebanyak RM1.785 bilion manakala anggaran perbelanjaan pula adalah berjumlah RM1.783 bilion. Pada Ogos 2020, kerajaan negeri telah mengunjurkan akan berlaku pengurangan hasil yang ketara berbanding tahun lepas iaitu sebanyak RM256 juta. Ini amatlah berlainan daripada anggaran awal di mana dalam belanjawan 2020 kita menjangkakan akan berlaku peningkatan hasil yang disumbangkan daripada pelaksanaan pindaan cukai tanah. Hasil dari menurun, hasil juga menurun adalah disebabkan oleh beberapa insentif pengecualian dan penangguhan bayaran beberapa perkhidmatan kerajaan yang diberikan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor sama ada siri 1 mahupun siri 2.

Langkah mengetatkan operasi dan perkhidmatan kerajaan sepanjang tempoh PKP telah memberikan kesan kepada sosial dan ekonomi rakyat di negeri Johor. Berikut adalah langkah-langkah fiskal yang diambil oleh kerajaan Johor untuk memastikan keadaan kewangan negeri kekal stabil, kukuh dan berdaya tahan.

1. Kerajaan negeri telah mengambil langkah melaksanakan semakan semula Belanjawan 2020 dengan meneliti dan menstrukturkan perbelanjaan jabatan seluruh negeri Johor. Langkah-langkah ini melibatkan semakan dan penjajaran semula peruntukan jabatan supaya difokuskan kepada peningkatan daya tahan ekonomi dan sosial rakyat Johor. Semakan semula belanjawan ini turut mengambil kira peruntukan sebanyak RM174.46 juta bagi pelaksanaan 54 inisiatif di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Siri 1 dan Siri 2. Semua langkah yang telah diumumkan dalam Pakej Rangsangan Ihsan Johor adalah bersifat *one off* dan tidak akan membebankan kewangan kerajaan negeri dalam jangka masa sederhana dan jangka panjang.
2. Kerajaan negeri akan melaksanakan konsolidasi fiskal kepada semua pusat tanggungjawab dan pegawai pengawal. Tindakan ini bakal menggerakkan ekonomi Johor semula pasca pandemik COVID-19.
3. Kerajaan negeri turut memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan kutipan hasil dan meningkatkan perbelanjaan bagi mengukuhkan lagi kedudukan kewangan negeri.
4. Memperkenalkan dasar yang bersesuaian untuk semua sektor ekonomi dan sosial yang mampu menjadikan negeri lebih berdaya tahan pada masa mendatang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi meningkatkan daya tahan rakyat kerajaan Johor telah melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor dan sebanyak RM174.5 juta telah diperuntukkan dalam kedua-dua pakej rangsangan tersebut. Dari jumlah RM174.5 juta yang telah diperuntukkan ialah bagi menjayakan pelaksanaan 54 inisiatif. Dan, ianya dilakukan melalui peruntukan kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam Negeri Johor. Semua ikhtiar kerajaan negeri dalam membantu memulihkan perdagangan

dan ekonomi negeri Johor akibat COVID-19, akan saya bantah secara terperinci semasa membawa Rundingan Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan 2020 sebentar nanti.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Johor telah menjadi negeri pertama yang berjaya mewujudkan Majlis Ekonominya sendiri. Maknanya dalam usaha kita untuk menangani masalah ekonomi terutama pemulihan ekonomi dalam keadaan dunia menghadapi pandemik COVID-19 ini, kita adalah terkehadapan. Majlis Ekonomi ini dinamakan sebagai *Ibrahim Johor Economic Council* (IJEC) telah bermesyuarat pada 6 Julai yang lalu. Majlis telah sebulat suara berpendapat usaha pemulihan ekonomi secara jangka masa pendek, sederhana dan panjang haruslah menerusi 6 sektor yang telah dikenal pasti iaitu sektor pelancongan, sektor perusahaan kecil dan sederhana, sektor pembuatan dan perdagangan, sektor pembinaan dan hartanah, sektor modal insan, sektor pertanian dan asas tani.

Pada masa yang sama, 7 ikhtiar Makmur Johor yang telah saya umumkan akan mengambil kira sumbang saran ahli-ahli IJEC. Ini kerana Johor memerlukan tujahan baru bagi memastikan terus kekal berdaya saing selepas terkesan dengan pandemik ini.

Sekali lagi saya ingatkan bahawa kesemua ikhtiar mahupun segala perancangan yang telah dirangka oleh kerajaan negeri adalah untuk rakyat Johor. *COVID-19 is a very long fight*. Untuk keluar dari belunggu COVID-19 bukan semata-mata cukup dengan pakej-pakej rangsangan. Ia memerlukan tujahan idea, tujahan pembangunan dan cara kerja baru. Dan, saya memberi jaminan bahawa kerajaan negeri akan komited dalam menjayakan kesemua agenda yang telah dirancang dan berharap semoga ekonomi Negeri Johor dapat dipulihkan secara mampan dan berupaya untuk menarik semula lebih ramai pelabur asing dari seluruh dunia untuk kembali melabur di Johor demi kesejahteraan rakyat negeri ini. Terima kasih.

**YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) :** Yang Berhormat Tuan Speaker.

**YB Speaker :** OK Stulang.

**YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) :** Terima kasih jawapan yang diberikan...

**YB Speaker :** Dah lama tak bersidang, tekan dulu baru saya nampak dalam monitor ini. Tak tekan saya tak nampak.

**YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) :** Ya. Jadi Yang Berhormat Speaker, jadi para peniaga di Johor terpaksa menanggung kesengsaraan akibat perniagaan yang lembap. Restoran perniagaan kecil-kecilan, peniaga runcit, *retail* dan sebagainya mengalami kerugian, kos perniagaan dan tekanan aliran tunai yang cukup tinggi. Bahkan ada restoran yang perniagaannya jatuh 90% dibandingkan sebelum PKP. Maknanya hanya tinggal 10% sahaja, ada yang terus tutup. Jadi, ekonomi tempatan telah lumpuh akibat kawalan pergerakan di Tambak Johor dan juga Tuas. Pengurangan orang merupakan faktor ekonomi, salah satu faktor ekonomi setempat menjadi lembap...

**YB Speaker :** Soalan... soalan Yang Berhormat.

**YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) :** Ok... ya sekali lagi pada pandangan saya sekiranya pergerakan orang antarabangsa boleh dikawal maknanya pelawat antarabangsa yang masuk Singapura dikawal pergerakannya agar tidak masuk ke Malaysia. Maka pergerakan rakyat Malaysia – Singapura melalui Tambak Johor ataupun Tuas boleh dibenarkan cepat atau awal? Jadi soalan saya adalah bilakah, bilakah sempadan Malaysia – Singapura akan dibuka sepenuhnya untuk rakyat Malaysia dan Singapura agar ekonomi setempat Johor Bahru dan Johor boleh dipulihkan secepat mungkin? Bila? Bilakah? Terima kasih.

**YB Speaker :** Bilakah atau jangkaan? Jemput Yang Amat Berhormat.

**YAB Menteri Besar** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan tahniah di atas soalan Yang Berhormat Stulang.

Kita semua sedia maklum bahawa penutupan sempadan Johor – Singapura ini memberi kesan langsung terhadap ekonomi Johor. Kita menganggarkan lebih 50% daripada perbelanjaan pelancong asing yang merupakan penyumbang utama sektor perniagaan di Johor akan terjejas sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat Stulang sebentar tadi.

Isu sempadan adalah merupakan perkara yang melibatkan hubungan dua hala antara negara. Ini adalah kaitan kepada soalan bila sempadan akan dibuka. Ianya merupakan perkara yang melibatkan hubungan dua hala antara negara. Namun kerajaan negeri Johor telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura dapat berulang alik semula.

Kerajaan negeri telah mencadangkan kertas kerja awal untuk maklumat Yang Berhormat Stulang dan penyediaan operasi kerja standard kepada Kementerian Luar Negeri bagi pembukaan sempadan Malaysia dan Singapura. Cadangan awal ini telah ditambah baik melibatkan pelbagai pemegang taruh dari masa ke semasa, akhirnya mendapat persetujuan kedua-dua buah negara dan terlaksanalah *Reciprocal Green Lane* atau RGL dan *Periodic Commuting Arrangement (PCA)* yang kita lihat pada hari ini.

Sehingga 31 Ogos 2020 Yang Berhormat Stulang, kesan kepada pembukaan dua kategori ini RGL dan PCA, sejumlah 320 orang menggunakan RGL, 45 keluar dan 282 yang masuk. Dan sejumlah 8,270 orang menggunakan PCA, 6,784 keluar dari Johor dan 1,486 yang masuk ke Johor. Sekiranya kaedah ini berjaya, saya yakin Kerajaan Persekutuan akan membuka sempadan Johor – Singapura sebagaimana biasa dengan SOP yang terancang dan berkesan sepertimana harapan Yang Berhormat sebentar tadi.

Sehubungan itu, bagi memastikan SOP yang dirancang dapat dipatuhi dan dilaksanakan dengan baik, kerajaan negeri telah mengambil langkah proaktif dengan menyelaraskan keterlibatan agensi-agensi yang berada di barisan hadapan. Kerajaan negeri berbelanja hampir RM500,000.00 untuk menyelaraskan perkhidmatan sama ada *general practitioner*, makmal-makmal milik kerajaan mahupun makmal-makmal milik swasta diselaraskan supaya membolehkan dalam RGL dan PCA ini untuk menyaring menjalankan ujian PCA utk 2,000 setiap kemasukan sehari. Kemampuan kerajaan negeri mampu menjalankan ujian kepada lebih 2,000 keperluan.

Jadi sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, kita perlu sedar bahawa isu sempadan ini melibatkan kerjasama peringkat global yang harus direncanakan dengan teliti dan komprehensif bagi mendapatkan keputusan yang inklusif dan untuk semua terutamanya suasana pasca COVID ini. Kerajaan Negeri akan sentiasa berusaha dan berbincang dengan negara jiran dan Kerajaan Persekutuan supaya sempadan Johor dan Singapura akan dapat dibuka pada masa yang terdekat ini.

**YB Speaker** : Ya Tenggaroh jemput.

**YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh)** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas jawapan langkah fiskal yang sedang dilakukan oleh kerajaan negeri bagi memastikan kedudukan kewangan negeri stabil.

Soalan saya ialah dengan langkah fiskal yang diambil, nyatakan kedudukan terkini kewangan negeri Johor bagi suku kedua tahun 2020?

**YB Speaker** : Jemput Yang Amat Berhormat.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tuan Speaker. Mengenai kedudukan kewangan terkini bagi negeri Johor untuk suku kedua tahun 2020, sehingga 8 September 2020 prestasi kutipan hasil adalah sebanyak RM1.123 ribu juta... RM1,123 ribu juta atau 62.88%. Berbanding kutipan yang sama pada tahun lalu, sebanyak RM1,247 juta atau 80.35%.

Prestasi perbelanjaan pula untuk mengurus mencatatkan sebanyak RM855.2 juta atau 47.95%. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan negeri Johor sehingga kini bagi tahun 2020, kita masih lagi mengalami lebihan sebanyak RM267.89 juta. Insya-Allah pihak kerajaan akan mengurus perbelanjaan dengan baik dan berhemah demi kesejahteraan rakyat.

**YB Speaker** : Soalan seterusnya...

**YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani)** : Tuan Speaker boleh tambah soalan?

**YB Speaker** : Dua soalan aje Yang Berhormat. Lepas ni Yang Berhormat. Yang Berhormat Bekok jemput. Tekan kuat sikit Yang Berhormat.

**YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Bekok)** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 5. *Sorry* maafkan. Soalan nombor 4.

Terdapat ramai penternak di kawasan DUN Bekok yang terlibat dalam industri penternakan lembu. Apakah kemudahan bantuan yang diwujudkan oleh Pejabat Pertanian dalam membantu penternak-penternak seperti ini?

**YB Speaker** : Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Makmur Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Bekok telah membawa perkara berkenaan dengan penternak-penternak lembu di kawasan Dewan Undangan Negeri Bekok dan apakah kemudahan bantuan yang disediakan oleh Jabatan Pertanian? Sukacita dimaklumkan sekadar makluman mesra bahawa secara umumnya organisasi yang bertanggungjawab di atas industri penternakan di negara ini termasuklah penternakan lembu adalah di bawah tanggungjawab dan peranan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Umumnya, jumlah keseluruhan penternak lembu pedaging dan lembu tenusu dalam negeri Johor yang terkini yang berdaftar dengan jabatan atau agensi adalah seramai 2,054 orang penternak lembu pedaging dan 134 penternak lembu tenusu. Dalam kawasan DUN Bekok terdapat 52 orang penternak, daripada 52 orang penternak ini ada 38 penternak lembu pedaging dan 14 orang penternak lembu tenusu.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker dan Dewan yang mulia ini, pada tahun 2019 kerajaan negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM3.4 juta bagi program di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor manakala bagi tahun 2020 kerajaan negeri telah memperuntukkan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM3.5 juta bagi 13 program di bawah Jabatan Veterinar Negeri Johor. Program tersebut meliputi program bantuan kerajaan negeri kepada penternak terpilih seperti pemberian mesin pemerah susu, mesin *pasteurizer*, mesin *chopper*, bantuan pembiakan ternakan secara *artificial insemination* dengan izin dan lain-lain projek yang telah dilaksanakan. Bagi penternak di

DUN Bekok, seramai 9 orang penternak telah menerima bantuan dengan jumlah keseluruhan berjumlah RM50,000.00 bagi tahun 2020. Bantuan ini adalah berbentuk sepertimana yang saya nyatakan tadi seperti bantuan pemberian mesin pemerah susu, mesin *pasteurizer*, mesin *chopper* dan sebagainya.

Untuk makluman juga, kerajaan pusat turut juga turut memberikan bantuan peruntukan di bawah Projek Rintis Tenusu. Di bawah Program Rintis Tenusu, lembu tenusu daripada 10 orang penternak yang aktif di dalam DUN Bekok, 8 daripadanya telah pun diluluskan bantuan manakala 2 orang lagi tidak lulus, tidak diluluskan kerana memelihara, pemeliharaan dalam kawasan ladang swasta bukan milik mereka. Jumlah bantuan dalam Program Rintis Lembu ini adalah 10 ekor lembu bernilai RM100,000.00 untuk setiap seorang penternak dengan kos dalam daripada jumlah tersebut RM70,000.00 ditanggung oleh pihak kerajaan manakala RM30,000.00 ditanggung oleh penternak. Jumlah bantuan keseluruhan bagi projek ini yang terlibat bagi DUN Bekok adalah 8 orang penternak iaitu melibatkan RM560,000.00. Peruntukan bagi bantuan ini sedang dalam proses pelaksanaan. Bantuan lain berbentuk peralatan yang diberikan oleh kerajaan pusat kepada para penternak dalam DUN Bekok termasuklah bantuan 3 mesin *chopper* untuk 3 orang penternak, bantuan 1 tangki susu berkapasiti 500 liter untuk seorang penternak dan 3 buah *water heater* dengan izin, kepada 3 orang penternak dan ini semua melibatkan peruntukan RM46,872.00. Terima kasih.

**YB Speaker :** Ya, jemput Bekok.

**YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Bekok) :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO, terima kasih Speaker. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bidang pertanian dan penternakan adalah satu-satu bidang yang tidak dibabit oleh COVID-19, jadi kita kena banyak sokongan dalam bidang ini. Dan penternak tenusu, ada juga ramai penternak tenusu di kawasan Bekok tetapi angka yang diberi oleh Yang Berhormat tadi nampak sangat kecil. Kebanyakan penternak tenusu ini mereka masih duduk di estet, mereka tidak ada tanah. Dan estet ini pun selalu ada masalah dengan penternak tenusu ini. Jadi, bolehkah kerajaan ataupun Pusat Veterinar bantu mereka dalam aspek tanah, tanah rumput untuk penternak ini? Sebab 90% permintaan tenusu di Malaysia ialah diimport dari luar negara jadi ini, bantuan ini, akan tolong ekonomi negara kita juga...

**YB Speaker :** Ok, terima kasih, Yang Berhormat.

**YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Bekok) :** Saya mohon bahawa..

**YB Speaker :** Cukup Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat, cukup. Satu soalan.

**YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Bekok) :** 2 lagi.

**YB Speaker :** Satu soalan Yang Berhormat. Satu soalan.

**YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Bekok) :** Saya mohon bahawa Pusat Veterinar dan Pejabat Tanah bantu penternak tenusu di estet miliki ataupun pajakan tanah untuk memelihara lembu. Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar :** Terima kasih, Yang Berhormat Bekok. Saya maklumkan tadi bahawa 14 orang penternak yang berdaftar dengan agensi. Bermakna kalau daripada makluman yang diberikan Yang Berhormat Bekok bahawa ada lagi bilangan tetapi belum daftar. Saya cadangkan agar hubungan baik antara penternak dengan jabatan. Dan kita juga telah



menganjurkan agar pihak jabatan buat *outreach program* dengan izin, untuk mendaftarkan penternak-penternak ini. Kami maklum tentang kekurangan bekalan susu, khususnya susu segar bukan sahaja dalam negeri tetapi dalam negara. Tetapi dalam hal ini sepertimana yang saya nyatakan tadi, kerajaan hanya membantu kepada mereka yang mempunyai premis yang kekal dan *secure*. Justeru itu, saya mencadangkan agar pihak sepertimana yang saya maklumkan tadi, pihak penternak mengetengahkan permohonan mereka dan menceritakan masalah mereka kepada jabatan yang berkenaan. Saya anjurkan ini agar masalah petani-petani, yang apatah lagi sekarang ini kerajaan negeri telah menekankan soal *food security* atau keselamatan makanan. Kita melihat perkara ini adalah satu perkara yang penting. Justeru, jawabnya adalah mereka layak asalkan mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak jabatan dan lebih penting mereka mendaftar dengan pihak jabatan. Terima kasih.

**YB Speaker** : Soalan seterusnya, Yang Berhormat Bentayan, jemput.

**YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan)** : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 5.

Apakah perancangan atau inisiatif yang akan diambil oleh pihak kerajaan negeri untuk melindungi sekali gus mengekalkan bangunan warisan yang telah menjangkau usia melebihi 100 tahun?

**YB Speaker** : Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera Yang Berhormat Tuan Speaker dan hadirin sekalian. Soalan bertanyakan tentang apakah perancangan atau inisiatif yang akan diambil oleh pihak kerajaan negeri untuk melindungi sekali gus mengekalkan bangunan warisan yang telah menjangkau usia lebih 100 tahun? Kerajaan negeri sangat komited dalam usaha-usaha memelihara elemen-elemen warisan seperti monumen-monumen, bangunan-bangunan warisan, tapak bersejarah, kesenian dan kebudayaan. Perancangan atau inisiatif yang akan diambil oleh pihak kerajaan negeri untuk melindungi sekali gus mengekalkan bangunan warisan yang telah menjangkau usia melebihi 100 tahun ialah melalui Yayasan Warisan Johor dengan kerjasama pelbagai agensi berkaitan. Usaha-usaha ini termasuklah sedang mengemas kini inventori bangunan tapak dan monumen bersejarah di seluruh negeri Johor yang perlu menepati kriteria termasuk kategori warisan berdasarkan Akta Warisan Kebangsaan 205 (Akta 645) dan juga Enakmen Yayasan Warisan Negeri Johor 1988 (Enakmen 7 Tahun 1988). Bangunan tapak dan monumen bersejarah ini kemudian ini diwartakan kemudian ini di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 dan juga Enakmen Yayasan Warisan Negeri Johor 1988 agar ia dapat dilindungi melalui peruntukan-peruntukan undang-undang yang terkandung di bawah kedua-dua enakmen dan akta tersebut. Terima kasih.

**YB Speaker** : Ya Bentayan, jemput.

**YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan)** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya, setakat ini berapakah bangunan warisan yang telah menjangkau seusia melebihi 100 tahun di seluruh negeri Johor terutamanya di daerah Muar.

**YB Speaker** : Jemput, YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya** : Yang Berhormat Speaker ada tanya jumlah ya, Yang Berhormat, jumlah?

**YB Speaker** : Jumlah. Jumlah di Muar sahaja.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya :** Keseluruhannya di Johor ada 28, kalau saya nak baca panjang ni. Yang Berhormat sama ada nak bagi secara..

**YB Speaker :** Bertulis sahaja.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya :** Bertulis apa?

**YB Speaker :** Yang Muar sahaja, Muar tadi. Berapa Muar tadi tu?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya :** Ok. Yang di Muar, bangunan Pejabat Kerajaan Muar, bangunan Sekolah Tinggi Muar, Taman Negara Gunung Ledang, Bangunan Pejabat Kastam Diraja Muar, Masjid Sultan Ibrahim, Muar. Itu Yang Berhormat, terima kasih.

**YB Speaker :** Ya Senggarang, jemput.

**YB Tuan Khairuddin bin A. Rahim (Senggarang) :** Yang Berhormat Speaker, mengenai dengan warisan, tapak warisan, saya ingin bertanya di Dewan ini bahawa didapati tempat Pelupusan Sampah Bukit Payong dibina di atas tapak warisan, dikenal pasti sebagai tapak warisan. Apakah tindakan kerajaan negeri untuk mengkaji perkara ini dan membatalkan Tapak Pelupusan Sampah Bukit Payong sekiranya ia melibatkan tapak warisan sejarah?

**YB Speaker :** Jemput, Yang Berhormat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya :** Yang Berhormat Tuan Speaker. Kalau ikut diri saya memang tidak termasuk tapi saya akan cuba dapatkan maklumat yang betul, yang sah untuk diberi kemudiannya. Terima kasih.

**YB Speaker :** Soalan yang seterusnya, dijemput. Stulang.

**YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) :** Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 6.

Untuk sekarang, mereka yang balik dari Singapura ke JB akan dikuarantin di pusat kuarantin. Bilakah kerajaan akan membenarkan kuarantin 14 hari di rumah?

**YB Speaker :** Jemput Bentayan.

**YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan) :** Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 7.

Nyatakan jumlah pusat kuarantin dan jumlah individu sedang dikuarantin di pusat kuarantin atau di rumah masing-masing di negeri Johor setakat ini.

**YB Speaker :** Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Salam sejahtera, salam perpaduan. Izinkan saya untuk menjawab soalan Yang Berhormat Bentayan dan Yang Berhormat Stulang secara bersekali. Yang Berhormat Tuan Speaker, pada 16 Mac 2020 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan, PKP yang akan dilaksanakan pada 18 Mac 2020 bagi mengekang penularan pandemik COVID-19 di seluruh negara. Salah satu langkah kerajaan untuk mengekang COVID-19 adalah dengan mengujudkan stesen kuarantin dengan mengasingkan dengan izin, *Person Under Surveillance* (PUS) dan *Person Under Investigation* (PUI). Bermula dengan Perintah Kawalan Pergerakan sebanyak 57

stesen kuarantin telah pun digazetkan dan dibuka di Johor yang terdiri daripada 43 adalah hotel dan 14 adalah institut latihan awam.

Dan Yang Berhormat Tuan Speaker, mengikut statistik yang kita ada pada 18 Mac 2020 sehingga 10 Jun 2020, fasa pertama, sebanyak 20,536 orang telah pun ditempatkan di pusat-pusat kuarantin dan daripada 24 Julai 2020 sehingga 6 September 2020, iaitu fasa kedua seramai 4,422 orang telah pun ditempatkan di pusat kuarantin. Dan bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Stulang iaitu bilakah kerajaan akan membenarkan kuarantin 14 hari di rumah? Sebenarnya, yang Berhormat Speaker, kuarantin rumah sebenarnya telah dibenarkan sebelum ini. Iaitu perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah atau *home surveillance order* atau HSO telah pun mula dikuatkuasakan mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, Akta 342 sejak 10 Jun 2020. Iaitu daripada 10 Jun 2020 sehingga 23 Julai 2020 seramai 7,970 orang telah pun diberikan *home quarantine*. Walau bagaimanapun tindakan tersebut telah mengakibatkan penularan di kalangan ahli keluarga PUS dan berlaku beberapa kejadian kluster COVID-19 di kalangan komuniti. Ekoran daripada ketidakpatuhan PUS terhadap SOP-SOP yang telah pun ditetapkan. Jadi selaras daripada itu, pelaksanaan semula arahan kuarantin di pusat kuarantin telah pun dikeluarkan semula iaitu bermula 24 Julai 2020 di mana kesemua pengembara yang tiba di pintu masuk antarabangsa adalah diwajibkan untuk menjalani kuarantin selama 14 hari di stesen kuarantin yang telah pun ditetapkan oleh kerajaan. Setakat ini memandangkan situasi kejadian COVID 19 di peringkat dunia yang masih pada tahap yang membimbangkan dan risiko penularan dari kemasukan baru masih tinggi, kerajaan tidak ada sebarang cadangan untuk melonggarkan arahan kuarantin di pusat kuarantin buat masa ini. Terima kasih.

**YB Speaker :** Ya, Stulang, jemput.

**YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang) :** Terima kasih atas jawapan yang diberikan. Untuk makluman, mereka yang di kuarantin di hotel-hotel dan sebagainya mereka terpaksa menanggung kos yang tinggi. Dan juga, pusat kuarantin juga melibatkan kerahan kakitangan kerajaan yang agak tinggi juga. Dan, ramai juga kategori seperti mereka memohon pengecualian contohnya wanita hamil, kanak-kanak, orang tua dan sebagainya, dan untuk kategori tersebut bukan semua akan diluluskan untuk dikesualikan dikuarantinkan di pusat kuarantin. Jadi, soalan saya adalah adakah kerajaan akan menggunakan gelang tangan dengan penjejak GPS, dengan izin, *wristband with GPS tracker* kerana sekarang tidak ada, agar mereka yang balik ke Malaysia dibenarkan di kuarantin di rumah dan pada masa yang sama senang dikawal dan dijejaki oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput, Yang Berhormat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan daripada YB Stulang. Seperti yang saya nyatakan tadi bahawa pada asalnya *home quarantine* telah pun dibenarkan dan apabila mereka yang berada dalam *home quarantine* ni patutnya tidak boleh ke mana-mana. Tetapi ketidakpatuhan yang berlaku sehingga ada yang sepatutnya berada di rumah, berada di warung, pergi ke pusat membeli belah dan sebagainya menyebabkan ketidakpatuhan dan kerajaan terpaksa menarik balik *home quarantine* tersebut. Dan buat masa ini sepertimana dikatakan tadi bahawa, apa jua keputusan berkaitan dengan kuarantin adalah keputusan kerajaan persekutuan di dalam Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Perintah Kawalan Pergerakan yang turut mengambil kira pandangan dan nasihat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara. Jadi, buat masa ini kerajaan seperti yang saya katakan tadi tidak berhasrat untuk membenarkan pengembara yang masuk untuk *home quarantine* kecuali kepada kategori yang telah pun diberikan ataupun yang telah pun diluluskan baru-baru ini di bawah PCA sahaja. Sekiranya mereka adalah warganegara yang mempunyai kediaman di daerah Johor Bahru, mereka dibenarkan

*home quarantine* sehingga keputusan *swab test* itu diberikan kepada mereka. Bagi mereka di bawah PCA yang di luar daerah mereka terpaksa juga tinggal di *quarantine centre* sehingga keputusan diberikan. Terima kasih.

**YB Speaker** : Senggarang, jemput.

**YB Tuan Khairuddin bin A. Rahim (Senggarang)** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya pendirian kerajaan negeri tentang kuarantin ni kan. Baru-baru ini didapati seorang Menteri daripada pusat tidak dikuarantin dan apa pendirian kerajaan negeri dalam bab ini, dalam isu ini dan saya berharap perkara ini tidak menjadi amalan di negeri Johor pada ketika ini. Sekian.

**YB Speaker** : Luar bidang kuasa tu. YB, jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar** : Saya rasa saya tak perlu jawab soalan tu Yang Berhormat Tuan Speaker.

**YB Speaker** : Seterusnya, Yang Berhormat Penawar, jemput.

**YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar)** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Speaker, soalan saya nombor 8.

Nyatakan adakah 7 Ikhtiar Makmur Johor ini satu lagi usaha untuk menggantikan Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019-2030? Jelaskan apakah status Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019-2030 dengan wujudnya 7 Ikhtiar Makmur Johor ini?

**YB Speaker** : Penawar, jemput sekali lagi. Penawar.

**YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar)** : Tuan Speaker, soalan saya juga nombor 9.

Apakah relevannya mewujudkan *Johor Investment Company* (JICO) di Singapura dan apakah mekanisme penubuhannya melibatkan kos?

**YB Speaker** : Yang Berhormat Serom, jemput.

**YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan (Serom)** : Assalamualaikum dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 10.

Apakah agenda besar dan hala tuju kerajaan Johor hari ini di dalam meneruskan Pelan Pembangunan Mampan 2030 yang telah disediakan oleh kerajaan PH sebelum ini bagi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat keseluruhannya?

**YB Speaker** : Tenggaroh, jemput.

**YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh)** : Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 11 dan 12.

Apakah dapatan daripada *Ibrahim Johor Economic Council* (IJEC) yang telah diadakan pada kali pertama beberapa bulan depan?

Apakah relevannya mewujudkan *Johor Investment Company* (JICO) di Singapura dan apakah mekanisme penubuhannya melibatkan kos?

**YB Speaker** : Bentayan, jemput.

**YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan) :** Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 13.

Apakah hala tuju strategik, polisi dan pelan tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang yang telah dikenal pasti oleh Majlis Ekonomi Ibrahim Johor (IJEC) bagi menjana semula ekonomi negeri Johor?

**YB Speaker :** Semerah, jemput.

**YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah) :** Yang Berhormat Speaker, soalan saya soalan nombor 14.

Nyatakan fungsi utama *Ibrahim Johor Economic Council* untuk pembangunan ekonomi Johor serta nyatakan rancangan jangka pendek, sederhana dan panjang yang dirancang setakat ini.

**YB Speaker :** Jemput, Yang Amat Berhormat.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon untuk menjawab soalan daripada Penawar, Serom, Tenggaroh, Bentayan dan Semerah secara bersekali.

Semua soalan Yang Berhormat adalah berkisar kepada 7 Ikhtiar Makmur Johor. Suka saya jelaskan di sini bahawa 7 Ikhtiar Makmur Johor adalah Pelan Keluar (*Exit Plan*) kerajaan Johor daripada belunggu pandemik COVID-19. Ia sekali gus memperkasakan dan meningkatkan daya tahan semua sektor-sektor ekonominya yang terjejas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

7 Ikhtiar yang digariskan itu adalah :

1. *Ibrahim Johor Economic Council*
2. Pelan Induk Digital Johor
3. Segi tiga Pertumbuhan Singapura-Johor-Riau (Sijori)
4. Membuka pejabat *Johor Economic Trade and Cultural Office* di Singapura termasuklah menubuhkan akademi JCS.
5. Jajaran ekonomi baru, *The New Johor Economic Spine*
6. Program Jaminan Makanan Johor
7. Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Bentayan dan Tenggaroh tertarik dengan penubuhan *Ibrahim Johor Economic Council* dalam membantu membangunkan ekonomi negeri Johor. IJEC dianggotai oleh 12 ahli tetap yang dilantik di kalangan wakil kerajaan, pakar ekonomi, pemain industri utama dan individu berpengalaman. Ahli yang mempunyai pelbagai latar belakang, berperanan memberikan pandangan serta input berdasarkan kepakaran masing-masing terutamanya berkaitan pelan pemulihan ekonomi. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ) bertindak sebagai Sekretariat bagi tujuan penyelarasan bersama Kerajaan Persekutuan yang diwakili oleh wakil daripada Kementerian Kewangan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi juga dijemput bersama. Peranan IJEC adalah seperti berikut :

1. Membantu kerajaan negeri untuk mengenal pasti isu-isu semasa dan merangka hala tuju strategik polisi dan prosedur bagi meningkatkan daya tahan ekonomi. Ianya termasuklah meneroka sumber-sumber ekonomi baru dan meningkatkan kerjasama sosioekonomi serantau.

2. Peranan IJEC juga ialah untuk mengenal pasti dan mengemukakan strategi bagi menggalakkan pelaburan berimpak tinggi ke negeri Johor.
3. Mengetahui langkah-langkah yang wajar dan merangka pelan pemulihan jangka pendek, sederhana dan panjang bagi mengurangkan impak ketidakpastian ekonomi global dan penularan wabak COVID-19 kepada ekonomi negeri dan kesejahteraan rakyat.
4. Seterusnya merangka usaha-usaha dan inisiatif yang relevan berdasarkan kepada hasil kajian Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030 dan memastikan pelaksanaan inisiatif secara berkesan.

Pada 6 Julai 2020, sebanyak 3 kertas perbincangan telah dibentangkan kepada Ahli Mesyuarat IJEC berkenaan. Pertama, Pelan Pembangunan Negeri Johor 2030; kedua, Pakej Rangsangan Ihsan Negeri Johor; ketiga adalah Impak Penularan Pandemik COVID-19 Terhadap Pertumbuhan Ekonomi Negeri Johor.

Antara hasil mesyuarat IJEC kali pertama adalah seperti berikut:

1. Pelan jangka pendeknya adalah penyelarasan antara Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Johor dan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin serta Penjana di bawah kelolaan kerajaan pusat. Kita laksanakan pelarasannya.
2. Penyusunan semula polisi, SOP atau insentif bagi sektor yang terjejas terutamanya pelancongan, perkhidmatan, IKS dan pembuatan. Program-program pembangunan modal insan termasuk *job matching* atau *re-skilling* atau *up skilling* sedang dirangka oleh unit modal insan dan beberapa agensi lain seperti *Jobs Malaysia* adalah untuk memastikan penyediaan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Sementara pelan jangka sederhana, kita melihat kepada sektor pelaburan ialah dengan mengambil langkah mengaktifkan semula Jawatankuasa Pelaburan Negeri Johor dalam meneliti tahap daya saing negeri Johor dari segi penyediaan infrastruktur untuk menarik pelaburan yang berimpak tinggi, berteraskan teknologi dan inovasi. Jawatankuasa ini akan dianggotai oleh MIDA, MDEC, syarikat GLC seperti JCorp, agensi kerajaan persekutuan termasuklah IRDA, pemain industri, wakil-wakil syarikat swasta.

Dalam pelan jangka sederhana juga, usaha untuk menyediakan Pelan Hala Tuju Pelaburan Negeri Johor (*Johor Invest*) akan dibangunkan. Pelan ini akan memastikan ekosistem pelaburan, perdagangan dan pembuatan dapat diwujudkan dengan tumpuan kepada kluster industri yang bernilai tinggi. Sementara dalam sektor pembinaan, kerajaan negeri telah menyatakan pendirian supaya projek-projek yang berimpak tinggi yang telah dirancang perlulah diteruskan. Antaranya projek *Rapid Transit System* (RTS). Alhamdulillah, telah pun dimuktamadkan antara kedua-dua negara. *High Speed Rail* (HSR) dari Kuala Lumpur ke Singapura, pelebaran Lebuhraya Utara - Selatan termasuklah pelebaran Lebuhraya Senai-Desaru. Projek-projek di atas akan menjadi projek keutamaan bagi Rancangan Malaysia Ke-12.

IJEC juga telah merangka pelan jangka panjang. Antaranya menjayakan 7 Ikhtiar Makmur Johor dan Pelan Pembangunan Mampan Negeri Johor 2030. *Exit Plan* jangka panjang kerajaan Johor yang akan diperhalusi mengikut kesesuaian dan perubahan masa. Contoh SIJORI ini adalah idea dan usaha yang lama tetapi akan disesuaikan mengikut trend ekonomi semasa, *regional economic cooperation instead of global*.

Ikhtiar kedua adalah menubuhkan Majlis Digital Negeri Johor yang berperanan menyediakan Pelan Hala Tuju Digital Negeri Johor. Majlis ini akan menyelaraskan setiap inisiatif

berkenaan digital di negeri Johor sama ada di peringkat jabatan mahupun swasta. Kerajaan negeri amat memberi penekanan terhadap usaha pendigitalan ini memandangkan ia adalah salah satu pelan jangka panjang kerajaan negeri dalam usaha pemulihan ekonomi. Kerajaan negeri juga akan memastikan adaptasi digital yang optimum di dalam aspek pengurusan maklumat, transformasi kerajaan dan pengurusan sektor ekonomi seperti pembuatan, pertanian, keusahawanan dan lain-lain lagi.

Ikhtiar yang ketiga adalah Segi Tiga Pertumbuhan Singapura – Johor – Kepulauan Riau (SIJORI). Inisiatif kerajaan negeri dalam perancangan pertumbuhan segi tiga SIJORI ini sebenarnya telah bermula pada tahun 1994, ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih Menteri Besar Johor pada ketika itu, dan satu perjanjian persefahaman telah ditandatangani antara ketiga-tiga negara dalam usaha memperkukuhkan kedudukan sebagai destinasi pelaburan di rantau Asia Tenggara ini.

SIJORI merupakan kawasan pembangunan wilayah yang amat strategik dimajukan bersama Singapura dan Riau, Indonesia bagi tujuan penjana ekonomi serantau dengan mengoptimalkan kedudukan strategik, aliran pelaburan asing, hubungan logistik, sumber semula jadi dan tenaga kerja serta ketersediaan dalam bidang teknologi iaitu kemahiran dan pengetahuan. Fokus utama kerjasama SIJORI selain daripada bidang ekonomi adalah bidang sosial dan budaya, perdagangan dan perhubungan serta bidang keselamatan dan perhubungan sempadan. Persefahaman antara 3 negara ini perlu dicapai dalam usaha untuk memperkukuhkan sinergi kerjasama serantau dalam menghadapi krisis ekonomi pasca covid-19 dan perang dagangan Amerika China.

Kerajaan negeri melalui Rancangan Struktur Negeri Johor 2030 telah menggariskan 6 inisiatif pelaksanaan dalam Strategi Pembangunan Wilayah SIJORI. Rancangan ini akan diperhalusi bersama dengan agensi kerajaan persekutuan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan melalui agensi-agensi lain seperti IRDA.

Yang Berhormat Tuan Speaker, seterusnya Yang Berhormat Penawar dan Tenggaroh ada bertanyakan kepada Dewan justifikasi penubuhan JICO. Untuk makluman Dewan, *Johor Economy Trade and Cultural Office* di Singapura yang merupakan Ikhtiar kelima penting dalam merencanakan ekonomi rentas sempadan Johor – Singapura. Kita tidak boleh menafikan bahawa Singapura adalah pelabur asing terbesar di negeri Johor sejak sekian lama yang merangkumi 62 buah projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.68 bilion, berbanding dengan negara-negara lain seperti China, Taiwan dan Belanda.

Jika dikira jumlah keseluruhan projek pelaburan dari Singapura sejak tahun 1999 adalah sebanyak 1,050 buah projek dengan nilai RM16.2 bilion. Oleh yang demikian, penubuhan JICO adalah amat signifikan kerana ianya bertujuan untuk mempromosikan negeri Johor di dalam perniagaan, perdagangan dan pelancongan.

Selain daripada itu, penubuhan JICO adalah bertindak sebagai pusat maklumat setempat kepada para pelabur yang berminat melabur di Johor.

Sebagai agensi yang akan membawa pelaburan masuk dari Singapura ke negeri Johor. Kerajaan negeri juga akan memastikan strategi dan inisiatif JICO adalah saling melengkapi kepada peranan MATRADE dan juga MIDA. Dalam usaha meningkatkan hubungan perdagangan dan promosi, peluang pelaburan antara Malaysia dan Singapura, JICO akan bekerjasama dengan pemegang taruh di negeri Johor seperti Invest Johor, IRDA dan JICO.

Dari segi implikasi kewangan pula, JICO akan ditubuhkan sebagai *private limited company* mengikut tatacara dan undang-undang penubuhan syarikat yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa Singapura iaitu *Accounting and Corporate Regulatory Authority*.

Penubuhan dan pelaksanaan JICO akan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan negeri Johor melalui syarikat berkaitan kerajaan (GLC) iaitu Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Speaker, ialah Ikhtiar yang kelima iaitu untuk merencana jajaran ekonomi baru adalah selari dengan perancangan kerajaan persekutuan untuk pembangunan *High Speed Rail* Kuala Lumpur – Singapura. Tumpuan pembangunan kepada bandar *nukleus* baru di sepanjang wilayah barat dan utara negeri seperti Muar, Air Hitam dan Kluang dapat dipertingkatkan melalui ikhtiar ini.

Berdasarkan statistik data menunjukkan bahawa jumlah penduduk di sepanjang kawasan wilayah barat, utara negeri Johor dan Singapura adalah seramai 7.99 juta. Ini adalah satu sumber yang cukup besar untuk kerajaan dapat dilihat dalam usaha pembangunan sektor ekonomi baru di negeri ini. Jajaran ekonomi baru ini yang dihubungkan dengan landasan kereta api berkelajuan tinggi, Lebuh raya Utara Selatan, pelabuhan, lapangan terbang dan agensi transformasi digital adalah komponen penting dalam menjamin integrasi pembangunan wilayah, pembangunan Iskandar Malaysia, wilayah pembangunan barat dan utara negeri Johor.

Sektor ekonomi baru seperti pendidikan, perabot, pertanian, tekstil dapat dipelopori oleh daerah seperti di Muar, Air Hitam, Batu Pahat dan juga Kluang. Landasan kereta api berkelajuan tinggi menjadi projek *catalyst* yang memberi nilai tambahan berganda kepada pemindahan teknologi, membuka peluang perniagaan bukan sahaja dalam kejuruteraan tetapi merangkumi teknologi, pelancongan dan penambahan pekerjaan baru. Negeri Johor akan pastikan stesen HSR akan dibangunkan di Muar, Air Hitam dan Iskandar Puteri.

Seterusnya kerajaan negeri menyokong agar Depoh HSR yang dibangunkan di Pagoh, Muar kerana ianya adalah selari dengan hasrat Hab Pendidikan Pagoh pada tahap antarabangsa.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Ikhtiar yang keenam adalah kerajaan negeri amat serius dalam menjamin bekalan makanan mencukupi di negeri Johor. Oleh yang demikian, kerajaan negeri akan melaksanakan program jaminan bekalan makanan Johor. Program ini adalah selaras dengan penubuhan Jawatankuasa Kabinet berkaitan dasar keselamatan negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Oleh yang demikian, Jawatankuasa Jaminan Bekalan Makanan Negeri Johor, saya sendiri akan mempengerusikan Jawatankuasa ini. Jawatankuasa Jaminan Bekalan Makanan Negeri Johor ini berperanan untuk-

1. Mewujudkan Dasar Pertanian Negeri Johor dan Dasar Agro Makanan Negeri 2020 - 2025.
2. Meningkatkan kadar kecukupan diri, *self sufficiency rate* kepada hasil pertanian di Johor. Ini akan mengurangkan kepada kebergantungan kepada produk pertanian import.
3. Mendapatkan input dan pandangan daripada pelbagai pihak yang berkepentingan termasuk akademik, pemain dan pakar industri, NGO-NGO, petani penternak dan juga nelayan.
4. Jawatankuasa juga berperanan untuk mewujudkan satu mekanisme kutipan hasil pertanian yang dieksport keluar daripada negeri Johor.
5. Mewujudkan satu sistem bakul makanan kepada golongan fakir miskin agar mereka tidak terputus bekalan makanan.



Dan yang akhir adalah Ikhtiar yang ketujuh, menjayakan Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030. Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030 adalah kajian pembangunan negeri Johor yang komprehensif dan yang akan menjadi rujukan utama pembangunan Negeri Johor. Ia juga merupakan asas kepada kejayaan 7 Ikhtiar Makmur Johor.

Pelan ini adalah perancangan pembangunan yang memberi tumpuan terhadap kemakmuran rakyat Johor mengikut kekuatan industri yang sedia ada di kesemua 10 daerah di Johor. Kesemua inisiatif yang digariskan dalam pelan ini akan digerakkan secara intensif oleh semua jabatan serta agensi persekutuan dan di peringkat negeri dalam usaha untuk memastikan visi yang digariskan serta matlamat 7 Ikhtiar Makmur Johor ini dapat direalisasikan. Terima kasih.

**YB Speaker :** Ya Semerah jemput.

**YB Tuan Mohd. Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah) :** Yang Berhormat Tuan Speaker, kalau kita lihat tadi di dalam rancangan jangka pendek yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar memaklumkan bahawa salah satunya ialah Program Modal Insan. Dan kita dimaklumkan tadi bahawa seramai 173,000 orang menganggur dan kita juga akan lihat lebih ramai lepasan-lepasan daripada universiti, kolej dan sebagainya.

Jadi saya ingin tahu, apakah sektor-sektor utama yang menjadi keutamaan kerajaan memastikan bahawa mereka yang menganggur dan mereka yang akan keluar daripada universiti akan mendapat pekerjaan dan saya *relate* juga dengan izin, dengan JICO kerana kita lihat pertumbuhan perdagangan kita negeri Johor bersama dengan Singapura ialah sebanyak RM1.68 bilion. Jadi apakah industri-industri utama yang kita utamakan daripada Singapura untuk melabur di negeri Johor dan ianya adakah mereka yang menganggur dan juga lepasan-lepasan universiti akan dapat pekerjaan daripada apa hasil yang kita dapat daripada Singapura? Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput Yang Amat Berhormat.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tuan Speaker, pertama usaha kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran kesan daripada pandemik COVID-19 ini ialah menumpukan kepada sektor-sektor yang penting dan yang paling utama ialah membuka semula sempadan antara Johor dan Singapura. Kita amat memahami lebih 400,000 rakyat yang bekerja di Singapura. 200,000 hingga 250,000 adalah mereka yang perlu keluar masuk secara seharian. Maka atas dasar itu, kerajaan negeri akan segera membincangkan dengan pihak kerajaan persekutuan usaha untuk memastikan supaya sempadan ini dibuka semula.

Dan, langkah-langkah yang dibuat oleh kerajaan untuk memastikan agar ekonomi akan dapat berjalan semula, dapat dirancarkan semula adalah dengan kita memastikan supaya program-program *re-skilling, up skilling* ini dapat digerakkan sepenuhnya. Kerajaan membelanjakan hampir RM600,000.00 untuk menggalakkan mereka-mereka untuk mendapatkan latihan dan bimbingan di institut-institut latihan di negeri Johor seperti Kolej YPJ seperti kolej, Kolej PUSPATRI oleh JCorp dan juga beberapa institut pendidikan di negeri Johor.

Selain daripada kita menyelaras usaha-usaha untuk membantu mereka-mereka yang terkesan, yang lebih penting kepada kerajaan ialah untuk memastikan bahawa usaha-usaha yang seperti saya telah nyatakan tadi dapat kita gerakkan dengan cara yang lebih bersasar, lebih tertumpu dan perancangan kerajaan negeri pada waktu ini agar Bajet 2021 adalah bajet defisit kerana kita tahu bahawa hasil yang dipungut oleh kerajaan itu akan menguncup, tetapi kita tidak akan mengurangkan usaha-usaha untuk membantu rakyat di bawah. Maka

segala perancangan Bajet 2020 kita tidak akan, kita tidak akan kurangkan, kita cuma jajarkan semula.

Bagi tahun 2021, walau apa pun hasil yang kita pungut, tapi hasil perancangan kita haruslah menumpu kepada usaha untuk membantu masyarakat, kita akan berbelanja lebih daripada hasil yang kita pungut kerana kita tahu bahawa kesan daripada pandemik COVID-19 ini memerlukan ataupun kesannya akan mengambil masa yang lebih panjang daripada yang kita jangkakan. Maka itu, usaha untuk memastikan perbelanjaan ataupun perancangan kerajaan dapat diteruskan, ini merangkumi usaha-usaha untuk membantu rakyat dalam pelbagai sektor termasuklah ataupun sehinggalah kepada belanjawan bagi tahun 2021. Terima kasih.

**YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) :** Tuan Speaker...

**YB Speaker :** Ya.

**YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) :** Soalan tambahan daripada Parit Yaani. Berdasarkan kepada jawapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu *up skilling* dan *re-skilling* yang diperuntukkan sekitar RM600,000.00. Kalau kos bagi seorang peserta dalam kursus berkenaan memerlukan RM1,000.00 bermakna kita hanya dapat menyediakan 600 peserta untuk kita latih. Sedangkan mereka yang dibuang ataupun diberhentikan termasuk mahasiswa yang belum mendapat pekerjaan disebabkan COVID, saya rasa peruntukan itu terlalu kecil, tidak munasabah dan saya mengharapkan pertama sekali tambahan berapa yang perlu ditambah supaya rakyat yang terkesan dengan COVID dibuang kerja di Singapura, yang kita sedia maklum bahawa sebahagian besar daripada pekerja-pekerja Singapura ini membeli rumah di Johor, tinggal di Johor. Dia akan kesan pada yang lain.

**YB Speaker :** Soalan Yang Berhormat.

**YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) :** Yang kedua, soalannya,

**YB Speaker :** Soalan satu Yang Berhormat.

**YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) :** Satu sahaja. Ada banyak soalan yang sebenarnya. Jadi, oleh kerana itu, oklah ya. Baik, jadi berapa tambahan yang diperlukan kalau tidak maknanya macam kita beri gula-gula sahajalah tetapi tidak dapat betul-betul membantu kepada mereka yang terkesan.

**YB Speaker :** Jemput, Yang Amat Berhormat.

**YAB Menteri Besar :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan daripada, soalan tambahan daripada Yang Berhormat Parit Yaani. Yang Berhormat pun sedia maklum, bahawa Yang Berhormat pun pernah jadi kerajaan dan juga melihat kepada kaedah dan cara untuk meningkatkan lebih ramai supaya usaha-usaha modal insan ini terus dapat dibangunkan di Johor. Apa yang menjadi cabaran kepada kita Yang Berhormat ialah data? Sebab itu kerajaan negeri memberi tumpuan kepada soal membangunkan Digital Johor ini supaya kita dapat data yang lengkap, mempunyai data yang menyeluruh supaya dapat kita selaraskan bantuan-bantuan yang sewajarnya.

Yang Berhormat, kita sewaktu merancang program untuk membantu mereka-mereka yang terkesan daripada COVID-19 ini. Bila kita umumkan bantuan tunai sebagai contoh, ada 192,000 pemohon ataupun maaf saya, 192,000 itu adalah pemohon yang gagal daripada 234,000. Yang Berhormat, saya percaya kita juga bersetuju bahawa ini adalah satu keadaan yang tidak sepatutnya berlaku, tetapi ianya berlaku. Kerana yang gagal itu, seramai 192,000

itu adalah kerana pemohon atau pasangan yang melebihi had kelayakan pendapatan pemohon atau pasangan yang mempunyai syarikat dan layak memohon Geran Prihatin Nasional. Dan juga pemohon yang berumur kurang daripada 18 tahun, duplikasi permohonan, nombor kad pengenalan yang tak wujud, pemohon telah meninggal dunia, maklumat permohonan tak lengkap.

Jadi Yang Berhormat, apa yang kita hadapi ialah keadaan ini tidak boleh berterusan. Jadi sama ada dalam usaha menggalakkan *re-skilling*, *up skilling* kita memerlukan satu pembangunan data, apa yang ada kepada kerajaan sewaktu usaha untuk meluluskan atau bersetuju dengan peruntukan RM600,000.00 itu adalah berdasarkan data yang ada. Tetapi saya percaya atas saranan Yang Berhormat, kerajaan perlu berusaha dengan lebih berkesan lagi dalam memastikan bahawa lebih ramai dan lebih banyak lagi sektor-sektor bagi tujuan *up skilling* dan *re-skilling* ini supaya dapat kita bantu dan kita berikan sepenuh tumpuan dan perhatian kepada pihak mereka. Terima kasih.

**YB Speaker** : Seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat Serom.

**YB Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan (Serom)** : Yang Berhormat Tuan speaker, soalan saya nombor 15.

Adakah kerajaan negeri hari ini mempunyai cadangan untuk memberikan kebenaran khas kepada surau-surau bersaiz besar dan sederhana untuk pelaksanaan solat Jumaat bagi menampung keperluan jemaah solat Jumaat di sesetengah kawasan padat penduduk kesan pelaksanaan SOP KKM untuk mencegah penularan COVID-19?

**YB Speaker** : Jemput Yang Berhormat EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam** : (Doa) Yang Berhormat Tuan Speaker. Sebagaimana soalan daripada Serom, apakah kerajaan negeri pada hari ini mempunyai cadangan untuk memberikan kebenaran khas kepada surau-surau bersaiz besar dan sederhana untuk pelaksanaan solat Jumaat bagi menampung keperluan..

**YB Speaker** : Yang Berhormat, Yang Berhormat jimat masa tidak payah baca soalan. Terus ke jawapan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam** : Sepertimana yang diminta jawapannya kebenaran sementara bagi solat surau, kariah dan surau-surau berasrama telah dilaksanakan dalam tempoh perintah kawalan pergerakan pemulihan atau PKPP bagi menampung keperluan jemaah solat Jumaat di sesetengah kawasan yang padat penduduknya. Syarat yang utama, bangunan surau dan jawatankuasa surau telah berdaftar dan dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Syarat yang kedua, tanah telah diwakafkan kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor sekiranya tanah rizab surau telah dipertimbangkan.

Syarat yang ketiga, pegawai surau telah mempunyai tauliah lantikan daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Yang seterusnya, boleh menampung jumlah 45 orang dengan mengambil kira penjarakan sosial. Seterusnya, mendapat sokongan daripada kadi daerah dan penghulu mukim. Mempunyai kemudahan sebagai tempat mendirikan Jumaat, seperti mimbar, cokmar, tempat wuduk, tandas dan parkir iaitu *parking* kereta. Syarat bagi permohonan solat Jumaat sementara sekolah-sekolah berasrama pula. Tapak dan bangunan sekolah telah dirizabkan sebagai surau sekolah. Pegawai surau telah berdaftar dengan Pejabat Kadi Daerah.

Yang ketiganya, boleh menampung jumlah jemaah 45 orang dengan mengambil kira penjarakan sosial. Mendapat sokongan daripada Pejabat Kadi Daerah Penghulu Mukim dan Pejabat Pelajaran Daerah. Mempunyai kemudahan sebagai tempat mendirikan solat Jumaat seperti mimbar, cokmar, tempat wuduk dan sebagainya. Bagi memastikan jawapan tentang SOP Kementerian Kesihatan dalam usaha hendak mencegah penularan COVID-19. Sebarang perkara untuk melibatkan peraturan-peraturan dan guna pakai masjid dan surau akan disembah maklum ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar selaku Ketua Agama Negeri. Demi menjaga dan menghidup syiar Islam di negeri Johor, solat Jumaat di masjid dan solat Jumaat serta surau yang diberikan kebenaran Jumaat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) adalah dibenarkan dan hendaklah dilaksanakan secara berikut :

Bilangan jemaah solat Jumaat di masjid dan surau Jumaat serta surau yang diberikan kebenaran Jumaat mengikut satu pertiga kapasiti masjid dan surau Jumaat serta surau yang diberikan kebenaran dengan mematuhi penjarakan sosial.

Solat berjemaah fardu 5 waktu dibenarkan mengikut satu pertiga kapasiti masjid dan surau dengan mematuhi penjarakan sosial. Kebenaran ini berkuat kuasa mulai waktu subuh 23 Muharam 1442H bersamaan 11 September 2020 sehingga 16 Jamadilawal 1442H bersamaan 31 Disember 2020 atau satu tarikh yang akan ditentukan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor setelah mendapat pandangan dan nasihat daripada Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Ahli jawatankuasa masjid dan surau hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan pengurusan dan pelaksanaan solat Jumaat, solat berjemaah fardu 5 waktu serta aktiviti keagamaan berjalan dengan jalan lancar serta mengambil semua garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor seperti berikut :

1. Memakai penutup muka dan hidung.
2. Mengambil wuduk di rumah sebelum ke masjid dan surau.
3. Membawa sejadah sendiri daripada rumah.
4. Pemeriksaan suhu sebelum memasuki masjid dan surau.
5. Merekodkan kehadiran dalam buku pendaftaran yang disediakan oleh pihak masjid dan surau.
6. Memastikan penjarakan sosial sepanjang berada di masjid dan surau.

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKPP) semua perhimpunan untuk tujuan aktiviti agama di seluruh premis masjid dan surau adalah dibenarkan seperti berikut :

1. Program membudayakan al-Quran dan assunnah tidak melebihi 30 minit selepas solat.
2. Program bacaan Yasin dan tahlil dalam tempoh selepas solat maghrib hingga ke solat isyak.
3. Bacaan surah Al-Mulk dan surah Al-Kahfi adalah berdasarkan waktu sebenar program.
4. Program kuliah takmir di masjid-masjid dan surau iaitu kuliah maghrib dilaksanakan selepas solat maghrib sehingga isyak manakala kuliah subuh, kuliah dhuha, kuliah zohor, tazkirah Jumaat, kuliah Isyak dalam tempoh tidak melebihi 1 jam.
5. Program dakwah seperti kursus jenazah, kursus haji dan umrah, kursus pra perkahwinan, kelas tafaqf berkitab, kelas pengajian Al-Quran dan seumpamanya berdasarkan waktu sebenar program.

6. Program selawat, rawatib dan wirid juga berdasarkan waktu sebenar program.
7. Program hari-hari kebesaran Islam seperti Maulidur rasul dan seumpama juga berdasarkan waktu sebenar program

**YB Speaker** : Panjang lagi ke Yang Berhormat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam** : Itu sahaja Yang Berhormat, terima kasih.

**YB Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan (Serom)** : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan tambahan.

**YB Speaker** : Dijemput Serom.

**YB Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan (Serom)** : Merujuk penjelasan daripada YB EXCO tadi, tidak dinyatakan statistik berapakah kebenaran yang telah diberikan kepada masjid dan surau ataupun surau-sarau bersaiz besar ini untuk melaksanakan solat Jumaat. Dan kemudian berapakah jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada surau-sarau ini dalam membuat persediaan sama ada bagi penyediaan tempat ataupun peralatan dan seterusnya adakah kebenaran yang diberikan untuk surau solat Jumaat ini akan ditarik balik selepas tempoh PKP? Sekian.

**YB Speaker** : Jemput, Yang Berhormat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam** : Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi bantuan untuk masjid dan surau Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah pun memperuntukkan sebanyak RM300,000.00 bagi membekalkan peralatan suhu badan. Ianya disalurkan mengikut Pejabat-Pejabat Kadi Daerah. Bagi jumlah keseluruhan masjid dan surau bagi seluruh negeri Johor, kita ada mempunyai sebanyak sejumlah 26 masjid kerajaan. Bagi masjid kariah seluruh negeri Johor kita mempunyai 785 buah masjid. Bagi masjid institusi pelajaran kita ada 27 buah masjid. Jumlah seluruh masjid di negeri Johor ialah 838. Bagi surau-sarau Jumaat, jumlah seluruh surau di negeri Johor sebanyak 91. Bagi surau di institut pendidikan pelajaran tinggi sebanyak 15, bagi surau kariah kita ada 1,839 surau, jumlah seluruh surau di negeri Johor ialah sebanyak 1,945 surau. Sekian, Yang Berhormat Speaker.

**YB Speaker** : Jam telah menunjukkan jam 11.00 pagi. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama. Kita tangguh Persidangan sehingga jam 11.20 pagi.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.**

**Persidangan disambung semula pada jam 11.20 pagi.**

**Jurutulis : RUNDINGAN MENGENAI PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI IHSAN JOHOR 2020.**

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membawa rundingan Mengenai Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor 2020 pada hari ini.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Segala puji milik Allah SWT, selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW kepada keluarga Baginda kepada tabii dan tabiin serta para ulama' semoga memperoleh ihsan Allah di hari akhirat kelak.

Pada pagi ini saya akan membentangkan kenyataan khusus tentang status berkaitan keadaan ekonomi semasa negeri Johor kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Pembentangan saya ini akan menjelaskan betapa kita sedang menghadapi kedudukan ekonomi yang sifatnya sangat *unprecedented* iaitu sesuatu yang tidak pernah berlaku serupanya. Saya akan memperincikan betapa Johor dan ekonominya sangat terkesan dengan pandemik COVID-19, kejatuhan harga minyak, penutupan sempadan dan ketidakstabilan politik semasa. Biar saya tegaskan terlebih dahulu bahawa Johor dan Malaysia tidak pernah berada dalam kedudukan segetir ini semenjak kemerdekaan lagi. Apatah lagi cabaran yang tidak boleh kita jangkakan bilakah ia akan berakhir dan bagaimanakah ia akan berakhir. Saya boleh katakan kita sedang berada dalam zaman tidak ketentuan atau *the age of uncertainty* dengan izin. Ia adalah satu keadaan yang begitu luar biasa dan kerana itulah menjadi kewajipan moral kepada saya sebagai Menteri Besar untuk memberikan gambaran yang jelas tentang permasalahan yang sedang melanda kita sekarang. Saya tidak akan berdolak-dalik dan saya tidak akan cuba untuk menyembunyikan dan menyedapkan halwa telinga kita dengan memberikan fakta yang enak didengar sahaja. Sebaliknya, saya akan bentangkan yang realiti agar Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini mengetahui dan rakyat juga memahami kedudukan sebenar ekonomi kita.

Kerajaan di bawah kepimpinan saya, kita tidak akan berfungsi dalam keadaan *in denial* dengan izin. Kami akan bersikap telus dalam kenyataan kami, perbuatan kami dan tindakan kami. Dan kerana itulah asas kepentingan ketelusan, kepentingan pertanggungjawaban maka hal ini saya ingin menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini keadaan sebenar Johor dan ekonominya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, COVID-19 telah meletakkan kedudukan ekonomi dunia dalam keadaan yang sudah tidak lagi normal. Kita berada di luar kelaziman, *we are living in abnormal time* dengan izin. Tidak pernah dalam sejarah manusia abad ke 21 keadaan dunia sama ada dalam bidang ekonomi mahu pun sosial menjadi begitu *disruptive* atau terganggu. Bukan sahaja pada skala yang kecil malah menjadi secara serentak di seluruh dunia. Ini adalah keadaan yang memberi kesan kepada semua status sama ada negara maju, negara membangun mahupun negara miskin.

Ia memberi kesan tanpa mengira ideologi, negara demokrasi, negara komunis, negara sosialis, kerajaan monarki, hatta daerah yang dicengkam diktator sekalipun semuanya terkesan, semuanya tidak terlepas. Keadaan ini bersifat mencabar dan *disruptive* kerana beberapa sebab. Pertama, aktiviti ekonomi menjadi pegun untuk beberapa bulan hampir tiada langsung aktiviti ekonomi yang berlangsung secara normal kerana perintah kawalan pergerakan. Kedua, untuk pertama kalinya dalam sejarah Malaysia Moden sempadan kita ditutup. Tidak pernah dalam imaginasi kita sempadan Johor dan Singapura akan ditutup sepenuhnya, lalu melumpuhkan pergerakan perdagangan manusia dan perkhidmatan antara kedua negara. Ketiga, kita melihat terhentinya perdagangan antarabangsa, Malaysia dan Johor adalah ekonomi terbuka yang dipacu oleh globalisasi.

Semenjak Mac lalu tiada pelaburan baru, tiada eksport besar-besaran, tiada penerusan pelaburan yang sudah dimulakan sebelumnya. Malah banyak sekali pelaburan turut terhenti ditarik balik dan tidak diteruskan. Perkara ini membawa sebab yang keempat iaitu kita menyaksikan kehilangan pekerjaan, pengangguran dan kehilangan peluang pekerjaan baru. Ia berlaku dengan begitu pantas dan memberi kesan kepada semua sektor. Tidak ada satu sektor pun yang terlepas daripada menerima tempiasnya. Tidak ada satu pekerjaan pun yang tidak terkesan. Malah sekarang ini secara jujurnya, dunia sudah tidak tahu apakah sektor dan bentuk pekerjaan yang boleh disifatkan sebagai selamat dan stabil, tidak ada lagi.

Menurut ramalan Bank Dunia, ekonomi global akan menyusut sebanyak 5.2% tahun ini, iaitu penyusutan yang paling dahsyat sejak perang dunia kedua. Hasilnya 81% daripada 3.33 bilion tenaga kerja di seluruh dunia mengalami krisis penutupan penuh atau sebahagian tempat kerja. Di Asia Tenggara, krisis ini bakal memusnahkan mata pencarian seramai 218 juta pekerja tidak formal. Pada masa yang sama kejutan global ini dijangka mengheret 11 juta penduduk di Asia Timur ke kancuh kemiskinan yang lebih mendalam.

Di Johor sendiri, ratusan ribu pekerja hilang mata pencarian dan terpaksa hidup bergantung dengan intervensi Kerajaan. Kesemua yang saya sebutkan ini menjadikan keadaan ekonomi Johor berada dalam situasi yang sangat menyusut sehingga mencecah kadar di bawah sifar. Ini memberi tekanan kepada kedudukan fiskal dan hasil negeri membantutkan potensi pertumbuhan dan menjadikan kedudukan kerajaan sebenarnya berada *in the state of crisis*. Justeru waktu ini fokus kerajaan hanyalah satu iaitu *recovery, recovery and recovery*. Jika ada yang bertanya tentang polisi kerajaan sekarang, polisi kita adalah *recovery*. Jika ada yang bertanya tentang visi kerajaan sekarang, visi kita adalah *recovery* dan hanya berdaya tahan sahajalah kita akan perlahan-lahan pulih daripada permasalahan kita sekarang. Kita akan melupakan sebentar obsesi kita menaikkan pertumbuhan KDNK, menaikkan prestasi perdagangan dan meningkatkan jumlah pelaburan. Kita akan lupakan sebentar obsesi kita. Kita terimalah hakikat bahawa globalisasi pada waktu sebelum ini berada dalam kedudukan songsang atau *reverse*. Waktu ini kita menyedari bahawa kelemahan ekonomi yang terbuka adalah globalisasi itu sendiri, jadi kita tidak boleh sama sekali tersasar dalam membangunkan ketahanan ekonomi yang bersandarkan kepada sumber dan aktiviti tempatan secara besar-besaran.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya menjelaskan secara terperinci kedudukan dan kesusutan Johor izinkan saya menjelaskan sedikit kedudukan semasa ekonomi Malaysia. Ini kerana apa, ini kerana apa juga yang berlaku kepada kedudukan dan prestasi Malaysia sudah tentu akan mempunyai kaitan dan kesan yang tersendiri kepada Johor. Mengikut laporan yang ada, pertumbuhan ekonomi Malaysia jatuh 17.1% pada suku tahun kedua. Ini adalah pertumbuhan paling rendah sejak negara dilanda krisis kewangan Asia pada tahun 1998. Semua sektor, sektor utama khususnya pembinaan, perlombongan dan pengkuarian, pembuatan dan perkhidmatan mencatat pertumbuhan negatif. Hanya sektor pertanian yang merekodkan pertumbuhan positif, itu pun hanya 1% pada suku kedua tahun 2020. Jumlah perdagangan untuk suku kedua 2020 merosot sehingga 15.1% dari tahun ke tahun. Ini merupakan penurunan terbesar sejak krisis kewangan global pada tahun 2009. Pelaburan bersih ke Malaysia merudum hampir 1/3 iaitu 28.9%. maka komuniti perniagaan pula kekal berhati-hati terhadap jangkakan prestasi perniagaan mereka. Pada suku ketiga 2020, kesemua sektor menjangkakan iklim perniagaan akan menjadi sangat kurang memberangsangkan.

Akibatnya trend pengambilan pekerja di seluruh Malaysia diramalkan merosot, maksudnya hanya 9.1% sahaja majikan bercadang untuk menambah bilangan pekerja, manakala 16.2% pula berhasrat untuk mengurangkan pekerja, termasuklah syarikat-syarikat besar yang selama ini kita lihat sebagai stabil dan berkemampuan. Akan tetapi, saya juga harus mengakui bahawa hasil usaha dan pelan kerajaan keadaan ekonomi negara kini sedang mengalami tanda-tanda awal pemulihan. Ia masih dalam keadaan terkawal dan sedang diuruskan dengan cara yang membolehkannya untuk bangkit kembali.

Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ada bersama-sama kita pada pagi ini. (Dewan bertepuk). Namun kita semua tidak harus berasa selesa dan menarik nafas lega. Pakar ekonomi menjangkakan bahawa prestasi ekonomi mungkin menjadi lebih teruk selepas berakhirnya tempoh moratorium bayaran pinjaman bank dan juga subsidi upah yang bakal tamat dalam tempoh terdekat ini. Selanjutnya pada bulan hadapanlah *the real challenge begins* dengan izin.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebagai negeri yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka dan bergantung kepada pelaburan luar, Johor sememangnya terdedah kepada arus kemelesetan dan ketidaktentuan global. Rakyat Johor sedang terkena tempasnya dari Segamat sehinggalah ke Johor Bahru, dari Muar sehinggalah ke Kota Tinggi, setiap rakyat daripada semua lapisan masyarakat terkesan akibat cabaran-cabaran berikut, cabaran pertama, pertumbuhan ekonomi Johor tahun 2020 dianggarkan akan menguncup pada kadar yang lebih rendah daripada ramalan paras nasional iaitu -3.5 hingga -5.5%. Keadaan ini disebabkan oleh kebergantungan dinamik ekonomi Johor kepada Singapura yang juga menghadapi kemelesetan terburuk dalam tempoh 55 tahun.

Cabaran kedua, ialah iklim perniagaan yang kurang memberangsangkan. Akibat iklim perniagaan yang lembap, dianggarkan 5 hingga 10% Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) terpaksa ditutup akibat gangguan aliran tunai yang teruk. Cabaran ketiga, sempadan Malaysia – Singapura yang masih belum dibuka secara sepenuhnya. Kelangsungan ekonomi negeri sangat tergugat kerana ekonomi Johor dan Singapura saling bergantung. Sehingga 31 Ogos 2020, hanya kira-kira 1,768 rakyat kedua-dua negara dibenarkan merentas sempadan. Menerusi Skim Laluan Hijau Timbal Balik (RGL) dan juga Skim Peraturan Ulang Alik Berkala (PCA) hanya 1,768.

Yang Berhormat Tuan Speaker, cabaran keempat kita adalah Johor merekodkan penyusutan jumlah dagangan antarabangsa paling tinggi iaitu RM22.8 bilion untuk suku kedua berbanding tahun sebelumnya. Akibatnya industri berorientasikan eksport di sekitar Johor telah terjejas. Lebih teruk lagi peranan negeri Johor dalam rangkaian nilai global atau *global value chain* juga tergugat teruk.

Cabaran yang kelima, adalah penurunan lebih 20% hasil kerajaan negeri. Penurunan ini berpunca daripada cukai dan caj tertentu yang tidak dapat dikutip serta kelembapan aktiviti pelaburan dan pelancongan dari negara-negara jiran. Akibatnya, kedudukan fiskal negeri Johor menghadapi tekanan yang unik, ia memerlukan langkah yang proaktif dan berhati-hati untuk diimbangkan agar sentiasa dalam keadaan memberangsangkan.

Cabaran yang keenam, adalah bilangan penganggur negeri Johor meningkat 18% dari tahun ke tahun dan setakat bulan Jun 2020, lebih membimbangkan adalah nasib kira-kira lebih 400,000 pekerja Johor di Singapura, pekerja Johor, pekerja Malaysia. Mereka khuatir akan diberhentikan kerja akibat penguncupan ekonomi Singapura.

Cabaran yang ketujuh, jurang pendapatan di antara golongan kaya dan miskin di Johor dikhuatiri semakin melebar. Yang paling ramai kehilangan pekerjaan adalah golongan bawahan terutama golongan yang bekerja sendiri dalam sektor yang tidak formal. Sebaliknya golongan kaya, tidak terlalu terkesan dengan impak ekonomi, lebih-lebih lagi pasaran saham yang telah naik hampir 20% sejak April tahun ini amat menguntungkan golongan atasan.

Cabaran yang kelapan, tahap kemiskinan mutlak dan kemiskinan tegar iaitu 3.9% dan 0.2% masing-masing akan meningkat dengan mendadak susulan kemelesetan ekonomi ini. Akibatnya, lebih banyak rakyat Johor akan terheret ke kancah kemiskinan pasca COVID-19.

Kelapan-lapan cabaran di atas sedang dan bakal kita hadapi, sekalipun beberapa cabaran di atas adalah bersifat ramalan ia sangat berasas dan nyata. Justeru dengan sejujur mungkin, saya akan menyenaraikan beberapa kesan buruk langsung dan tidak langsung yang akan berlaku kepada kita semua. Ia berpunca daripada lapan cabaran yang saya sebutkan tadi.

Kesan-kesan buruk yang pertama sekali, rakyat akan berada dalam keadaan yang sangat tertekan. Tekanan ini bukan sahaja akan berlaku dari segi aspek ekonomi dan pendapatan



malah akan turut hadir dalam bentuk sosial, kerapuhan institusi kekeluargaan serta kesihatan mental dan emosi. Keadaan ini boleh dan berkemungkinan membawa kepada kemerosotan aspek keselamatan, kesejahteraan sosial dan kualiti hidup.

Kedua, rakyat akan mula membina jangkaan yang sangat besar terhadap tugas dan fungsi kerajaan. Lebih ramai orang sedang mendesak kerajaan menjadi penyelamat dan mengharapkan kita untuk menyelesaikan krisis ini dalam sekelip mata. Mereka beranggapan bahawa sebagai kerajaan kita mesti menyelesaikan, menyelesaikannya mengikut cara dan selera mereka dan kita mesti menyelesaikannya dengan segera. Malah, ada yang beranggapan bahawa kehidupan mereka sebenarnya akan kembali kepada asal, zaman pra COVID-19. Walaupun demikian, meskipun jangkaan dan harapan tersebut tidak realistik dan munasabah, kita mesti faham dan tidak boleh menyalahkan mereka.

Ketiga, akibat daripada keadaan ekonomi yang teruk, Johor akan menyaksikan kekurangan hasil yang besar. Ini bermakna segala logik dan faktanya, kerajaan sebenarnya tidak akan mampu untuk terus membantu semua pihak selama-lamanya. Ini adalah realiti, kita mesti terima realiti ini dengan terbuka.

Keempat, selepas ini kita harus memikirkan kembali tentang fokus dan keutamaan kita sama ada dalam struktur ekonomi Johor, pengurusan penjagaan kesihatan dan sektor perubatan, sistem pendidikan, bentuk pekerjaan serta jenis pelaburan baru. Perancangan kewangan dan pelan pembangunan Johor mesti disusun semula dengan orientasi baru terutamanya dengan mengambil kira apakah sektor yang akan terjejas paling teruk? Berapa ramai rakyat kita akan terjerumus ke dalam kemelut pengangguran dan kancas kemiskinan? Berapa banyakkah perniagaan akan terkesan dan dari manakah hasil baru negeri Johor mesti kita jana. Kesemua ini akan menjadi dinamik baru kepada pentadbiran kerajaan selepas ini. Malah, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian percayalah, kita sebagai individu, cara kita berfungsi sebagai wakil rakyat juga akan terkesan selepas ini.

Khidmat bakti kita kepada rakyat sudah tidak lagi boleh berjalan dengan cara lama. Malah, kita tidak boleh mempolitikkan semua perkara tatkala negeri dan rakyat sedang diuji. Atas dasar itu, Yang Berhormat Tuan Speaker, saya akan membentangkan pakej-pakej rangsangan ekonomi negeri Johor serta inisiatif-inisiatif bersasar, yang pentadbiran saya telah laksanakan, kerana saya percaya sekalipun benar kita sedang berada dalam *the edge of uncertainty, we are also living in the edge of possibility*, dengan izin. Maka di kesempatan ini juga, saya ingin menyatakan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas keberanian beliau dalam menangani pandemik COVID ini. (Dewan bertepuk). Terutama sekali tindakan mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan, yang pada masa yang sesuai dan dengan cara yang paling efisien. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, saya percaya akan kekal diingati dalam lembaran sejarah sebagai abah yang begitu tenang dalam mengeluarkan kita dari belenggu COVID-19.

Ketika Perintah Kawalan Pergerakan baru sahaja dikuatkuasakan, Johor adalah antara negeri yang terawal mengumumkan pakej rangsangan ekonominya. Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor Siri Pertama telah diumumkan pada 20 Mac Tahun 2020 sama hari dengan negeri Selangor dan Melaka. Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor Siri Kedua pula, telah diumumkan pada 25 Mac 2020, 5 hari selepas pakej rangsangan yang pertama. Secara keseluruhannya, sejumlah RM174.5 juta telah diperuntukkan bagi menjayakan pelaksanaan 54 inisiatif melalui peruntukan kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Pecahannya, Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor Siri Pertama, melibatkan peruntukan sebesar, sebanyak RM2.292 juta. Ia telah memberi manfaat kepada 658 orang penerima. Antara inisiatifnya ialah bantuan *one-off* berjumlah RM1,000.00 kepada semua pesakit

positif COVID-19 di Johor. Pemberian sebanyak RM2,000.00 kepada setiap keluarga waris mangsa yang meninggal dunia akibat COVID-19.

Peruntukan secara *one-off* kepada 56 Ahli Yang Berhormat tanpa mengira latar belakang parti sebanyak RM20,000.00 setiap Ahli Dewan Undangan Negeri. Tiada potongan gaji bagi pekerja sambilan harian, kakitangan harian, gaji mereka akan dibayar sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berkuat kuasa. Lima hari kemudian, Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor Siri Kedua diumumkan, peruntukan sebanyak RM28.741 juta disediakan. Ia memberi manfaat kepada 107,534 penerima. Antara inisiatifnya adalah pembelian peralatan tambahan dan keperluan kesihatan kepada hospital negeri Johor. Penyediaan makanan kepada anggota keselamatan bertugas. Tiga bulan penangguhan bayaran balik pinjaman YPJ yang membabitkan 2,000 pelajar. Pelaksanaan program bank makanan dengan anggaran kos sebanyak RM8.545 juta menerusi peruntukan Pejabat Menteri Besar Johor dan Bahagian Perancang Ekonomi Johor. Bantuan tunai kepada mahasiswa anak Johor yang berada di asrama IPTA seluruh negara, di mana RM200.00 seorang bagi mahasiswa anak Johor di Semenanjung dan RM300.00 seorang bagi anak Johor di Sabah dan Sarawak.

Bantuan tunai kepada 22 persatuan pelajar negeri Johor di IPTA seluruh Malaysia. Bantuan tunai kepada pelajar asrama madrasah yang berdaftar dengan Majlis Agama Islam Johor. Pengecualian bayaran sewa rumah kepada penyewa-penyewa dari Projek Perumahan Rakyat (PPR) berjumlah 8,949 orang dan Rumah Sewa Kerajaan Negeri berjumlah 2,989 orang yang bermula daripada bulan April sehingga Jun 2020.

Inisiatif Bantuan Ihsan Johor iaitu pembayaran wang tunai RM250.00 dan RM500.00 kepada yang layak melibatkan peruntukan sebanyak RM11.199 juta bermula daripada 1 September 2020 dengan peruntukan asal RM14 juta. Bantuan ini adalah dalam bentuk pemberian wang kepada golongan yang terkesan akibat PKP. Sebanyak 41,565 pemohon telah berjaya, 38,334 pemohon menerima RM250.00 manakala 3,231 pemohon menerima RM500.00.

Inisiatif di bawah Pihak Berkuasa Tempatan pula, sebanyak RM20.744 juta telah disediakan, telah dibelanjakan. Inisiatif ini telah memberi impak kepada 78,095 penerima. Antara inisiatifnya adalah pengecualian bayaran sewa premis oleh peniaga-peniaga yang menyewa premis milik Pihak Berkuasa Tempatan dan pasar awam, 10,371 peniaga terlibat yang bermula daripada bulan April hinggalah Disember 2020. Pengecualian bayaran sewa premis Perusahaan Kecil dan Sederhana, PKS Johor yang beroperasi di premis milik kerajaan negeri yang diuruskan oleh Perbadanan Usahawan Negeri Johor, PUJB juga diberi pengecualian sewa yang berjumlah 151 buah kesemuanya, bermula daripada bulan April hingga Disember 2020.

Pengecualian pembayaran lesen perniagaan PKS yang berstatus mikro yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan juga PUJB. Pengecualian bayaran sewa tapak kepada peniaga-peniaga pasar pagi, pasar malam di kawasan PBT seluruh Johor dan FAMA dengan anggaran kos RM2.45 juta oleh PBT negeri dan RM300,000.00 oleh pihak FAMA. PBT Negeri Johor menyumbang dana untuk pembelian topeng muka bagi setiap rakyat Johor yang terpaksa bekerja dan bertugas dalam perkhidmatan perlu, *essential services* semasa PKP. PBT juga di seluruh negeri Johor akan meningkatkan perbelanjaan untuk melaksanakan kerja-kerja disinfeksi dan sterilisasi di sekitar kawasan terdedah kepada virus COVID-19.

Inisiatif di bawah Majlis Agama Islam Negeri Johor pula membelanjakan sebanyak RM3.589 juta. Inisiatif ini telah membantu lebih 26,397 orang penerima. Antara inisiatifnya adalah bantuan secara *one-off* RM1,000.00 kepada pesakit yang disahkan positif COVID-19 dan keluarga waris mangsa yang meninggal dunia dari kalangan golongan asnaf, fakir miskin

dan miskin. Bantuan secara *one-off* RM200.00 kepada pelajar Johor di Mesir, Jordan dan Morocco. Bantuan secara *one-off* RM500.00 bagi kos pengurusan jenazah bagi mangsa COVID-19, bantuan tunai RM100.00 kepada penerima bantuan sara hidup dan bantuan perubatan. Bantuan tunai RM100.00 kepada penerima bantuan sara hidup asnaf saudara baru. Bantuan keperluan asas RM100.00 kepada Orang Asli di negeri Johor. 3 bulan penangguhan bayaran pinjaman pelajaran bagi pelajar di Mesir, Jordan dan lain-lain oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor. Bantuan ihsan RM500.00 kepada peniaga kecil asnaf di bawah Majlis Agama Islam Negeri Johor. Sumbangan tunai RM500.00 bagi pembelian keperluan keranda dan kelengkapan kenderaan bagi mangsa COVID-19. Bantuan khas barang keperluan penduduk kampung Parit Ibrahim Majid apabila diperkenalkan Kawalan Pergerakan Diperketatkan. Bantuan khas barang keperluan harian kepada penghuni pusat perlindungan wanita.

Sementara Inisiatif Jabatan Orang Asli, sebanyak RM1.581 juta telah dibelanjakan. JAKOA telah melaksanakan 5 inisiatif yang melibatkan sejumlah 16,447 penerima dari komuniti Orang Asli di Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, inisiatif-inisiatif yang telah dijalankan, yang akan dijalankan juga akan diumumkan. Ianya melibatkan sektor modal insan, sektor pelancongan, sektor pembinaan dengan jumlah sebanyak RM17.394 juta. Inisiatif yang belum diumumkan ini akan melibatkan sektor pembinaan iaitu pelaksanaan projek PIA dan PIAS dan PIAS luar bandar di seluruh negeri Johor. Sektor modal insan, pelaksanaan kursus jangka pendek bagi pekerja yang hilang pekerjaan. Penyampaian bantuan sebanyak RM1,000.00 kepada nelayan di negeri Johor. Sementara sektor pelancongan, pemberian insentif galakan pelancongan kepada syarikat agensi pelancongan sebanyak RM20.00 bagi setiap pelancong asing yang menginap di hotel dan *homestay* di negeri Johor yang berdaftar dengan pihak Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan. Pemberian insentif galakan pelancongan kepada syarikat, agensi pelancongan sebanyak RM10.00 bagi setiap pelancong yang menginap di hotel dan *homestay* di Johor sekurang-kurangnya 1 malam serta berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan. Pengecualian pembayaran lesen perniagaan kepada pemilik syarikat pelancongan dan hotel untuk tahun 2020. Pengecualian bayaran duti hiburan bagi taman-taman tema dan pusat hiburan keluarga bagi tahun 2020.

Yang Berhormat Tuan Speaker, negeri Johor juga merupakan yang terawal untuk mengumumkan *Exit Plan* pasca COVID-19. Malah yang pertama mengumumkan ikhtiar besar kita dalam mengharungi dunia COVID-19. Pada 14 Jun 2020 dalam amanat yang telah saya sampaikan di hadapan anggota *Johor Civil Service*, JCS saya telah mengumumkan 7 Ikhtiar Makmur Johor. Ikhtiar-ikhtiar tersebut adalah, penubuhan *Ibrahim Johor Economic Council*, menjayakan *Johor Digital Master Plan*, menjayakan semula *Singapore-Johor-Riau Growth Triangle*, SIJORI. Mewujudkan *Johor Economic Trade and Cultural Office* di Singapura. Jajaran ekonomi baru, Jawatankuasa Program Jaminan Bekalan Makanan Negeri Johor, menjayakan Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019-2030.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pada 6 Julai 2020 mesyuarat pertama *Ibrahim Johor Economic Council* telah diadakan. Ia dihadiri oleh 12 ahli tetap yang dilantik dalam kalangan wakil kerajaan, pakar ekonomi, pemain industri utama dan individu berpengalaman. Mereka telah memberikan pandangan bagaimana Johor boleh kembali menjadi *The New Economic Power House* rantau ini dan bukan lagi halaman belakang negara Singapura. Lebih-lebih lagi dalam konteks global semasa. Setiap perancangan ekonomi harus diatur dengan strategik dan pantas. Ia harus sentiasa mengikut perubahan semasa dan tidak statik dan kosmetik sahaja. Sesungguhnya permasalahan yang melanda kita sekarang tidak pernah dialami sebelum ini. Saya akui, untuk Johor keluar dari permasalahan sekarang amatlah sukar kiranya. Saya tidak mahu menyeru Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk menyokong saya,

apatah lagi untuk mengiakan sahaja setiap tindakan, setiap dasar, setiap polisi kerajaan saya. Apa yang saya harapkan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah *to do what is appropriate, do the right thing, do it for Johor and it's people*. Lakukanlah perkara yang sepatutnya, lakukanlah perkara yang betul untuk Johor dan rakyatnya. Terutama sekali dalam keadaan sekarang ini, kita tidak mampu untuk berpolitik sahaja, bertelingkah, beremosi dan beretorik sentiasa.

Yang Berhormat Tuan Speaker, di hadapan adalah satu jangka masa yang begitu tidak menentu dalam sejarah Johor moden. Jalan pemulihan ekonomi dan pemulihan sosial selepas COVID-19 adalah satu jalan yang panjang dan mencabar. Ia tidak seharusnya berhenti sekadar pakej-pakej rangsangan yang *reactive* sifatnya. Ia tidak seharusnya terbatas sekadar inisiatif-inisiatif kerajaan semata-mata. Setiap kelompok masyarakat sama ada badan-badan bukan kerajaan, badan-badan belia, persatuan-persatuan sivil, golongan korporat mahupun individu persendirian ada peranan yang perlu dimainkan. Maka, berbekalkan setiap pandangan, setiap saranan dan kritikan membina oleh semua, insya-Allah Johor akan kembali lebih makmur dari sebelumnya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya mengakhiri ucapan ini suka saya untuk memetik Surah Hud ayat ke-123 dengan maksud, "Dan Allah jualah yang mengetahui rahsia langit dan bumi dan kepada-Nya lah dikembalikan segala urusan. Oleh itu, sembahlah akan Dia serta berserahlah kepada-Nya dan ingatlah tuhan mu tidak sekali-kali lalai akan apa yang kamu lakukan". Semoga kita diberikan taufik dan hidayah dalam berbakti kepada negeri terutama dalam keadaan getir yang semacam ini. Kepada Allah kita berserah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, rundingan itu telah disokong dan dibuka untuk perbincangan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan, saya persilakan daripada Kota Iskandar.

**YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar) :** Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, salam Pakatan Harapan Negeri Johor. Yang Berhormat Tuan Speaker, dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri Johor yang dihormati sekalian. Pertamanya saya DUN Kota Iskandar mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang ke-18 dan juga kerajaan negeri Johor di atas pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi Insan Johor 2020. Sebagaimana yang telah dibentangkan, pakej ini memperuntukkan sejumlah RM174 juta dan juga 54 insentif dalam pakej tersebut bagi menangani impak penularan pandemik COVID-19. Siri pertama pakej ini telah dilancarkan pada 20 Mac yang lalu yang melibatkan RM2.29 juta. Kemudian siri kedua dilancarkan pada 25 Mei yang lalu melibatkan RM28.41 juta. Peruntukan ini dikhususkan kepada petugas barisan hadapan atau dengan izin, *front liners* dan juga rakyat Johor secara umumnya yang berhadapan dengan situasi sukar ekoran daripada ancaman pandemik COVID-19. Pelancaran dan pelaksanaan pakej Rangsangan Ekonomi Insan Johor ini menunjukkan keprihatinan kerajaan negeri kepada kebajikan petugas di barisan hadapan dan juga nasib rakyat khususnya golongan B40 yang sangat mudah terkesan dengan pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, terdapat banyak lagi ruang penambahbaikan dengan izin, *improvement* yang boleh dilakukan oleh kerajaan negeri dalam konteks membela rakyat terutama yang paling terkesan dengan pandemik ini.

Pertama, kerajaan negeri perlu mengurangkan karenah birokrasi bagi meningkatkan kualiti sistem penyampaian kepada rakyat. Sebagai contoh, dalam pengedaran barang keperluan

makanan asas dari peruntukan Bank Makanan yang diselaraskan oleh Pejabat Daerah mengambil masa yang lama untuk sampai kepada kumpulan sasaran yang mudah terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Di Kota Iskandar, bantuan daripada Pejabat Daerah hanya diterima oleh kumpulan sasaran pada hari ke-12 pelaksanaan PKP. Begitu juga dengan bantuan tunai antara RM250.00 sehingga RM500.00 di bawah Skim Pemberian Tunai Bantuan Ihsan COVID-19 negeri Johor. 5 pegawai daripada Pejabat ADUN telah dilantik pada bulan April yang lalu sebagai Pegawai Pusat Saluran Bantuan Ihsan COVID-19 bagi memasukkan data permohonan ke dalam sistem e-Ihsan Johor secara atas talian. Malangnya peratusan yang berjaya mendapat bantuan tunai tersebut jauh lebih rendah daripada jumlah bilangan permohonan. Sebagaimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi, hanya 41,565 pemohon saja yang berjaya mendapat bantuan antara RM250.00 dan juga RM500.00. Tambahan pula proses kelulusan serta pembayaran kepada akaun pemohon yang berjaya melalui masa yang lama akibatnya pejabat ADUN dihujani dengan beratus-ratus panggilan untuk mengetahui status permohonan mereka.

Kedua, kebanyakan tempoh insentif Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor adalah untuk tempoh 3 hingga 9 bulan iaitu daripada April sehingga Disember 2020. Insentif untuk 3 bulan atau sehingga Jun 2020, contohnya seperti insentif pengecualian bayaran sewa rumah dan kedai di PPR dan juga RSK, penangguhan bayaran balik pinjaman Yayasan Pelajaran Johor, penangguhan bayaran pinjaman melalui Majlis Agama Islam Johor bagi pelajar di Mesir dan juga Jordan. Insentif 6 bulan atau sehingga September 2020 adalah seperti penangguhan bayaran balik skim sewa milik dengan izin, *rent to own*. Insentif untuk 9 bulan pula sehingga Disember 2020 adalah seperti pengecualian bayaran premis Pihak Berkuasa Tempatan dan pengecualian bayaran lesen perniagaan kepada peniaga kecil.

Kota Iskandar ingin mencadangkan supaya tempoh insentif-insentif di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor ini dilanjutkan kerana sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi, bagi tahun 2020 dianggarkan KDNK negara menguncup antara -3.8% sehingga 0.5%. Menteri Kewangan sering menyatakan bahawa KDNK negara bagi tahun 2021 akan mengalami pertumbuhan antara 6.3% hingga 7.5%. Bahkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia menyatakan KDNK negara pada tahun 2021 adalah antara 5.5% hingga 8%. Walau bagaimanapun, anggaran ini mula diragui apabila Jabatan Perangkaan Malaysia dan juga Bank Negara Malaysia menerbitkan statistik KDNK negara bagi suku kedua tahun 2020 iaitu antara April hingga Jun 2020 menunjukkan KDNK menguncup sebanyak -17.1% berbanding pertumbuhan marginal 0.7% pada suku pertama 2020. Dan, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebentar tadi, bahawa KDNK Johor akan mengalami ke penguncupan yang lebih besar daripada kadar peringkat nasional bahkan KDNK pada suku kedua tahun 2020 dijangka melebihi kadar -17.1% kerana kebergantungan ekonomi Johor kepada Singapura. Walaupun kadar pengangguran negara mula menunjukkan *trend* menurun daripada April 5% kepada 5.5%, Mei dan menurun pada 4.9% pada Jun tetapi unjuran Jabatan Perangkaan Malaysia bahawa pengangguran dalam negara akan berada pada tahun 2020 pada kadar 5.5% dan sebentar tadi juga Yang Amat Berhormat menyatakan bahawa kemungkinan besar KDNK negeri Johor juga akan selari dengan unjuran KDNK di peringkat nasional 5.5%.

Persekutuan Majikan Malaysia pula meramalkan kadar pengangguran akan mencapai sehingga 12% menjelang akhir 2020 dan berdasarkan kepada takrifan pertumbuhan kerjasama ekonomi dan pembangunan OECD, dengan izin, 1,999 negara yang mengalami kadar pengangguran di bawah 4% dikategorikan kepada guna tenaga penuh ataupun GTP. Lazimnya kadar pengangguran Malaysia adalah sekitar 3%.

Yang Berhormat Speaker, moratorium atau penangguhan bayaran ansuran pinjaman bank kepada pinjaman perumahan dan juga sewa beli kenderaan selama 6 bulan di bawah Pakej

Rangsangan Ekonomi Prihatin rakyat akan berakhir bulan ini iaitu September 2020. Selepas ini pakej moratorium akan bertukar kepada Bantuan Bank Bersasar. Perbezaan besar antara moratorium dan juga Bantuan Bank Bersasar adalah moratorium telah membantu 7.7 juta orang ataupun 93% daripada peminjam individu dan moratorium juga telah membantu 95% ataupun 254,000 perusahaan kecil dan sederhana ataupun PKS. Jumlah bayaran ansuran pinjaman bank yang telah dimanfaatkan atau dijamin oleh rakyat dalam tempoh 4 bulan pelaksanaan moratorium adalah sebanyak RM51.4 bilion. Bantuan Bank Bersasar dijangka boleh memberi manfaat kepada kurang daripada 50% daripada kumpulan sasar yang dicapai oleh Skim Moratorium. Mulai Oktober ini, apabila sebahagian besar peminjam mula membayar semula pinjaman bank, maka adalah dijangka kadar pinjaman tidak berbayar ataupun dengan izin, *non performing loan* (NPL) bank akan meningkat dan kebiasaannya akan berakhir dengan tindakan mahkamah sama ada muflis ataupun lelongan awam. Begitu juga dengan skim subsidi upah yang dilancarkan di peringkat kerajaan Pusat yang juga akan berakhir pada bulan September tahun ini. Berdasarkan kepada beberapa indikator ekonomi yang Kota Iskandar sebutkan tadi adalah merupakan satu kewajaran untuk kerajaan Johor untuk melanjutkan tempoh insentif-insentif di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor kepada suatu tempoh yang lebih munasabah paling tidaknya sehingga Jun 2021.

Yang Berhormat Tuan Speaker, yang ketiga kerajaan negeri pada bulan Mac yang lalu ada memberikan peruntukan *one-off* sebanyak RM20,000.00 kepada 56 ADUN termasuk pembangkang iaitu di awal pelaksanaan PKP. Kota Iskandar mewakili rakan-rakan Pakatan Harapan mengucapkan terima kasih di atas pemberian peruntukan tersebut. Walau bagaimanapun, sebenarnya jumlah tersebut tidak mencukupi bagi kami untuk menyantuni keluarga yang mudah terkesan dengan pelaksanaan PKP. Golongan yang mudah terkesan dengan pelaksanaan PKP adalah golongan B40 yang tiba-tiba hilang pekerjaan dan sumber kewangan utama keluarga. Mereka ini kebanyakannya adalah merupakan pekerja mengambil upah secara harian seperti peniaga kecil-kecilan di tepi jalan, pekebun sayuran atau petani di kampung-kampung, penoreh getah, tukang rumah dan buruh kasar yang kebanyakan mereka tidak mempunyai caruman KWSP untuk dikeluarkan sebanyak maksimum RM500.00 sebulan daripada akaun 2 selama 12 bulan sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Mereka juga tidak ada caruman PERKESO yang membolehkan mereka mendapat elaun RM600.00 sebulan jika diarahkan mengambil cuti tanpa gaji oleh majikan juga sebagaimana diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

DUN Kota Iskandar sebagai contoh terdapat 67,000 pengundi. Dan jika mengikut struktur taburan pendapatan isi rumah di Malaysia iaitu B40, M40 dan juga T20 maka golongan B40 di Kota Iskandar hanya mendapat peruntukan RM0.75 seorang. Yang Berhormat Tuan Speaker, apa yang kita boleh beli dengan RM0.75 ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kalau menjadi isunya adalah kekurangan dana atau peruntukan kewangan, kerajaan negeri sebenarnya boleh dalam keadaan kecemasan seperti ini menggunakan rizab tunai kerajaan berbaki RM3.068 bilion yang ditinggalkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan Johor pada bulan Mac yang lalu. Semasa kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih kerajaan Johor pada Mei 2018, baki rizab tunai kerajaan Johor adalah RM3 bilion, iaitu RM1.2 bilion daripada akaun yang disatukan dan RM1.8 bilion dari Akaun Amanah. Selepas 22 bulan pemerintahan kerajaan Pakatan Harapan Johor, baki rizab tunai kerajaan Johor adalah berjumlah RM3.068 bilion. Maknanya Yang Berhormat Speaker, kerajaan Pakatan Harapan Johor sangat berhemah dalam perbelanjaannya. Bukan sekadar tidak menggunakan rizab tunai kerajaan negeri tetapi menambahkan rizab tunai sebanyak RM68.268 juta hasil daripada lebih ataupun *surplus* dengan izin, akaun yang disatukan berakhir 31 Disember 2019.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Kota Iskandar berpandangan sudah sampai masanya peruntukan diberikan kepada setiap ADUN seharusnya mengambil kira jumlah pengundi di dalam kawasan ADUN tersebut. Jika sekiranya peruntukan dalam jumlah yang sama masih dipraktikkan diberikan kepada setiap ADUN, maka Kota Iskandar ingin mencadangkan supaya proses persempadanan semula kawasan pilihan raya negeri perlu dilakukan bagi memenuhi salah satu daripada prinsip asas kepada persempadanan semula iaitu setiap kawasan pilihan raya perlulah mempunyai jumlah pemilih yang seimbang. Kalau tidak, jadilah sebagaimana sekarang ini di mana N49 DUN Kota Iskandar mempunyai jumlah pengundi melebihi daripada jumlah pengundi 16 kerusi Parlimen di negeri Johor. Sepatutnya, jumlah pemilih yang seimbang dari kerusi DUN di Johor adalah antara 20,000 ke 30,000 orang sahaja.

Yang Berhormat Tuan Speaker, yang keempat, antara insentif di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor adalah kerajaan negeri membantu golongan B40 untuk memiliki Rumah Mampu Milik Johor Jenis A yang biasa berharga RM42,000.00 seunit melalui Skim Perumahan Prihatin Johor ataupun ringkasnya SPPJ. Kota Iskandar ingin menyatakan bahawa semasa Skim Perumahan Prihatin Johor ini dicadangkan dan diluluskan oleh kerajaan Pakatan Harapan Johor dalam Belanjawan Johor 2020 dengan peruntukan sebanyak RM15 juta. Skim ini mempunyai kumpulan sasarannya tersendiri iaitu golongan B40 terbawah dengan izin, *lower end of B40* yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM2,500.00 sebulan. Kumpulan inilah yang paling sukar mendapat pinjaman perumahan daripada pihak bank. Skim SPPJ ini membolehkan kumpulan sasar membeli Rumah Mampu Milik Johor Jenis A yang berharga RM42,000.00 seunit tanpa perlu mendapatkan pinjaman perumahan daripada pihak bank ataupun institusi kewangan. Pembeli hanya perlu membayar ansuran kurang daripada RM300.00 sebulan selama 30 hingga 35 tahun kepada agensi pelaksana yang akan dilantik oleh kerajaan negeri.

Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia golongan B40 bagi negeri Johor adalah merupakan mereka yang berpendapatan menengah ataupun *main* di bawah RM3,420.00 sebulan berdasarkan kepada bancian tahun 2016. Dalam syarat pemberian Rumah Mampu Milik Johor Jenis A yang digariskan oleh SUKJ Perumahan, pendapatan di bawah RM4,000.00 sebulan dibenarkan memiliki Rumah Mampu Milik Johor Jenis A yang berharga RM42,000.00 seunit. Kota Iskandar mengharap skim SPPJ ini tidak disalahgunakan dengan memberikan kepada mereka yang di luar daripada kumpulan sasaran. Jika sebaliknya berlaku, skim SPPJ ini tidak akan mencapai matlamat ianya diwujudkan atau dengan izin, *defeat the purpose*.

Yang terakhir Yang Berhormat Tuan Speaker, yang kelima, Kota Iskandar berpandangan bahawa skim Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor bukan sahaja fokus utama kepada pembelaan daripada aspek kebajikan golongan rakyat yang terkesan semata-mata tetapi juga perlu mengambil kira usaha secara serius bagi mewujudkan peluang pekerjaan kepada mereka yang kehilangan pekerjaan termasuklah rakyat Johor yang bekerja di Singapura sebagaimana disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebentar tadi.

Sekarang ini terdapat 415,000 rakyat Malaysia ataupun Johor yang bekerja di Singapura dan 250,000 daripada mereka berulang alik setiap hari dan sekarang ini mereka menghadapi cabaran ataupun keadaan yang tidak menentu apabila majikan mereka di Singapura mula melakukan pembuangan pekerja selepas terjejas akibat daripada pandemik covid-19 ataupun dengan pertumbuhan ekonomi Singapura yang semakin menyusut.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran negeri Johor bagi suku pertama adalah pada kadar 3.2%, manakala unjuran kadar pengangguran di Johor pada tahun 2020 boleh mencecah sehingga 5.5% sebagaimana di peringkat nasional yang saya sebutkan sebentar tadi. Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga pada 14 Jun yang lalu menyatakan pengangguran Johor akan meningkat sehingga 173,000 orang. Angka ini saya

yakin tidak termasuk kakitangan Puteri Pacific Hotel iaitu milik Johor Corp yang telah ditamatkan operasinya pada 30 Ogos yang lalu setelah beroperasi selama 29 tahun.

Sebagaimana dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kerajaan Johor telah pun menubuhkan Majlis Ekonomi Ibrahim Johor atau pun ringkasnya IJEC sebagai jalan penyelesaian kepada masalah ekonomi Johor yang terjejas akibat daripada pandemik COVID-19 dan juga mencipta peluang pekerjaan dengan penerokaan bidang ekonomi baharu seperti ekonomi digital. Unit Strategik Modal Insan pula menganjurkan program *Johor Up Skilling* dan juga *re-skilling* bagi membantu rakyat yang diberhentikan kerja. Malangnya sehingga sekarang setelah 7 bulan berlalu tidak ada statistik rasmi daripada kerajaan Johor, berapa banyakkah peluang pekerjaan yang telah dicipta ataupun diwujudkan untuk rakyat Johor yang hilang pekerjaan ekoran pandemik COVID-19 termasuk mereka yang diberhentikan kerja oleh majikan mereka di Singapura.

Akhirnya Yang Berhormat Tuan Speaker, Kota Iskandar mengharapkan beberapa pandangan diberikan tadi dapat diambil kira oleh kerajaan negeri dalam menambah baik Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor 2020 ke arah meningkatkan kualiti kesihatan rakyat khususnya, dalam menghadapi kesan dan impak daripada pandemik COVID-19 yang masih belum berakhir sehingga ke hari ini. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Iskandar. Untuk perbahasan ini saya beri 3 orang ADUN daripada kerajaan dan 3 orang ADUN daripada pembangkang. Masa diberi 20 minit Yang Berhormat Kota Iskandar telah menggunakan masa 19 minit. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Bukit Pasir. Jemput.

**YB Kapt (B) Haji Najib Bin Lep (Bukit Pasir) :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. (Baca doa). Ya Allah engkaulah yang mempunyai segala kepujian, engkaulah yang berhak menerima segala kepujian, engkaulah yang berhak menerima segala kesyukuran, engkau yang memiliki segala pemerintahan, di tangan engkau segala kebajikan, kepada engkaulah kembali segala urusan. (Bacaan doa).

Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam kemerdekaan. Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar al-Haj, patik merafak sembah dengan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku atas ucapan dan perasmian semasa sidang Mesyuarat Pertama bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-14 pada bulan Mei 2020 yang lepas. Ucapan selamat turut patik panjangkan kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku semoga Allah SWT memberi kurnia kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kesihatan dan umur yang panjang. Dilimpahi kegemilangan dan kesejahteraan kepada semua yang berada di bawah pemerintahan Tuanku, insya-Allah. Alhamdulillah, ucapan tahniah dan selamat juga Bukit Pasir panjangkan kepada kerajaan Perikatan Nasional yang telah mengambil alih serta meneruskan kerja-kerja pimpinan kerajaan terdahulu dengan baik dan telus. Ditambah pula berlakunya krisis pandemik COVID-19 dilihat menambah cabaran kerajaan negeri bukan sahaja dalam membantu menangani kemelut penyebaran wabak pandemik malah meletakkan kepentingan rakyat sebagai fokus utama apabila kualiti hidup mereka terjejas sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kerajaan negeri dengan jayanya merangka serta melaksanakan inisiatif dan insentif Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan COVID-19 yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada 25 Mac 2020 dan masih diteruskan sehingga kini. Ini dapat disaksikan bahawa kerajaan Perikatan Nasional bukan sahaja mampu untuk mengambil alih tampuk pimpinan daripada kerajaan terdahulu, malah telah bersiap sedia, bersiap siaga bagi menyediakan inisiatif yang berkesan di saat getir bagi membantu mencegah penyebaran wabak di negeri Johor selain turut menghulurkan bantuan kepada masyarakat yang terkesan teruk.



Justeru pada pagi ini, pada tengah hari ini, yang diberkati Allah SWT DUN Bukit Pasir membahaskan berkenaan Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan COVID-19 serta mengapa inisiatif dan insentif itu dikira amat berkesan. DUN Bukit Pasir ingin memberikan perbincangan mudah mengapa Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan COVID-19 merupakan sebuah usaha yang amat memberangsangkan dan efektif. Hal ini kerana Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan COVID-19 membantu masyarakat Johor yang terkesan wabak pandemik tersebut, yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan PKP serta pihak yang bertanggung jawab bertugas di barisan hadapan *front liner* secara menyeluruh dari setiap sudut yang diperlukan. Hal ini dapat sidang Dewan Yang Berhormat saksikan. Dengan kupasan mudah prestasi dan laporan pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor sehingga 1 September 2020 melalui 3 *point* perbincangan yang akan DUN Bukit Pasir bentangkan secara ringkas, padat dan berfakta.

Maka *point* pertama berkenaan prestasi pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi ini adalah ia merupakan sebuah inisiatif dan insentif yang tersusun dan diselaraskan dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensinya yang berkaitan. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan sehingga 1 September 2020, inisiatif yang dijalankan adalah secara berperingkat dan pelaksanaan bagi setiap inisiatif dan insentif pula mencapai peratus yang amat memberangsangkan di mana inisiatif di bawah agensi kerajaan mencapai 155.9% pada peringkat pertama dengan sejumlah 4 inisiatif. 291.1% pada peringkat kedua dengan sejumlah 9 inisiatif dan 80% bagi inisiatif e-Ihsan dengan sejumlah 41,565 penerima yang layak menerima bantuan e-Ihsan. Bacaan peratus yang sedemikian tinggi juga dipamerkan di bawah penyelarasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan inisiatif siri kedua mencapai 113.1% dengan 6 inisiatif dilaksanakan oleh PBT negeri Johor serta 13 inisiatif di bawah 13 PBT di seluruh negeri Johor.

Agensi-agensi lain seperti Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) mencapai peratus sebanyak 114.5% pada peringkat pertama melaksanakan sebanyak 7 inisiatif dan 100.5% pada peringkat kedua melaksanakan sebanyak 4 inisiatif. Manakala pihak Jabatan Kebajikan Orang Asli (JKOA) mencapai peratus 100% pelaksanaan bagi 5 inisiatif di bawahnya. DUN Bukit Pasir ingin mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang berganding bahu bagi menyelaras bantuan semasa PKP ini serta berjaya mencapai peratus yang amat tinggi. Dalam memastikan bantuan yang disalurkan adalah terlaksana dan sampai kepada masyarakat yang berhak dibantu.

*Point* kedua bagi perbincangan Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan COVID-19 ialah kerajaan negeri berjaya merangka lebih daripada 51 inisiatif yang diusahakan secara berperingkat, serta peratus perbelanjaan bagi ke semua inisiatif yang dijalankan turut menjangkau peruntukan yang disediakan pada awalnya. Inisiatif yang menjadi tumpuan buat kerajaan negeri dengan meluluskan peratus perbelanjaan yang amat tinggi termasuklah :-

1. Penyediaan makanan kepada anggota keselamatan bertugas setinggi 1,927.7%.
2. Bantuan tunai kepada mahasiswa yang terkandas di asrama IPTA di Johor sebanyak 190.02%.
3. Sumbangan dana dan pembelian topeng muka bagi pekerja dalam khidmat perlu semasa tempoh PKP sebanyak 287%.
4. Perbelanjaan melaksanakan kerja-kerja disinfeksi dan sterilisasi sekitar kawasan berisiko tinggi sebanyak 465%.
5. Pelaksanaan program bank makanan sebanyak 712.08% menerusi peruntukan Pejabat Menteri Besar dan Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri Johor.

Serta inisiatif selebihnya di mana masing-masing mencatat rekod peratus yang tinggi selain daripada inisiatif kerajaan untuk membantu golongan peniaga, pekerja B40, setiap lapisan masyarakat yang memerlukan dan yang terkesan sewaktu PKP melalui penguatkuasaan, penangguhan pembayaran sewa, bagi rumah sewa kerajaan, rumah PPRT, sewa tapak

premis, penangguhan pembayaran lesen peniaga dan sebagainya. Sikap tidak lokek daripada kerajaan negeri, daripada dapat sidang Dewan Yang Berhormat saksikan lagi dengan serahan bantuan tunai *one-off* kepada rakyat yang dijangkiti wabak COVID-19, ahli keluarga, pesakit meninggal akibat COVID-19, bantuan urusan jenazah, kaman, bantuan tunai kepada asnaf, zakat, e-Kasih serta penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sebagainya.

Walaupun tercatat peratus yang amat tinggi sebagaimana yang disebutkan sebentar tadi., DUN Bukit Pasir suka untuk menyatakan bahawa perbelanjaan keseluruhan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan COVID-19, sehingga 1 September 2020 adalah berjumlah RM66.6 juta dan masih berbaki perbelanjaan RM126.5 juta untuk baki 7 inisiatif yang belum diumumkan oleh kerajaan negeri.

Maka *point* ketiga daripada DUN Bukit Pasir adalah berdasarkan jumlah perbelanjaan yang masih berbaki besar untuk kegunaan masa akan datang memberi kepercayaan kepada kerajaan negeri, tidaklah boros dan semberono, tetapi telah menyusunnya sebaiknya rangka dan perancangan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi ini. Melalui rekod peratus yang amat tinggi sebentar tadi, dapatlah sidang Dewan Yang Berhormat semua lihat kepentingan yang diletakkan oleh kerajaan negeri kepada masyarakat Johor serta petugas-petugas barisan hadapan untuk mengengkang penyebaran wabak COVID-19. Sidang Dewan Yang Berhormat sekalian, hujah yang disampaikan oleh DUN Bukit Pasir bukan sekadar menyampaikan ucapan tahniah buat kerajaan negeri, namun ingin memberi penekanan bahawa inisiatif dan insentif kerajaan yang berpusatkan kepada menjaga kebajikan masyarakat akan memperlihatkan bahawa kerajaan negeri tidak lupa rakyatnya terutama golongan berpendapatan sederhana dan rendah yang paling terkesan apabila ditimpa musibah. Di saat sidang Dewan Yang Berhormat sibuk membawa usul atas nama pembangunan negeri, sidang Dewan Yang Berhormat lupa pembangunan negeri bukan hanya terletak pada infrastruktur berjuta-juta ringgit, namun terletak kepada rakyatnya yang mencapai kehidupan lestari. Maka pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan COVID-19 merupakan salah satu inisiatif dan insentif pro masyarakat lestari. DUN Bukit Pasir sendiri mengamalkan agar kebajikan masyarakat itu terjaga dengan inisiatif bersama-sama Badan Kebajikan PAS kawasan dan juga masyarakat setempat untuk mengusahakan contoh penjualan nanas dan hasil jualan disalurkan semula kepada masyarakat bagi membeli barangan keperluan asas tambahan semasa PKP. Maka, DUN Bukit Pasir percaya bahawa kebajikan masyarakat harus diberi keutamaan agar kelestarian masyarakat itu seiring dengan kemajuan negeri. Selain itu, DUN Bukit Pasir percaya dengan kejayaan perangkaan dan pelaksanaan pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan COVID-19, kerajaan negeri mampu untuk meneruskan lagi inisiatif dan insentif lain di masa hadapan yang mengetengahkan manfaat masyarakat.

DUN Bukit Pasir memberi cadangan agar kerajaan meletakkan fokus terutamanya kepada dua sektor yang dilihat tidak terjejas sewaktu tempoh PKP iaitu pertanian dan penternakan. Berdasarkan Buletin Suku Ketiga Tahun 2019 dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia bertajuk Import Makanan Dan Kadar Pertukaran, negara Malaysia masih mencatatkan kebergantungan yang tinggi kepada hasil import bahan makanan iaitu sebanyak RM54 bilion pada tahun 2018, berbanding RM43 bilion pada 2013. Ia ini kadar pertumbuhan tahunan terkumpul sebanyak 4.3%. Rekod ini ternyata lebih tinggi berbanding eksport iaitu RM35 bilion bagi tahun 2018 serta hanya RM26 bilion pada tahun 2013. Sebagaimana petikan akhbar Sinar Harian pada 26 Mei 2020, menekankan kerajaan untuk mendahulukan usaha membina sektor makanan bagi memulihkan semula ekonomi. Di mana artikel tersebut menyatakan majoriti rakyat Malaysia yang telah berpindah ke bandar kini terlalu bergantung kepada bahan makanan yang di import dan menggesa kerajaan agar meletakkan usaha sektor makanan negara, membina sektor makanan negara.

DUN Bukit Pasir amat bersetuju sekali sekiranya kerajaan negeri mengambil perhatian akan isu ini. Kesungguhan dan penglibatan rakyat dalam sektor bertani dan menternak di negeri

Johor, sekiranya di beri sokongan dan laluan oleh kerajaan negeri sehingga ke peringkat komersial maka dua sektor ini berpotensi menjadi suntikan besar kepada pembangunan ekonomi negeri Johor dan negara Malaysia. Akhir sekali marilah sama-sama kita menghayati firman Allah SWT (bacaan surah). Yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya dan ia ini menyuruh kamu apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada mu. Sesungguhnya Allah adalah maha mendengar lagi maha melihat". Surah An Nisa ayat 58. Dengan yang demikian DUN Bukit Pasir memohon agar kerajaan negeri mempertimbangkan cadangan itu tadi selain bertujuan untuk kemajuan negeri dan kesejahteraan rakyat, ia juga merupakan harapan dan amanah yang dituntut oleh penduduk seluruh negeri Johor agar kerajaan terus meletakkan keharmonian dan kelestarian hidup rakyat itu setanding dengan lain-lain kepentingan dan kemajuan yang diinspirasikan buat negeri Johor.

Harapan DUN Bukit Pasir juga buat sidang Dewan Yang Berhormat sekalian agar kita sama-sama dapat bersatu padu antara masyarakat terutama pada waktu genting pada masa sekarang agar terus kekal prihatin, bantu membantu serta saling berinteraksi ke arah produktiviti tanpa mengira kaum, bangsa dan warna kulit. Masing-masing menjalankan tanggungjawab berganding bahu agar kemerdekaan kali ke-63 yang baharu disambut pada bulan Ogos lepas akan terus membawa negara Malaysia ke arah negara yang lebih harmoni, maju, prihatin, demi masa depan anak-anak kita dan masa depan mereka semua. Pemimpin adil lagi bijak, naungan raja menjadi pelindung, di mana bumi kita berpijak di situlah langit dijunjung. Tahun ini penuh cabaran *front liner* negara banyak berkorban. Marilah semua tingkatkan keazaman doa juga jangan dilupakan. Bersatu padulah rakyat Malaysia, elakkan diri dari pergaduhan, 63 tahun negara merdeka. Negara makmur terus ber wawasan. Sekian, wabillahitaufikwalhidayah wassalamualaikum warahmatullhhi wabarakatuh.

**YB Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Pasir. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini kita tangguhkan sehingga ke jam 2.30 petang.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 12.50 tengah hari.**

**Persidangan disambung semula pada jam 2.30 petang.**

**YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Timbalan Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Yang Berhormat YB Bukit Batu, jemput.

**YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) :** Terima kasih kepada Puan Speaker, kerana benarkan saya untuk terlibat dalam perbahasan hari ini. Pertama saya ingin mengucapkan tahniah, tahniah dan syabas kepada Menteri Besar Johor yang ke-18 atas pembentangan pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor baru-baru ini. Tugasan utama dan paling mencabar setelah dilantik sebagai MB Johor ke-18 pada akhir bulan Februari tahun ini saya rasa adalah untuk mengatasi COVID-19 ini. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah memberikan satu ucapan yang baik, yang saya paling menarik saya ialah dia telah menekan bahawa kita tidak boleh dalam *state of mind of denial* bahawa ekonomi Johor memang ada kesan daripada COVID itu satu pengakuan yang berani yang saya kena hormat di sini.

Tapi malangnya Datuk Menteri Besar, ucapan ini tidak diikuti dengan teks. Teks tidak diedarkan kepada Ahli-Ahli Dewan terutamanya kita ini yang perlu bahas rundingan sebaik sahaja Menteri Besar telah habis buat pembentangan. Saya rasa kita perlu ada butir-butir yang terperinci, ke mana RM174.5 juta ini dibelanjakan. Saya tidak dapat tangkap sepenuhnya dalam ucapan Menteri Besar malah saya kena rujuk pula kepada kenyataan

media Yang Amat Berhormat pada 25 Mac lalu dan di sana pun hanya sebut baki 11 insentif berjumlah RM120 juta akan diumumkan dari semasa ke semasa. Harap Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh memberi sedikit pencerahan dalam sesi penggulungan. Butir-butir yang lebih terperinci.

Puan Speaker, pandemik COVID-19 sebenarnya amat memerlukan perhatian sepenuh mana-mana kerajaan di dunia ini. Itulah kenapa kalau kita tengok keadaan politik sedunia dalam beberapa bulan ini, sebenarnya ia agak stabil dan mantap. Tengoklah di Korea Selatan yang negara pertama yang mengadakan pilihan raya pada bulan April 2020. Parti pemerintah di sana, Demokratik parti dia menang besar. Begitu juga di Singapura baru-baru ini parti PAP juga dikembalikan sebagai kerajaan dan akhirnya pada bulan Ogos di Sri Lanka, pilihan raya yang baru-baru sahaja habis, parti pemerintah *Sri Lanka People's Freedom Alliance* bukan sahaja menang tetapi tambah 50 kerusi.

Tetapi, tetapi di Malaysia pula ada yang luar biasa sedikit. Semasa kerajaan Pakatan Harapan tengah menghadapi fikir cara untuk kita menangani isu COVID-19, pihak lawan politik kita sibuk merancang untuk tukar kerajaan pada masa tersebut. Dan saya mengakui kesemua ini tidak akan terjadi sekiranya bukanlah terdapat beberapa individu, wakil rakyat terutamanya dari parti saya sendiri. Yang sanggup mengkhianati parti dan mandat rakyat demi kepentingan diri sendiri. Adalah tindakan pengkhianat ini yang membawa kita ke situasi hari ini. Dan mereka ini yang menjadi pengkhianat ini, mereka akan memberi apa-apa juga, berpuluh-puluh alasan mengapa mereka membuat demikian. Ada yang sebut demi nak menyelamatkan negara, ada yang sudah hilang kepercayaan kepada pimpinan-pimpinan, banyak-banyak lagilah, tapi bagi saya, dan semua di sini semua faham ini semua tipu sendiri sahaja. Kalau awak bodoh jangan ingat rakyat pun bodoh sekali ya? Dan saya nak ingatkan *group-group* ini awak dipilih oleh rakyat pada PRU lepas atas tiket parti Keadilan mewakili Pakatan Harapan bukan atas kehebatan awak sendiri. Rakyat Malaysia undi parti bukan undi untuk awak. Rakyat undi sebab masa itu nak tolak kerajaan Barisan Nasional dan bukannya nak angkat awak jadi YB untuk terus khianat parti dan mandat rakyat.

Puan Speaker, saya sentuh ini sebab sebarang pertukaran kerajaan pada masa kritikal tersebut baik di pusat atau negeri tentunya telah menjejaskan *machinery* kerajaan untuk menangani dan lawan pandemik COVID ini dengan lebih elok lagi. Itulah kenapa, saya sebut tadi. Hampir semua negara memberi kepercayaan kepada parti pemerintah masa pandemik ini supaya tidak mengganggu tindakan dan usaha kerajaan melawan COVID-19. Tapi tengoklah di Johor, di Johor sehingga hari ini Ahli-Ahli Majlis masih belum dipenuhi di semua 16 PBT. Sudah hampir 6 bulan sejak tempoh perkhidmatan Ahli-Ahli Majlis kita ini PH tamat. Tetapi sampai hari ini masih tidak ada lantikan baharu yang lengkap. Ini tentu akan menjejaskan prestasi dan kelicinan kerja-kerja di PBT-PBT bila Ahli Majlis itu tak lengkap. Malah, masalah bukan sekadar di peringkat PBT sahaja. Saya juga difahamkan elaun ketua kampung, elaun ketua kampung tidak akan lagi dibayar oleh kerajaan atau kementerian mulai bulan Ogos tahun ini. Malah, semalam ketua kampung FELDA Bukit Batu ada *call* saya dan kata elaun daripada kerajaan negeri untuk bulan Ogos pun belum bayar lagi. Apa salah mereka Puan Speaker? Begitu juga ketua masyarakat yang dilantik oleh kerajaan PH telah ditamatkan perkhidmatan mereka pada bulan Mac tahun ini dan sehingga hari ini masih belum ada lantikan baharu untuk ganti mereka. Adakah ini disebabkan isu-isu politik di kerajaan sekarang yang sibuk rebut jawatan sehingga kebajikan rakyat telah diabaikan. Dan, saya juga ingin nak ambil kesempatan ini untuk melontarkan satu isu kepada Menteri Besar baharu kita. Baru-baru ini ada seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang telah cuba dapatkan calon ketua masyarakat di Johor. Salah satu syarat untuk sesiapa yang beraspirasi untuk jadi ketua masyarakat adalah untuk menandatangani satu surat aku janji mengisytiharkan kesetiaan kepada Datuk Seri Azmin Ali. Saya *repeat* eh, kesetiaan kepada Datuk Seri Azmin Ali. Saya nak tanya ni Azmin ni ada apa kaitan dengan negeri Johor? Kalau hendak *sign* untuk kesetiaan kepada Tuanku Sultan Johor tak ada masalah, saya

sokong. Kalau nak *sign* untuk kesetiaan kepada Datuk Hasni MB Johor pun, ok jugak. Tapi ini *sign* untuk Datuk Seri Azmin Ali, ini saya tidak boleh terima. Maka setahu saya bila Pakatan Harapan pegang kuasa kerajaan dan semasa saya dalam MMK tak pernah pun ada kehendak untuk mana-mana orang untuk tandatangani surat sebegini. Maka atas kesetiaan saya sebagai seorang anak Johor saya harap Menteri Besar Johor boleh memberi satu jawapan yang terus terang kepada Dewan yang mulia ini dan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan juga penjawat awam di sini, adakah surat kesetiaan kepada Azmin Ali ini adalah satu syarat baharu atau SOP baharu dalam lantikan ketua masyarakat di Johor.

Dan sekiranya tidak mengapa Ahli MMK EXCO ini boleh membuat demikian dan apa tindakan Menteri Besar terhadap tindakan sebegini yang jelas, jelas telah mencabar kedaulatan Johor dan memalukan nama kerajaan ini. Puan Speaker, seperti yang saya katakan sebenarnya jarang ada kerajaan yang tukar bila kita lawan COVID. Di Malaysia kita nasib baik, nasib baik bila tukar kita masih ada tokoh seperti Tan Sri Nor Hisham kalau tidak kita hanya bergantung kepada Menteri yang hanya minum air suam sahaja, habislah kita semua hari ini.

Puan Speaker, salah satu tarikh yang paling dibimbangi oleh rakyat jelata adalah 30 September, sebab mulai 1 Oktober moratorium bank akan luput dan rakyat dikehendaki mula membayar ansuran, ansuran bank termasuklah ansuran pinjaman rumah, kereta dan sebagainya. Berjuta-juta rakyat 7 juta rakyat, Malaysia kena mula tanggung balik bayaran ini. Dan dalam keadaan ekonomi yang kini masih belum pulih dan di mana ramai anak Johor hilang kerja terutamanya mereka yang bekerja di Singapura saya rasa kesal dan sedih kerajaan tidak melanjutkan tempoh moratorium ini sekurang-kurangnya untuk 6 bulan lagi.

Saya khawatir ramai yang akan menghadapi masa depan yang tidak menentu mulai bulan depan. Dijangka ramai akan menghadapi kes lelong rumah, kedai atau kilang bila mereka tak ada duit untuk bayaran ansuran bank. Bayangkanlah berapa ramai orang yang akan hilang rumah dan kerja mereka apabila syarikat-syarikat terpaksa ditutup. Dan ini tentu akan menjejaskan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat. Adalah lebih baik jika moratorium ini dilanjutkan lagi untuk 6 bulan dan disemak semula bila ekonomi mula pulih. Semoga mereka atau adalah Malaysia Prihatin tapi saya tidak nampak juga begitu.

Untuk kerajaan negeri Johor sekurang-kurangnya mesti ada usaha untuk bantu mereka. Saya bagi satu contoh, di Pulau Pinang akan ada satu *fair* pada 30 September dengan kehadiran bank-bank untuk bantu peniaga-peniaga runding bayaran ansur mereka yang dianjurkan oleh kerajaan negeri Pulau Pinang. Usaha seperti ini amat dialu-alukan dan saya harap kerajaan Johor juga boleh contohnya.

Puan Speaker, walaupun banyak industri telah mula beroperasi balik di bawah PKPP salah satu sektor yang masih tidak boleh beroperasi penuh adalah dalam sektor industri perhiburan. Saya rasa sekatan yang kini diletak terhadap mereka ini adalah terlalu keras. Pada hal seperti industri lain seperti F&B, penguatkuasaan SOP boleh diketatkan untuk sektor perhiburan. Kita kena faham, terdapat ramai pekerja industri ini yang telah mengadu akan kehilangan kerja mereka apabila *business-business* mereka ni tidak boleh beroperasi. Tambahan baru-baru ini Perdana Menteri kita telah menyatakan ada baiknya kalau mereka langsung tak buka juga. Kenyataan sebegini memberi gambaran kerajaan langsung tak peduli mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam industri ini.

Untuk sektor lain dan juga sebahagian sektor hiburan yang dapat beroperasi seperti panggung wayang dan juga *theme park-theme park* diharap kerajaan boleh mengecualikan lesen perniagaan mereka dan duti hiburan mereka untuk tahun ini yang telah dibuat dan saya harap juga untuk tahun depan di mana saya jangka ekonomi kita tidak boleh pulih sepenuhnya.

Puan Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini terdapat hampir 907,000 entiti, PKS atau SME di Malaysia dan mereka menyumbang hampir RM521.7 bilion kepada KDNK negara pada tahun 2019. Daripada hampir 1,000 entiti *business*, 985 adalah diklasifikasikan sebagai SME. Dan daripada angka ini hampir 100,000 IKS di Johor adalah terletak di Johor dan mereka ini memainkan peranan penting dalam rantai ekonomi negara kita terutamanya untuk menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak Johor. Golongan ini jugalah yang paling terkesan daripada pandemik COVID-19 ini kerana mereka ini biasanya kurang mempunyai kemampuan untuk bertahan dalam iklim atau suasana ekonomi yang lembap ini.

Maka saya harap sangat kerajaan memberi perhatian dan segala bantuan yang mampu untuk menolong mereka. Baru-baru ini saya baca dalam surat khabar Menteri Besar Johor ada minta Putrajaya untuk RM1 bilion untuk bantu SME Johor. Syabas dan tahniah tetapi saya rasa jumlah ini terlalu kecil berbanding dengan jumlah SME yang kita ada di Johor. Saya pernah keluar kenyataan kerajaan perlu sediakan sekurang-kurangnya RM100 bilion seluruh negara untuk bantu SME-SME dan di Johor saya rasa kerajaan kena *fight* untuk lebih daripada RM1 bilion, untuk menolong SME-SME tersebut.

Kebanyakan SME ini sekarang mengalami isu aliran tunai, *cash flow* kerana pasaran terlalu lembap. Pada masa yang sama mereka kena tanggung sewa, ansuran bank yang akan datang, gaji pekerja. Itulah kenapa mereka perlu bantuan untuk melepasi krisis sementara ini. Bayangkanlah Puan Speaker sekiranya SME ini tutup kedai, berapa ramai orang yang akan hilang pekerjaan. Pagi tadi Menteri Besar telah menyatakan dijangka 173,000 orang telah hilang pekerjaan pada masa ini. Saya rasa angka ini tentunya akan menambah pada suku ketiga dan keempat tahun ini. Justeru sebarang bantuan kerajaan tidak boleh dinampak sebagai *tokenism* sahaja dan kena betul-betul bantu mereka.

Bila ekonomi pulih, perniagaan mereka bertambah baik mereka juga akan menyumbang balik kepada negara melalui cukai-cukai dan selainnya. Malah bukan setakat kita beri duit atau geran sahaja kerajaan negeri boleh juga beri bantuan kepada SME ini dari segi latihan, *re-skill*, *retraining* seperti cara promosi cara untuk menolong promosikan barang-barang mereka *online* atau secara digital. Sekarang apa-apa pun boleh dijual *online* Puan Speaker, ikan pun boleh jual *online*, apa lagi yang tidak boleh. Kerajaan juga boleh memberi panduan untuk sesetengah industri yang mengalami masalah sekarang seperti dalam sektor pelancongan untuk mereka berhijrah ke sektor lain seperti logistik dan selain-lainnya. Agensi-agensi kerajaan kena main peranan penting membantu SME-SME ini.

Puan Speaker, hari ini kalau kita meninjau keadaan ekonomi di Johor jelas kita nampak betapa sunyinya Johor Bahru sekarang. Pergilah mana-mana *shopping mall* di Johor Bahru, City Square atau KSL, dulu penuh orang pada hari minggu, cari *parking* pun susah, semua restoran dan kedai penuh dengan orang, ramai orang pelanggan dari Singapura kereta jem berapa jam pun mereka nak masuk JB kerana kadar pertukaran yang agak menarik, 3:1 memang murah untuk mereka datang JB. Bila datang JB mereka akan makan, *shopping*, cuci kereta dan banyak-banyak lagilah. Sekarang kalau kita tinjau jauh beza orang kurang, tapi kedai yang tutup banyak.

Selain daripada bantuan SME yang saya sebut tadi kerajaan boleh anjurkan contohnya, *The Great Johor Mega Sales* untuk tarik pelancong domestik ke Johor. Pada masa yang sama kerajaan Johor kena menaik, meningkatkan usaha untuk mendapatkan lebih ramai pelabur ke Johor untuk wujudkan lebih banyak pekerjaan dan pengaliran masuk wang asing ke dalam negeri Johor. Kita kena faham semua negara bahkan negeri dalam Malaysia amat agresif untuk memikat pelaburan asing maka kita kena ada *selling point* yang unik dan berkesan. Saya memang harap kita dapat lebih banyak pelaburan dan bukannya saya dengar cerita baru-baru ini sebuah syarikat elektronik di Johor di Senai telah mengambil keputusan untuk pindah operasi ke Vietnam dan semua sub-kontraktornya telah ikut mereka

ke sana. Tapi yang paling ketara dan penting untuk pulih balik ekonomi Johor terutama di Johor Bahru adalah untuk membuka balik sempadan dengan Singapura secepat mungkin.

Saya faham perkara ini agak rumit kerana melibatkan 2 negara, tetapi saya yakin ini boleh dilakukan secara berfasa dan selaras dengan SOP yang sedia ada. Betul, bulan lepas kerajaan telah wujudkan PCA dan RGL untuk segelintir rakyat ke dua-dua negara pergi masuk, tetapi saya rasa itu langsung tidak memadai dan tidak akan membantu keadaan ekonomi Johor sekarang. Dan bagi saya skim yang saya sebut tadi tu jelas adalah berat sebelah. Tadi Menteri Besar sendiri ada sebut tadi daripada 8,700 orang guna PCA, 6,784 yang menghala ke Singapura iaitu 78%, *outflow* 78 masuk 22.

Singapura tak rugi, memang dia perlu pekerja kita masuk Singapura tapi kita pulak perlu pelancong dari Singapura ke Johor Bahru. Sempadan sekarang tidak buka, tak buka, mungkin sampai akhir tahun pun tak buka. Tahun depan macam mana, saya pun tidak tahu. Sekarang ada segelintir orang Johor boleh pergi Singapura, kerja tapi 3 bulan mereka kat sana, tak boleh balik juga. Makan minum semua di Singapura, dulu di Johor Bahru, sekarang kat sana. Hakikatnya kita bukan sahaja hilang pelancong daripada Singapura yang berbelanja di Johor tetapi juga pekerja-pekerja Malaysia yang tadi Menteri Besar sendiri sebut 400,000 yang di Singapura yang biasanya akan balik ke Johor Bahru untuk belanja.

Kehilangan dua kumpulan ini amat memudaratkan ekonomi tempatan Johor Bahru. Maka pembukaan sempadan mestilah dijadikan keutamaan atau *priority* kerajaan negeri sekarang. Lebih lama ini tidak ditangani lagi teruk ekonomi Johor akan terjadi. Akhir sekali saya ingin membuat sedikit perbandingan dengan negeri-negeri lain. Pakej rangsangan yang dibentang oleh Dato' Menteri Besar ni memang baik, tapi bagi saya jumlah yang terlibat amaun ini kurang sedikit dan agak lambat sedikit.

Sepatutnya rundingan ini patut dibentangkan lagi awal pada bulan Mei, Jun atau Julai mungkin Jun atau Julai bukannya bulan September. Kalau kita banding dengan negeri Sarawak pakej mereka 3 pakej telah diperuntukkan RM2.55 bilion dan negeri yang lebih dekat dengan negeri kita di negeri Selangor juga telah lebih awal dibentangkan telah diperuntukkan untuk pakej mereka RM413.9 juta hampir RM414 juta jauh melebihi negeri Johor. Akhir kata, kita dibebankan tentunya kita sokong segala pakej atau bantuan yang akan menolong rakyat terutamanya mereka yang berada di golongan bawah.

Tentu kita faham hidup mereka menjadi lebih sukar sejak pandemik COVID-19 ini. Kita di sini bukan pembangkang yang *oppose for the sake of opposing*, saya harap kerajaan boleh meneliti hujah dan pandangan kita dengan hati yang terbuka dan objektif demi kesejahteraan rakyat dan anak Johor. Akhir sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan terima kasih kepada semua petugas-petugas *front liner* yang telah bertungkus lumus melawan COVID-19 selama ini. *Front liner* ini telah gadaikan keselamatan mereka atau dedah, *exposed* kesihatan mereka demi kesejahteraan rakyat. Saya ingin rekod di Dewan yang mulia ini, jasa kamu kita semua akan kenang selamanya. Sekian, terima kasih.

**YB Timbalan Speaker :** Yang Berhormat Johor Lama, jemput.

**YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari (Johor Lama) :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh dan selamat sejahtera, Salam Makmur Johor. Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker, barisan kepimpinan Makmur Johor yang sentiasa prihatin terhadap permasalahan rakyat serta Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Hari ini, saya Yang Berhormat Johor Lama amat berterima kasih di atas ruang yang diberikan bagi saya membahaskan Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor di Dewan yang mulia ini kerana ia merupakan perkara yang sangat penting dalam keadaan kita

berhadapan dengan pandemik COVID-19 yang melanda dunia dan tidak terkecuali negeri kita Johor.

Yang Berhormat Puan Speaker, saya ingin merujuk sedikit apa yang dikatakan oleh ADUN Bukit Batu. Saya rasa amat terkejut dan terkilau bila mempertikaikan kewujudan kerajaan yang baru hari ini khasnya di peringkat nasional Parti Perikatan Nasional dan di Johor. Kita melihat sejarah, kita tengok, saya tengok TV daripada isu itu berlaku beberapa hari dan kita melihat dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Agong sendiri menjelaskan dalam Dewan Rakyat bahawa pertukaran kerajaan, pertukaran Perdana Menteri terpaksa dilakukan. Bukan kerana kehendak Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin tetapi kerana kekosongan yang ditinggalkan oleh Perdana Menteri Tun Mahathir dan keadaan itu menjadi terlalu genting dan saya difahamkan bila SD itu diserahkan kepada Tuanku, keadaannya tak menunjukkan siapa yang layak menjadi seorang Perdana Menteri dan masa itulah timbulnya Tan Sri Muhyiddin dan apabila Ahli-Ahli Parlimen memberikan sokongan ataupun kepercayaan kepada Duli Tuanku untuk memilih Perdana Menteri, kenapa kita nak mempertikaikan? Dan apabila pelantikan telah dibuat dan telah dilaksanakan, itulah keputusan yang telah diterima oleh semua rakyat dalam negara kita, termasuk di negeri Johor.

Saya lihat Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidaklah terhegeh-hegeh nak jadi Menteri Besar. Saya lihat benda itu berlaku dengan tenang, walaupun masa itu Menteri Besar nya ialah orang BERSATU tetapi bila Yang Amat Berhormat Datuk Hasni menjadi Menteri Besar kita tidak pun mempertikaikan, tidak membuat demonstrasi, benda itu berlaku dengan cukup tertib, aman dan cukup Muafakat Johor. Kita rakyat Johor, cara Johor, kita lakukan. Jadi, saya mengharapkan ADUN Bukit Batu melihat sejarah ini supaya kita dapat laksanakan tanggungjawab kita untuk mencegah COVID-19 ini. Seperti yang tuan-tuan sedia maklum, pandemik COVID-19 ini yang bermula di Wuhan, China, telah mengakibatkan pandemik di seluruh dunia termasuk negara kita, tuan-tuan dan puan-puan. Sebab itu tadi bila ADUN Batu berkata, negara-negara yang mengadakan pilihan raya pada masa ini, mereka akan menang dengan cemerlang. Saya amat yakin, kalau kerajaan kita pada hari ini mengadakan pilihan raya, kerajaan PN tentu akan menang dengan cemerlang tuan-tuan dan puan-puan. Sebab apa tuan-tuan dan puan-puan? Semasa pemilihan PH, kalau kita ingat, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan masa itu, mengalu-alukan lagi pelancong-pelancong dari negeri China, mereka mengatakan kenapa ada diskriminasi? Sedangkan kita tahu punca penyakit tersebut berasal dan datangnya dari Wuhan, negeri China, tuan-tuan yang dihormati sekalian.

Jadi, sehingga hari ini terdapat lebih kurang 227.2 juta kes di seluruh dunia dengan lebih 891,000 kematian dicatatkan. Super virus yang mengerikan ini bukan sahaja menyerang kesihatan manusia, malah mengakibatkan kita terkena impak yang lebih panjang iaitu keupayaan kita untuk bertahan dalam hidup iaitu dalam isu ekonomi kita. Kesan COVID ini telah mengakibatkan kesan ekonomi kepada seluruh masyarakat dunia yang terpaksa memberhentikan banyak aktiviti ekonomi mereka. Negara kita turut terkesan apabila pandemik COVID-19 ini memaksa kita melakukan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang membatasi rutin harian termasuklah rutin untuk bekerja bagi mencari nafkah kehidupan. Walau bagaimanapun, tindakan dan strategi kawalan yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia yang dibantu oleh kerajaan negeri berjaya memastikan wabak ini terkawal dan kita mampu untuk memulakan kembali kehidupan dengan norma baharu yang diperkenalkan.

Namun, walaupun kita pada hari ini sudah mampu keluar dan menjalankan aktiviti ekonomi dan aktiviti sosial ianya tidaklah seperti dahulu sebelum pandemik berlaku. Banyak perubahan yang dahulunya mampu kita buat, tetapi hari ini terhalang dengan adanya norma baharu. Malah, keadaan ekonomi ini kita juga jauh berubah berbanding sebelum ini dengan berbagai cabaran-cabaran yang perlu ditempuhi oleh rakyat.



Yang Berhormat Puan Speaker, dalam keadaan rakyat berhadapan dengan kesukaran berdepan dengan COVID-19 ini, kerajaan telah melaksanakan tanggungjawab sebaik mungkin dengan pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi. Jika di peringkat pusat kita ada pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat, kita di negeri Johor melaksanakan Pakej Rangsangan Ihsan Johor yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Untuk kita melihat Pakej Rangsangan Ekonomi ini, saya akan membahaskannya mengikut garis masa yang boleh dipecahkan kepada tiga bahagian utama iaitu permulaan krisis pandemik, ketika pandemik dan selepas pandemik. Ini kerana tindakan yang dilakukan oleh kerajaan bukan sahaja perlu dilihat ketika menghadapi masalah tetapi ianya perlu melihat ke hadapan dalam memastikan pertumbuhan ekonomi negeri dan membawa rakyat ke arah ekonomi yang lebih baik.

Yang Berhormat Puan Speaker, kekuatan tidak datang dari kemampuan fizik tetapi datang dari semangat yang gigih. Atas sifat keprihatinan kerajaan negeri Johor pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 20 Mac 2020, Inisiatif Ihsan Johor Siri 1 telah diumumkan dengan pakej bernilai lebih kurang RM12.5 juta dan pada 25 Mac 2020, Inisiatif Ihsan Johor Siri II pula diumumkan dengan jumlah bernilai RM17.5 juta. Malah diumumkan bahawa baki RM120 juta akan diumumkan secara berperingkat-peringkat terutama bagi menyelesaikan isu pasca pandemik COVID-19. Ketika permulaan krisis pandemik, kita lihat bagaimana kerajaan berperanan dengan melaksana tindakan kawalan yang pantas dengan strategi tertentu bagi memastikan sebaran wabak ini dapat dibendung. Ini termasuklah reaksi yang diberikan oleh kerajaan negeri terhadap memperkukuh kawalan sempadan, bantuan terhadap petugas barisan hadapan, peningkatan fasiliti kesihatan, sanitasi terhadap kawasan-kawasan tumpuan awam.

Perkara ini telah dibentangkan melalui Inisiatif Insan Johor Siri II iaitu RM500,000.00 peruntukan peralatan tambahan dan keperluan kesihatan. RM200,000.00 untuk makanan kepada anggota keselamatan yang bertugas, pemberian topeng muka kepada pekerja dan kerja-kerja disinfeksi dan disterilisasi Pihak Berkuasa Tempatan. Ini menunjukkan bagaimana kerajaan negeri Johor melaksanakan tindakan pantas dan segera ketika permulaan pandemik COVID-19 berlaku. Perkara ini memerlukan tindakan pantas kerajaan negeri dan kerajaan negeri Johor berjaya memastikan segala keperluan untuk menjamin keselamatan rakyat di negeri ini terpelihara walaupun ketika itu kita berhadapan dengan kemelut dan ketidakstabilan politik. Malah kerajaan negeri Johor merupakan antara negeri terawal yang mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi ketika permulaan pandemik. Keadaan ini memberikan keyakinan terhadap rakyat bahawa kerajaan negeri sentiasa memastikan kebajikan dan keselamatan mereka terpelihara.

Yang Berhormat Puan Speaker, jika kita lihat banyak masalah mula timbul ketika pandemik kerana Perintah Kawalan Pergerakan yang dijalankan bermula 18 Mac sebelum bertukar kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat dan sekarang Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan sehingga 31 Disember. Ini kerana, ketika perintah kawalan pergerakan yang melibatkan empat fasa sehingga hampir dua bulan semua rakyat tidak dibenarkan menjalankan sebarang aktiviti sama ada sosial mahupun aktiviti ekonomi. Ini menyebabkan ramai dalam kalangan masyarakat yang terkesan teruk terutama bagi *survival* kehidupan mereka. Mereka ini tidak dapat bekerja disebabkan PKP dan pastinya golongan yang bekerja sendiri ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Seperti peniaga pasar, penjaja dan peniaga kecil ini terkesan dan tidak mempunyai mata pencarian. Lebih parah menurut laporan Bank Negara Malaysia, lebih 70% rakyat Malaysia mempunyai simpanan kewangan kurang daripada RM1,000.00. Bayangkan mereka tidak boleh pergi bekerja dan mempunyai wang simpanan yang sangat sedikit untuk kehidupan harian mereka.

Namun, kerajaan negeri telah bertindak dengan mengumumkan bantuan RM20,000.00 kepada setiap ADUN negeri sama ada kerajaan ataupun pembangkang untuk disalurkan

kepada penduduk kawasan masing-masing. Terima kasih saya ucapkan kepada barisan kepimpinan negeri yang berjaya mengamalkan kematangan dalam politik dan pentadbiran negeri apabila memberikan kami Wakil Rakyat peruntukan khas bagi membantu penduduk di kawasan tidak kira kerajaan mahupun pembangkang. Malah, kerajaan negeri telah umumkan Inisiatif Bank Makanan Johor untuk diagihkan kepada mereka yang memerlukan. Malah, saya difahamkan pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri mewujudkan Pusat Media COVID-19 yang menerima panggilan daripada rakyat negeri Johor yang terputus bekalan makanan sebelum bantuan disalurkan melalui agensi-agensi di peringkat daerah.

Kerajaan negeri juga telah membantu terutama dalam bentuk bantuan tunai seperti pengagihan Ihsan Johor yang melibatkan peruntukan sebanyak RM14 juta dengan jumlah 41,565 orang penerima. Sehingga ini, banyak inisiatif yang telah dilaksanakan di bawah kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam Negeri Johor. Semua inisiatif ini berjumlah melebihi RM173 juta yang memberi manfaat kepada 254,249 rakyat di negeri Johor. Ini merupakan bukti keprihatinan kerajaan negeri dalam menjawab permasalahan dan kerunsingan rakyat ketika menghadapi krisis dan kerajaan berjaya menjadi pembela nasib rakyat. Semua inisiatif yang dibentangkan ini dapat dilihat bertujuan untuk menyelesaikan masalah ketika pandemik sedang berlaku dan memerlukan reaksi segera dan pantas daripada pihak kerajaan. Saya melihat pihak kerajaan negeri telah melakukan tindakan pro aktif bagi memastikan bahawa rakyat ketika itu dijaga dengan baik.

Yang Berhormat Puan Speaker, kalau tadi kita lihat bagaimana peranan kerajaan negeri dalam menangani pandemik COVID-19 dan tindakan pro aktif yang memastikan kebajikan rakyat terbela, sekarang kita perlu lihat peranan yang perlu dimainkan oleh kerajaan selepas pandemik. Ini kerana isu pandemik COVID-19 bukan sahaja berakhir apabila kita berjaya kawal jangkitan wabak tersebut tetapi impak ekonomi yang masih dirasai dan memberi kesan terhadap kehidupan rakyat. Kita sewajibnya memberikan fokus dalam isu Covid-19 ini adalah memastikan rakyat mampu membugarkan kembali ekonomi mereka seperti sebelum COVID-19 atau mungkin lebih baik.

Seperti kita sedia maklum, kesan COVID ini telah menyebabkan banyak sektor ekonomi terkesan dan mengakibatkan pengecilan perniagaan atau penutupan terus setengah-setengah perniagaan. Ini memberi kesan langsung apabila statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa kadar pengangguran di Malaysia telah melonjak naik kepada 4.9% dengan peningkatan 48.8% kadar pengangguran jika dibandingkan dengan tahun lepas.

Sehingga kini, seramai 778,800 orang dikatakan menganggur. Ini merupakan rekod pengangguran tertinggi sejak 34 tahun yang lepas dan lebih teruk berbanding ketika krisis ekonomi pada tahun 1998-1999 dan kelembapan ekonomi dunia 2007-2009. Namun, ini bukanlah perkara yang hanya berlaku dalam negara kita sahaja, kadar pengangguran di Amerika Syarikat dikatakan meningkat daripada 3.5% kepada 14.7% iaitu seramai hampir 20 juta orang. Ini disebabkan banyak sektor terjejas seperti sektor pembuatan dan perkhidmatan. Contohnya, dalam sektor perkhidmatan, ramai yang terkesan dalam kerjaya melibatkan perniagaan, penginapan atau hospitaliti, makanan dan minuman, kesenian, hiburan, rekreasi pelancongan dan pusat-pusat kecantikan. Malah, menurut Bank Negara Malaysia, ekonomi Malaysia menguncup sebanyak 17.1% bagi suku kedua tahun 2020 dan ekonomi negeri Johor juga dijangka akan menguncup.

Perkara ini amat membimbangkan kerana masalah ekonomi rakyat pasca COVID-19 dilihat memberi kesan buruk terhadap kehidupan mereka. Maka, seharusnya kita memberikan fokus kepada menyelesaikan permasalahan-permasalahan ini. Kerajaan negeri Johor perlu memastikan pertumbuhan ekonomi yang akan dijana selepas ini mempunyai elemen ketahanan yang tinggi dengan strategi-strategi yang mampu memastikan ekonomi negeri

akan terus kukuh. Dalam keadaan kritikal seperti pandemik COVID-19 usaha bersepadu perlu dijalankan dalam mencorak norma baharu ekonomi negeri terutama kebergantungan terhadap pasaran kerja di negara Singapura. Ini kerajaan jangkaan seramai 173,000 orang yang bekerja di Singapura akan diberhentikan dan strategi ekonomi pasca COVID-19 di Singapura yang ingin mengurangkan kebergantungan pasaran tenaga kerja asing termasuk dari Malaysia. Ini bagi memastikan kemandirian negeri Johor dalam aspek ekonomi walaupun ketika berhadapan dengan krisis seperti COVID-19.

Yang Berhormat Puan Speaker, kerajaan negeri Johor wajar diberikan penghargaan atas perancangan dalam mendepani rintangan ekonomi negeri. Apabila YAB Menteri Besar menjadikan negeri Johor sebagai negeri pertama di Malaysia yang mengumumkan pelan pemulihan ekonomi melalui 7 Ikhtiar Makmur Johor. Melalui *Johor Digital Master Plan* yang menjadi salah satu teras 7 Ikhtiar Makmur Johor diharap kerajaan mampu menjadikan Johor sebagai negeri yang memberi fokus terhadap kebolehcapaian *accessibility* terhadap Internet tinggi sebagai pemangkin kepada proses pendigitalan. Ini kerana COVID-19 memberi kesedaran mengenai kepentingan teknologi dan pendigitalan. Malah, kerajaan negeri perlu menjadikan ini peluang terbaik bagi mencorak Johor sebagai negeri yang memberi fokus terhadap Revolusi Industri 4.0 dan Evolusi Masyarakat *Smart Society 5.0*. Ini kerana, ketahanan pasaran dapat ditingkatkan melalui pengembangan atmosfera perniagaan baharu seperti *e-commerce* dan *digital contactless payment* yang memenuhi cabaran pembinaan Bank Digital Johor.

Siapa sangka hari ini, pisang goreng mampu kita dapat secara *online* sahaja. Petang-petang nak makan pisang goreng, kita tak perlu keluar rumah. Cukup hanya membuat pesanan di *Food Panda*. Inilah suasana perniagaan baharu yang perlu dikembangkan. Malah, pengenalan kepada sistem teknologi tinggi ini, mampu mengurangkan kebergantungan tenaga buruh asing untuk sektor tidak mahir. Melalui pengenalan teknologi seperti 3D, *manufacturing* dan *smart robotic*. Ini akan membantu menghasilkan peluang pekerjaan baharu yang berkemahiran tinggi dan boleh diisi oleh graduan tempatan terutama kerisauan mengenai 175,000 graduan yang baru tamat pengajian dan sukar mendapatkan pekerjaan diakibatkan oleh COVID-19. Diharapkan *Ibrahim Johor Economic Council* (IJEC) mampu merangka strategi yang dapat mewujudkan ekosistem baharu dalam ekonomi negeri Johor. Elemen-elemen yang bergerak ke arah negeri berkemahiran dan berteknologi tinggi perlu diperkembangkan dengan galakan inovasi dan pendigitalan. Ini bagi memastikan tema 'Berdaya Tahan Demi Kemakmuran' itu dapat diterjemahkan melalui inisiatif-inisiatif yang mampu memberi manfaat langsung kepada rakyat negeri Johor.

Tuan Yang Dipertua, secara rumusannya, ujian besar yang berlaku kepada kita yang dapat diharungi bersama, berkat kesabaran, kerjasama, kerukunan dan keazaman yang tinggi ini diharap mampu memberikan nafas baharu terhadap pembangunan negeri kita ini. Kejayaan yang kita keluar dalam kemelut ini merupakan usaha kolektif dari semua pihak dengan iltizam ingin memakmurkan negeri yang kita sayang ini. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan barisan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor yang bertungkus-lumus dalam memastikan negeri kita ini terpelihara dari bahaya dan rakyat terbela dari sengsara. Terima kasih juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang sama-sama membantu rakyat di kawasan masing-masing, pegawai-pegawai kerajaan, anggota-anggota kesihatan dan keselamatan dan semua rakyat negeri Johor.

Kerajaan telah kita lihat berjaya memastikan kebajikan rakyat terjamin dan keselamatan negeri terpelihara sepanjang pandemik COVID-19 melanda. Dengan pelbagai usaha yang dijalankan terutama Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor. Kita sedar, kerajaan perlu bertindak segera ketika pandemik berlaku. Maka, kita mengorak langkah..

**YB Timbalan Speaker :** YB Johor Jaya, eh Johor Lama, masa panjang lagi?

**YB Tuan Haji Rosleli Bin Jahari (Johor Lama) :** Kita mengorak langkah memastikan bahawa pandemik ini bukan sekadar menjadi musibah tetapi permulaan baru kepada ekonomi yang lebih baik. Keutamaan ekonomi yang baik itu, bukan sekadar kita melihat melalui kejayaan kita meningkatkan peratusan KDNK semata-mata tetapi ekonomi rakyat dibangunkan sama bagi menjadikan kemakmuran itu menjadi milik semua rakyat negeri Johor.

Semoga Muafakat Johor yang terjalin dengan usaha kita bersama akan melahirkan Johor yang lebih makmur. Tidaklah Allah menurunkan penyakit kecuali dia juga menurunkan penawarnya. Dalam peperangan, memang perajurit dikorbankan tetapi ketika bangsa sudah tak menghormati kehidupan warganya, bangsa itu pasti akan runtuh. Salam Makmur Johor, sekian, terima kasih. Saya menyokong usul.

**YB Timbalan Speaker :** Yang Berhormat Mengkibol, jemput.

**YB Tuan Chew Chong Sin (Mengkibol) :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker, dalam kebiasaan yang baharu, *new norma* ini, kami memerlukan strategi pemulihan ekonomi yang inovatif demi membawa peningkatan daya saing dan juga transformasi. Krisis ekonomi yang disebabkan oleh wabak COVID-19 ini, mestilah ditangani dengan secara strategi, bukan dengan bantuan dalam bentuk kewangan semata-mata. Kita harus belajar dari sejarah, dalam krisis kewangan sedunia 2008, negara Eropah, Amerika Syarikat, negara China telah menggunakan pendekatan pelonggaran kuantitatif (QE) secara luas. Akan tetapi, hakikat pada 10 tahun kemudian telah membuktikan bahawa hanya dengan peningkatan produktiviti sahajalah yang akan membawa keberkesanan kepada ekonomi dalam jangka masa yang panjang.

Pendekatan Pakej Rangsangan Ekonomi Johor mesti menitikberatkan peningkatan daya produktif kerana produktiviti adalah yang akan membawa daya persaingan kepada kita dan seterusnya akan menentukan masa depan Johor di era *post* COVID-19. Sebagai contoh, pakej rangsangan harus meningkatkan jumlah pinjaman kepada pelajar latihan vokasional dan teknikal, agar latihan yang dibekalkan boleh meningkatkan produktiviti di pelbagai industri. Justeru, boleh membawa pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi.

Wabak ini telah memberi kesan yang serius kepada Johor dan juga jiran kita Singapura. PKP, PKPP dan lanjutan PKPP sehingga akhir tahun ini, telah menyebabkan ramai anak-anak Malaysia yang dulunya bekerja di Singapura hilang mata pencarian dan kini tengah menganggur. Menurut Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor, Rizab Negeri adalah RM2.646 bilion pada akhir tahun 2018. Angka ini pun telah melebihi RM3 bilion pada akhir tahun 2019 bawah pimpinan kerajaan PH. Rizab yang sejumlah ini, boleh digunakan dalam masa yang mencabar ini secara strategik bukan sahaja dalam inisiatif yang boleh meningkatkan daya produktif dan persaingan negeri, ia juga boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah unit yang dihadapi di negeri Johor.

Tiga inisiatif Mengkibol ingin cadangkan di sini. Pertama, Rizab boleh digunakan sebagai dana benih untuk memberi galakan kepada anak-anak muda kita yang bekerja di negara jiran supaya mulakan perusahaan atau perniagaan sendiri di kampung halaman. Di samping itu, untuk memudahkan urusan mereka, pengusaha-pengusaha muda yang baharu ini kerajaan harus mengadakan Pusat Perkhidmatan Sehenti (*One Stop Centre*) yang mempunyai kemudahan ruang pejabat berkongsi atau *core working space* yang percuma. Kerajaan juga boleh mempertimbangkan pemberian peruntukan untuk pembentukan tempat (*place making*) yang dapat mencipta peluang ekonomi untuk golongan muda tempatan.

Kedua, dengan kedudukan Rizab yang tinggi ini, kerajaan negeri boleh mencadangkan bajet defisit untuk tahun ini dan tahun depan. Dengan pertama, pengecualian pungutan lesen perniagaan cukai pintu penggal. Kedua, batalkan kenaikan cukai tanah tahun ini. Pulangkan

melalui rebat tahun depan. Ketiga, bekukan kenaikan cukai tanah pada tahun 2021. Dengan inisiatif ini, sejumlah 300 sampai RM400 juta boleh dipulangkan dan seterusnya akan mengalir ke dalam pasaran melalui aktiviti-aktiviti ekonomi. Yang perlu kita ingat, peningkatan pembelian meningkat pengeluaran. Peningkatan pengeluaran meningkat peluang pekerjaan.

Ketiga, Rizab yang berbentuk tunai dan pelaburan dalam bank mengikut laporan kewangan hanya mendapat pulangan faedah sebanyak 3.97% tidak termasuk jualan pelaburan sebanyak 20,000. Laporan penyata kewangan dan manakala pelaburan don ekuiti syarikat dan badan berkanun pula hanya mendapat pulangan 2.85%. Pulangan pelaburan ini cuma setanding dengan faedah bank komersial yang nampaknya mempunyai ruang penambahbaikan. Dana-dana ini boleh laburkan ke dalam perusahaan yang menjana produktiviti seperti pelancongan agro, teknologi digital, pembuatan *iiintelligent*, pembuatan berasaskan *artificial intelligent*. Strategi ini akan merangsang ekonomi dalam jangka masa yang pendek dan industri negeri dapat di naik taraf dalam jangka masa panjang.

COVID-19 telah menyebabkan laluan tambak Malaysia – Singapura ditutup. Aliran penduduk di dua negara ini hampir sifar. Perkara ini telah memberi kesan yang serius kepada perniagaan runcit di Johor. Pusat beli belah terpaksa dalam tempoh PKP yang selama 47 hari ini. Beribu-ribu peniaga runcit dalam pusat membeli belah telah terpaksa ditutup atau hampir semua pendapatan mereka hilang, contohnya di City Square sehingga McDonald pun sudah tutup kedai. Kerajaan haruslah mencampur tangan dengan penyelesaian secara keseluruhan atau *blanket solution* dengan mengarahkan pusat membeli belah memberi pengecualian sewa dan fi pengiklanan dalam tempoh *lock down* 47 hari, takkan mereka nak buat iklan. Manakala kos operasi pusat membeli belah bolehlah dibantu oleh kerajaan. Maka kerajaan bukan sahaja haruslah membatalkan kenaikan cukai tanah yang berat terhadap pusat beli belah dan hotel, bahkan harus memberi *rebate* kepada mereka berdasarkan kadar bayaran lama tahun 2019.

Mengkibol mesti membawa perhatian semua seramai 250,000 sampai 300,000 anak-anak Malaysia yang ulang alik dari Singapura secara seharian telah menghadapi impak yang sangat besar dalam tempoh PKP tetapi tidak satu insentif pun di antara 54 insentif yang diumumkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri yang membantu golongan ini. Jikalau kerajaan Singapura sanggup menawarkan bantuan penginapan kepada mereka yang bekerja di Singapura, kerajaan Johor patut juga membantu mereka dari segi penginapan dan sara hidup di Johor Bahru. Bantuan boleh disalurkan secara *one-off* dalam bentuk bantuan sara hidup kepada mereka. Kerajaan negeri juga boleh mengambil inisiatif untuk melindungi kumpulan ini melalui pembayaran caruman PERKESO untuk mereka. Terutamanya bagi mereka yang memegang permit WP yang gaji bulanannya kurang daripada \$1,800.00. Harus ditegaskan di sini, bantuan tidak seharusnya diambil mudah kerana ia bukan hak atau *entitlement* yang datang secara automatik. Maka bantuan mestilah bertujukan peningkatan produktiviti. Produktiviti, produktiviti, produktiviti. Rangsangan-rangsangan ekonomi harus ditumpukan kepada peluang pekerjaan. Mereka yang ingin bekerja, dapat bantuan. Mereka yang ingin memulakan perusahaan baharu, dapat bantuan. Bantuan haruslah berasaskan usaha dan ketekunan.

YB Puan Speaker, segala peruntukan kerajaan terutamanya yang telah disediakan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi ini mesti diikuti dengan penilaian impak. Mengkibol berpeluang membaca banyak laporan daripada Jabatan Audit Negara dan Laporan Audit Majlis Tempatan begitu tebal, begitu banyak sebelum persidangan ini, kita mesti memastikan pegawai-pegawai di semua jabatan, institusi kerajaan juga berpeluang untuk membaca laporan-laporan yang sangat berkualiti ini. Dan mereka juga mesti mengetahui kepincangan dan kesilapan yang dilaporkan dalam laporan dan menjalankan pembaharuan atau pembetulan. Dengan ini semua lapisan kerajaan boleh berganding bahu bawah pemantauan

Setiausaha Negeri demi meningkatkan keberkesanan ubah pemikiran mereka agar menolak budaya, tidak apa, esok lusa atau *mediocrity*.

Pasukan Bertindak Ekonomi Negeri Johor atau *Johor Economic Task Force* (JET) bertujuan untuk menyelaraskan dan mengintegrasikan maklumat dalam menangani kesan ketidaktentuan *economic global* dan wabak COVID-19. Penglibatan terhadap usaha pemulihan ekonomi tidak harus terhad kepada ADUN daripada parti kerajaan sahaja. ADUN pembangkang, ahli-ahli ekonomi dan perniagaan juga haruslah dijemput untuk menyertai, demi menyempurnakan usaha pemulihan ekonomi kita. Pada masa yang sama, di peringkat daerah juga harus menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Ekonomi sebegitu untuk bertindak dan menyelesaikan masalah-masalah ekonomi tempatan.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Reformasi Ekonomi Negeri (SERC) pada 15 April. Usaha ini harus selaras dengan langkah dan tekad reformasi institusi politik. Harus kita semua ingat tanpa reformasi politik segala pembangunan ekonomi daya produktiviti dan daya persaingan tidak akan berpanjangan, kurang keberkesanan dan tidak akan membawa hasil yang berterusan. Persidangan kali ini akan membahaskan juga 2 peruntukan tambahan untuk membantu rakyat. Kita ini semua bangsa Johor. Bawah naungan Tuanku, penduduk di kawasan pembangkang juga Bangsa Johor. Maka peruntukan tahunan kerajaan negeri di kawasan pembangkang tidak patut dikurangkan. Peruntukan pentadbiran untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat, peruntukan sumbangan terus yang biasanya digunakan untuk kebajikan dan pendidikan haruslah dikekalkan tanpa kira kawasan kerajaan atau kawasan pembangkang.

Dewan Perundangan yang mulia telah menganjurkan Bengkel Memperkasakan Dewan pada bulan September tahun lepas agar beberapa jawatan kuasa pilihan khas boleh ditubuhkan untuk mengemudi hala tuju negara dan negeri Johor ke negeri yang maju. Tidak boleh lupa bahawa usaha itu adalah meningkatkan fungsi dan keberkesanan Dewan Perundangan ini maka ia haruslah dilaksanakan secepat mungkin. Dalam peringkat PKPP ini peranan penguatkuasaan jabatan-jabatan kerajaan haruslah fokus pada memberi bantuan dan bimbingan agar pengusaha dan peniaga untuk beroperasi semula mengikut pelbagai SOP dan kurangkan hukuman dan denda. Pembukaan syarikat dan kedai membolehkan rakyat balik bekerja dan ekonomi dapat dipulih dengan cepat. Aktiviti perniagaan semua industri haruslah dibuka semula. Contohnya termasuk Taman Tema kanak-kanak bawah *license* hiburan di pusat beli belah. Syarikat atau korporat berkaitan kerajaan GLC harus mengambil bahagian dalam usaha pemulihan ekonomi, terutamanya dengan mewujudkan peluang pekerjaan untuk rakyat, pelantikan politik ke dalam GLC boleh diterima tetapi dia bukan pelantikan ahli politik ke dalam GLC. Pelantikan seseorang ahli politik yang tidak mempunyai kepakaran industri ke dalam sesuatu GLC bukan sahaja akan sia-siakan usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi, ia juga akan membawa mudarat kepada GLC itu. Maka orang yang dilantik mestilah mempunyai pengetahuan yang mendalam, *insight*, terhadap industri yang diceburi oleh GLC itu.

Sebenarnya kita menghadapi satu isu yang sangat besar dengan GLC-GLC ini. Mengikut laporan Ketua Audit Negara, muka surat 14, sebanyak 19 anak syarikat menunjukkan defisit terkumpul keseluruhannya berjumlah RM1.246 bilion. Jumlah ini hampir setanding dengan nilai bajet negeri Johor RM1.5 bilion pada tahun yang sama. Mengkibol ingin sekali lagi menyarankan Dewan Negeri Johor supaya menubuhkan Jawatan Kuasa Pilihan Khas Audit GLC untuk menganalisa dan mengetahui punca sebenar yang menyebabkan kerugian besar dan seterusnya mencari jalan penyelesaiannya. Tetapi Mengkibol juga ingin ambil kesempatan ini memuji GLC yang mencapai prestasi yang sangat baik. Contohnya KPJ, KPJ mencapai keuntungan terkumpul sebanyak RM3.726 bilion lebih tinggi daripada *combine* hasil 2018 dan 2019 negeri Johor.

Persidangan kali ini juga akan mencalonkan seorang Senator Dewan Negara untuk menggantikan Senator yang telah berkhidmat penuh penggal. Cadangan Mengkibol agar kita mencalonkan seorang yang serba pandai dalam ekonomi untuk membantu pemulihan ekonomi dan bukannya lantikan demi ganjaran politik.

Industri utama Johor seperti pelancongan dan makan minum telah menghadapi impak yang begitu besar dalam pandemik ini, kerajaan boleh mengeluarkan kupon pembelian dan kupon pelancongan untuk merangsang pengaliran tunai, *cash flow* pengusaha-pengusaha industri ini. Sekali lagi peningkatan pembelian, meningkatkan pengeluaran. Peningkatan pengeluaran, meningkat peluang pekerjaan. Pejabat ADUN Mengkibol telah menganjurkan Pesta Membeli Belah Kluang bulan 6 dan Pesta Pelancongan Kluang bulan 8 yang lalu. Hasil daripada pesta-pesta ini telah membuktikan kebolehlaksanaannya dan keberkesannya terhadap pemulihan ekonomi tempatan. Inisiatif yang agak serupa juga di laksana bawah Pakej Rangsangan Ekonomi kerajaan Singapura, bayangkan kalau ini dapat dilaksanakan di seluruh Johor dan sudah pasti ini akan membolehkan kesan sampingan kepada industri lain. *Spillover effect*.

PBT-PBT harus menyahut saranan Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya menjadi Kerajaan Tempatan yang berkeprihatinan dan bersimpati mereka yang boleh mempertimbangkan pengecualian atau penurunan bayaran cukai pintu perniagaan dan kediaman pada penggal kedua. Berdasarkan keupayaan dan kedudukan kewangan mereka masing-masing. Sebagai contoh kalau kita tengok penyata kewangan Majlis Perbandaran Kluang, MPK sebenarnya mencapai prestasi kewangan yang sangat baik. Mereka mempunyai RM40.87 juta di dalam bank dan tunai pada akhir tahun 2018. Dengan kedudukan kewangan yang sekuat ini, pengecualian kutipan cukai pintu tidak akan membawa kesan negatif kepada kedudukan kewangan MPK. Dengan bajet berlebihan yang sejumlah RM11 juta, pengurangan ini cuma memakan rizab atau simpanan mereka sebanyak 13.5%.

Puan Speaker, kita menyentuh perkara berprihatin dan bersimpati, Mengkibol mesti membawa perhatian kepada semua mengenai isu kenaikan cukai tanah sebanyak 75% untuk kilang industri ringan. Kenaikan 75% sangatlah tidak munasabah. Kalau kerajaan ini satu kerajaan prihatin, saya menyeru, meminta semua YB dapat sokong usul Pekan Nanas dan Mahkota esok agar mengehadkan kadar kenaikan cukai tanah.

Mengikut penyata kewangan negeri Johor 2018, jumlah pinjaman kerajaan kepada SAJ adalah sebanyak masih mempunyai RM334.5 juta. Demi menyelesaikan tanggungan tunggakan pinjaman ini dan membantu rakyat dalam COVID-19, pinjaman yang besar ini boleh dipertimbangkan untuk ditukar bentuk menjadi bekalan air percuma kepada rakyat Johor tetapi terhad kepada kadar minimum RM7.00 sebulan untuk penggunaan kediaman dan RM30.00 untuk komersial. Sedangkan masih banyak rumah kosong, kedai kosong yang perlu membayar kadar minimum ini. Akhir sekali, kesejahteraan rakyat jelata haruslah diberikan keutamaan. Maka segala polisi dan pelaksanaannya, dari kerajaan negeri sekarang ini haruslah mengambil kira pendirian Pakatan Harapan kerana Pakatan Harapanlah yang mendapat mandat daripada rakyat dalam PRU-14. Sekian, terima kasih.

**YB Timbalan Speaker** : Yang Berhormat Buluh Kasap jemput.

**YB Dato' Zahari bin Sarip (Buluh Kasap)** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam makmur Johor. Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker kerana memberikan keizinan untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan di Mesyuarat Kedua Persidangan Dewan Johor kali ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, awal bicara ini Buluh Kasap mengambil kesempatan merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Pagoh yang telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-8 dan tahniah juga kepada Yang Amat Berhormat Benut sebagai Menteri Besar Johor yang ke-18. Sesungguhnya ia suatu yang di luar jangkauan fikiran kita bila mana sebelum ini ada bila mana sebelum ini kedua-duanya baik di peringkat negeri mahupun pusat menunjukkan sokongan majoriti rakyat kepada kerajaan Pakatan Harapan semasa Pilihan Raya Ke-14 lalu. Inilah yang dikatakan takdir dan perancangan Allah SWT melebihi perancangan manusia.

Namun mungkin ada yang terlupa sebab itu saya bersetuju dengan Johor Lama dan saya nak sambung sedikit sejarah yang Johor Lama sebutkan. Sejarah ini bermula apabila Perdana Menteri ke-7 meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri pada 24 Februari 2020. Rentetan peristiwa itu, beberapa perjumpaan dilakukan oleh banyak pihak terutama di kalangan Ahli-Ahli Parlimen. Ia juga menyaksikan Parti Peribumi Bersatu Malaysia iaitu Bersatu mengumumkan keluar dari gabungan Pakatan Harapan. Kemuncak kepada keadaan dan situasi tersebut menyaksikan Yang Amat Berhormat Pagoh, Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yassin dipersetujui secara majoriti Ahli Parlimen Malaysia sebagai Perdana Menteri yang ke-8.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Buluh Kasap sebutkan di awal tadi bahawa ianya sebagai sejarah kerana ada pihak yang cuba menafikan dan menidakkan fakta ini. Maka ianya mesti ditulis dan diwartakan menjadi sebahagian daripada sejarah negara iaitu kerajaan Perikatan Nasional ini terbentuk dan mengambil alih pentadbiran negara setelah kerajaan Pakatan Harapan runtuh dan terbubar kerana peletakan jawatan Perdana Menteri. Runtuh dan terbubar juga kerana Ahli-ahli Parlimen serta parti-parti komponen yang ada dalam Pakatan Harapan telah keluar daripada pakatan tersebut. Ini fakta dan sejarah yang tidak boleh di padam dan dinafikan. Perkara yang sama juga berlaku di Johor. Yang Amat Berhormat Benut dilantik sebagai Menteri Besar Johor yang baru pada 28 Februari lalu juga kerana Pakatan Harapan Johor terbubar apabila PPBM keluar daripada Pakatan Harapan yang menyaksikan mereka hilang majoriti dalam Dewan Negeri Johor. Dan, setelah mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang telah menerima menghadap kesemua 56 ADUN Johor, ia juga suatu sejarah yang mesti ditulis dan diwartakan. Sebab itu kita agak pelik bilamana ada pihak yang cuba menafikan dan mengubah fakta sejarah ini. Bagi saya apa pun keadaan yang berlaku kita kembali kepada qada dan qadar serta kepada yang Maha Perancang. "Wamakarullah wallahu khairulmakirin", dan mereka merancang Allah juga merancang, sesungguhnya Allah adalah sebaik-baik perancang.

Dan, di kesempatan ini ingin menyatakan rasa terharu dan bangga saya kepada rakan-rakan PPBM Johor yang telah memilih untuk bersama-sama. Kita akhirnya telah membentuk sebuah kerajaan baru Perikatan Nasional demi kebaikan dan masa depan rakyat Johor yang lebih baik. Kepada YB Pemanis dan rakan-rakan PPBM Johor khususnya YB Bukit Kepong Dr. Sahrudin Jamal kerana anda sememangnya berjiwa besar dan meletakkan kepentingan rakyat terlebih, meletakkan kepentingan rakyat terbanyak melebihi daripada kepentingan dan agenda yang lain-lain.

Saya fikir rakyat yang rata-rata pernah mengeluh akan apa yang mereka alami sebelum ini juga wajar berterima kasih kepada jasa yang Ahli-Ahli Berhormat telah pilih dan lakukan. Dan yang menariknya kerajaan Perikatan Nasional yang dibentuk ini tidak bertindak seperti kera mendapat cincin. Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan barisan EXCO menyusun gerak kerja dengan sangat teratur. Tidak tergesa-gesa menamatkan perkhidmatan ketua-ketua kampung. Tidak tergesa-gesa mengambil kunci balai raya dan dewan secara paksa. Malah semua pihak terus menerus meneruskan perkhidmatan seperti biasa.

Yang Berhormat Tuan Speaker, umum mengetahui, Johor sebuah negeri yang pesat membangun. Johor perlukan pasukan yang benar-benar komited membangunkan negeri ini.



Johor pernah meletakkan sasaran dan moto yang sangat besar iaitu mengejar singa. Itulah harapan rakyat Johor apabila kerajaan baru, kerajaan Perikatan Nasional terbentuk. Namun, segalanya terhenti apabila negeri, negara dan dunia dilanda wabak COVID-19. Segalanya terhenti. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan kerajaan telah mematikan semua aktiviti seluruh rakyat negara ini, termasuk di Johor. Dua minggu pertama dan kedua adalah saat yang sangat menyulitkan. Rakyat yang berpendapatan harian terkesan dan tertekan. Ia suatu yang tak pernah berlaku apabila rakyat hilang, dihalang daripada menjalankan aktiviti harian termasuk mencari nafkah-nafkah harian. Ketika inilah rakyat melihat apa peranan dan tanggungjawab yang bakal dilakukan oleh kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, langkah pertama yang sangat terkesan kepada rakyat apabila kerajaan mengumumkan bantuan bekalan makanan kepada rakyat Johor yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan. Dan, bagi kami suatu yang sangat membantu apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengumumkan peruntukan segera sebanyak RM20,000.00 kepada semua Wakil Rakyat tanpa mengira Wakil Rakyat kerajaan mahupun pembangkang bagi memastikan bekalan makanan sampai kepada rakyat Johor. Ia memang tidak mencukupi untuk semua penduduk Johor seperti yang dimaklumkan oleh sesetengah pihak tetapi sumbangan dan peruntukan ini adalah bantuan awal kepada mereka yang terjejas akibat COVID-19 yang bergaji hari dan tidak boleh bekerja. Bantuan ini adalah bantuan sementara sebelum kerajaan negeri dan pusat mengumumkan pelbagai inisiatif lain.

Selain daripada peruntukan segera bernilai 1.12 juta melalui Wakil-Wakil Rakyat ini terdapat banyak lagi inisiatif yang telah diambil kerajaan negeri untuk membantu rakyat yang terkesan ketika itu. Ia termasuk inisiatif-inisiatif kepada pekerja-pekerja bergaji harian, tangguhan bayaran balik pinjaman YPJ, bantuan-bantuan kepada pelajar Johor di IPT seluruh negara, pelajar-pelajar madrasah, pengecualian bayaran sewa bagi penyewa-penyewa di projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Rumah Sewa Kerajaan (RSK), bantuan kepada pesakit yang positif COVID-19, Bantuan Ihsan Johor dan banyak lagi.

Kerajaan juga menyalurkan peruntukan kepada rakyat melalui Pihak Berkuasa Tempatan dengan memberikan banyak pengecualian bayaran kepada peniaga-peniaga yang terjejas dan inisiatif-inisiatif lain termasuk melalui Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) yang mana jumlah keseluruhannya melibatkan peruntukan melebihi RM173.505 juta. Semua ini dilakukan demi kesejahteraan rakyat Johor. Sebab itu Yang Berhormat Speaker, Buluh Kasap ambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan negeri khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas pembentangan Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor 2020 pagi tadi.

Yang Berhormat Tuan Speaker. Memetik Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pagi tadi. Saya amat bersetuju ianya dilaksanakan segera terutama tujuh ikhtiar besar yang dinamakan Tujuh Ikhtiar Makmur Johor. Namun sebelum itu saya juga Buluh Kasap juga amat bersetuju apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyatakan realiti-realiti yang bakal melanda Johor kesan daripada wabak COVID yang melanda dunia ketika ini sehingga menggambarkan bahawa ekonomi Johor akan menguncup sehingga ke paras yang sangat rendah kerana kebergantungan Johor kepada negara luar termasuk Singapura. Realiti lain yang bakal dan sedang berlaku termasuk dalam sektor hartanah, pelancongan, perusahaan kecil dan sederhana dan lain-lain.

Perkara dan realiti ini bukan sahaja melanda dan dihadapi Johor tetapi juga negara-negara lain termasuk seluruh dunia. Ia akhirnya akan melihat bagaimana sesebuah negara itu akan berfungsi dan menghadapinya. Justeru itu, langkah kerajaan menubuhkan *Ibrahim Johor Economic Council (IJEK)* sangat tepat. Pelantikan tokoh-tokoh terkemuka dalam mengemudi Majlis Ekonomi ini pastinya dapat memandu majlis menangani dan mengatasi

permasalahan yang timbul dalam suasana pasca COVID ini nanti. Kerajaan seharusnya meletakkan strategi jangka pendek, sederhana dan panjang supaya sasaran sebenar penubuhan Majlis Ekonomi ini lebih jelas dan mencapai matlamat penubuhannya.

Dalam masa kita melalui hari-hari pasca COVID-19 ini termasuk dengan norma-norma baharu yang berbeza dengan budaya kehidupan kita. Tak boleh bersalam dan bersentuhan, mengelakkan berada lama di tempat-tempat tertutup, juga dengan budaya pemakai penutup muka dan sebagainya. Ia adalah norma baru yang kita lalui bersama berbeza dengan sebelum ini, dalam menghadapi keadaan ekonomi yang dikatakan akan semakin menguncup Buluh Kasap berfikir kerajaan juga sewajarnya melakukan perkara-perkara yang mungkin berbeza daripada norma biasa dan budaya biasa. Untuk itu Buluh Kasap mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk tidak takut berbelanja luar biasa daripada norma biasa. Gunakanlah apa sahaja yang dimiliki kerajaan waktu terdesak ini asalkan sahaja mampu memberikan kesejahteraan kepada rakyat, mampu bertahan malah jika perlu untuk melonjak keluar daripada belunggu kemelesetan ekonomi yang sedang berlaku ini. Apa gunanya mempunyai simpanan yang banyak sedangkan kehidupan rakyat tersepit dan ekonomi negeri semakin membimbangkan. Dalam erti kata lain dalam norma baru ini, apa salah jika ketika ini kerajaan terpaksa membelanjakan lebih daripada hasil negeri termasuk jika terpaksa menggunakan *reserved* kerajaan negeri. Rakyat akan faham dan kami juga akan memahami ketika kerajaan dianggap sebagai penyelamat kepada rakyat, maka kerajaan perlu lakukan apa sahaja demi untuk menyelamatkan ekonomi negeri saya percaya negara lain juga akan melakukan perkara yang sama jika sampai ketikanya.

Yang Berhormat Tuan Speaker. Sektor Pelancongan merupakan salah satu sektor yang sangat penting dan antara penyumbang utama ekonomi Johor. Saya ingin mencadangkan dan menasihatkan kerajaan supaya membuat perancangan yang rapi dan sistematik untuk menghidupkan semula sektor pelancongan negeri yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Ambil contoh, bagaimana perancangan untuk mempromosi Tahun Melawat Johor 2020, haruslah dilakukan secara meluas pada penghujung tahun 2019. Ia pastinya dan sepatutnya tidak berlaku, malah sepatutnya dilakukan lebih awal daripada itu. Sebab itu Yang Berhormat Speaker, kita melihat promosi Pelancongan Johor sebelum ini nampak tidak bermaya dan tidak dirasai rakyat. Kedudukan Johor sebagai antara negeri yang paling tinggi kehadiran pelancong sebelum ini jatuh merudum sejak dua tahun ini. Bagaimana Johor hendak dilihat sebagai lokasi pelancongan, jika promosinya agak lembap. Mungkin ada hikmah berlakunya COVID-19 ini. Kalau tidak, maka jelas terlihat kegagalan kerajaan Johor sebelum ini dalam mempromosi Tahun Melawat Johor yang sepatutnya bermula Januari 2020.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Buluh Kasap difahamkan Tahun Melawat Johor Tahun 2020 ini akan dilanjutkan sehingga tahun 2022. Justeru, saya ingin mencadangkan agar kerajaan mula mempromosi Johor sebagai destinasi pelancongan pilihan pelancong dari dalam dan luar negeri dari awal lagi. Jangan tunggu hingga saat akhir. Dalam masa rakyat negara ini tidak dapat keluar negara, makan rebutlah peluang untuk menjadikan Johor sebagai destinasi utama kepada pelancong-pelancong dalam negara. Namun saya mengambil kesempatan ini juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri khususnya Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Belia dan Sukan dalam masa beberapa bulan ini telah menampakkan tindakan-tindakan agresif mempromosi tempat-tempat menarik di Johor termasuk Kota Tinggi dan Mersing. Ia termasuk membawa artis-artis ke Johor, mempromosi *Majestic Johor* serta menggerakkan promosi secara aktif melalui peranan media sosial *facebook*, *instagram* dan lain-lain.

Berbalik kepada Tujuh Ikhtiar Johor. Yang Berhormat Speaker, Buluh Kasap ingin menyentuh beberapa langkah yang sedang dan bakal dilaksanakan kerajaan negeri Johor. Dalam ikhtiar kedua misalnya, hari ini selepas COVID-19 melanda kita mendapati banyak urusan seharian masyarakat dan rakyat dilakukan secara maya dan atas talian. Perniagaan

*online* dilihat berkembang pesat, pembelajaran secara *online* baik di kalangan pelajar IPT mahupun pelajar sekolah sudah mula meluas. Makanya kerajaan semestinya serius dalam memastikan *line* Internet dapat dinikmati di seluruh negeri Johor. Kita tidak mahu, ada rakyat Johor yang tertinggal dan terpinggir akibat ketiadaan liputan Internet seperti yang berlaku di Sabah dan Kelantan. Melalui Ikhtiar Kelima, kerajaan dilihat akan mempergiat jajaran ekonomi baharu terutama di kawasan Pantai Barat Johor sejajar dengan pembangunan projek Kuala Lumpur - Singapura *High Speed Rail* (HSR) dan saya yakin projek HSR ini pasti akan menyumbang kepada kepesatan pembangunan kawasan-kawasan yang terlibat.

Namun dalam masa yang sama, Buluh Kasap ingin menyarankan kepada pihak kerajaan untuk tidak terlepas pandang akan pembangunan di kawasan utara Johor terutama daerah Segamat. Kami berharap kerajaan tidak lupa akan cadangan kerajaan untuk menjadikan Segamat sebagai sebahagian daripada Wilayah Ekonomi Pantai Timur atau ECER. Ia telah diluluskan kerajaan ketika Bajet 2018, kemudian disokong juga dengan tahun Bajet 2019. Banyak pembangunan yang bakal di kecap Segamat dengan terlaksananya perancangan ini. Usaha-usaha ke arah itu mesti dipercepatkan agar pembangunan negeri Johor keseluruhannya nanti dilihat lebih seimbang.

Yang Berhormat Puan Speaker, Buluh Kasap juga ingin menyentuh akan ikhtiar keenam iaitu Inisiatif Bank Makanan Johor. Buluh Kasap amat bersetuju apabila kerajaan negeri ingin melihat keupayaan Johor sebagai pengeluar makanan terutama keupayaan Johor menyediakan bekalan makanan yang mencukupi untuk kegunaan sendiri. Kerajaan dilihat serius dalam perkara ini apabila menubuhkan Jawatankuasa Sekuriti Makanan Negeri Johor baru-baru ini termasuk peruntukan berjumlah RM1.2 juta bagi melaksanakan bank makanan ini. Dalam perkara ini Yang Berhormat Puan Speaker, Buluh Kasap sekali lagi ingin menarik perhatian Dewan akan apa yang pernah Buluh Kasap bangkitkan sebelum ini iaitu tentang keseriusan kerajaan menjadikan Segamat sebagai daerah hab pertanian. Banyak lagi kawasan tanah-tanah terbiar yang boleh dimajukan, banyak lagi perkara yang boleh dibangunkan dan dipergiatkan dalam sektor pertanian di Segamat. Saya percaya jika sektor pertanian di Segamat dapat dipergiatkan secara meluas, ia bukan sahaja berjaya membangunkan Segamat sebagai hab pertanian seperti diumumkan kerajaan sebelum ini, malah dapat merealisasikan harapan Ikhtiar Keenam kerajaan iaitu Inisiatif Bank Makanan Johor.

Yang Berhormat Puan Speaker, dalam perbahasan ini juga, Buluh Kasap ingin menarik perhatian Dewan akan keputusan kerajaan sebelum ini yang menaikkan kadar cukai tanah Johor sehingga berkali-kali ganda dari kadar sebelumnya. Kita tidak ingin melihat ke belakang, justeru dalam kesempatan ini, saya ingin mencadangkan beberapa perkara kepada kerajaan negeri. Ia bersesuaian dengan keadaan semasa negara yang terbelenggu dengan kemelesetan ekonomi lebih-lebih lagi di tengah-tengah wabak COVID-19 yang sedang melanda. Antara yang ingin saya cadangkan ialah mengkaji semula kadar cukai yang terlalu tinggi yang dikenakan kepada rakyat. Kedua, pembayaran balik rebat kepada pembayar cukai mengikut kelayakan-kelayakan tertentu.

Yang Berhormat Puan Speaker, akhir sekali sebagai penutup, saya ingin menyatakan rasa syukur saya ke hadrat Allah SWT kerana memungkinkan Buluh Kasap dan rakan-rakan yang pernah duduk di sebelah sana sebelum ini untuk berpindah ke sebelah sini dan bersama-sama sebahagian rakan-rakan yang masih kekal di sebelah sini. Ia bukan suatu yang dirancang tetapi suatu ketentuan Ilahi. Justeru, saya mengajak semua pihak di semua peringkat untuk sama-sama meneruskan khidmat bakti memikul amanah dan tanggungjawab yang ada demi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan bangsa Johor. Percayalah, walau ada pihak yang cuba memberikan gambaran buruk kepada kerajaan hari ini, namun umum mengetahui bahawa kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Benut tidak pernah menoleh ke belakang. Tidak menyalahkan kerajaan terdahulu tetapi kerajaan terus

melihat ke hadapan. Buluh Kasap percaya semua perkara baik yang dibangkitkan oleh semua Ahli Yang Berhormat sama ada di sebelah sana mahupun ke sebelah sini, pasti akan diperhalusi oleh kerajaan Johor. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas pembentangan Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor 2020. Seterusnya terima kasih juga kepada seluruh penjawat awam yang terus membantu kelancaran usaha-usaha kerajaan dan terima kasih kepada barisan hadapan sejak arahan PKP sehingga hari ini. Beras segantang sudah disukat, lalu disimpan di atas para, andai seluruh masyarakat muafakat, negeri damai rakyat sejahtera. Buah salak di dalam kantung, kulitnya keras isinya kelat, bulat air kerana pebetung bulat manusia kerana muafakat'. Sekian, terima kasih. Buluh Kasap mohon menyokong.

**YB Timbalan Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, selesai sudah perbincangan Ahli-Ahli Yang Berhormat pada hari ini dan dimaklumkan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan membuat penggulungan perbincangan atas Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor pada 13 September 2020.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari Ahad, 13 September 2020 jam 9.30 pagi.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 4.05 petang.**

**MESYUARAT KEDUA  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14**

**HARI AHAD**

**13 SEPTEMBER 2020**

**BIL. 9 TAHUN 14**

**HADIR**

**YB Speaker,**

Tuan Haji Suhaizan bin Kaiat

**YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan,  
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)**

Datuk Haji Hasni bin Mohammad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar  
Bandar**

Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan & Budaya**

Tuan Haji Mazlan bin Bujang  
(Puteri Wangsa)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar**

Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam**

Tuan Haji Tosrin bin Jarvanthi, PIS., BSI., AMN.  
(Bukit Permai)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.  
(Rengit)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur**

Tuan Haji Mohd Solihan bin Badri  
(Tenang)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

Puan Zaiton binti Haji Ismail, PIS., PPN.  
(Sungai Balang)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan**

Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.  
(Layang-Layang)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan  
Sumber Manusia**

Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad  
(Larkin)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna**

Dr. Chong Fat Full  
(Pemanis)

YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, PSM., SPMJ., SPSA., SPMP.,  
SUNS.,SPDK.,PNBS., SMJ., PIS.,BSI., SAHM.  
(Gambir)

YB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian,SPMJ.,DSNS.,AMN.,PIS.  
(Kempas)

YB Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal, DMIJ.  
(Bukit Kepong)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar, PIS., AMN.  
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman, DSNS.  
(Tanjung Surat)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy  
(Tenggaroh)

YB Datuk Md Othman bin Yusof, DMSM., DSM.  
(Kukup)

YB Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.  
(Buluh Kasap)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.  
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli  
(Parit Raja)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim  
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail  
(Pasir Raja)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep  
(Bukit Pasir)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh, DIMP.  
(Permas)

YB Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain  
(Sedili)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari  
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, PIS.  
(Endau)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan  
(Parit Yaani)

YB Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN., DGSM.  
(Simpang Jeram)

YB Tuan Tan Chen Choon  
(Jementah)

YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse  
(Bukit Batu)

YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah  
(Bekok)

YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar  
(Semerah)

YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad  
(Kota Iskandar)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali  
(Paloh)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor  
(Kemelah)

YB Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam  
(Tiram)

YB Tuan Tan Hong Pin  
(Skudai)

YB Tuan Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Puan Hajah Nor Hayati binti Bachok  
(Maharani)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni  
(Bukit Naning)

YB Tuan Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman  
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit  
(Mahkota)

YB Tuan Yeo Tung Siong  
(Pekan Nanas)

YB Khairuddin bin A. Rahim  
(Senggarang)

YB Tuan Cheo Yee How  
(Perling)

YB Puan Chew Peck Choo  
(Yong Peng)

YB Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan  
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe  
(Bentayan)

YB Tuan Tee Boon Tsong  
(Senai)

YB Tuan Chew Chong Sin  
(Mengkibol)

#### **TURUT HADIR**

#### **(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Dato' Haji Azmi bin Rohani, SPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Tuan Amir bin Nasruddin

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin, DMIJ., SMJ., PIS., PSI.



**Persidangan bermula pada jam 9.30 pagi.**

**YB Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(Penolong Jurutulis membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER.**

**YB Speaker** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera. (Bacaan selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat, pagi ini kita menyambung Mesyuarat Kedua Bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-14.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dukacita dimaklumkan Yang Berbahagia Datuk Haji Hashim bin Haji Rais, bekas Ahli Dewan Negeri Kawasan Bukit Naning yang telah berkhidmat mulai 3 Ogos 1986 hingga 4 Oktober 1990 telah kembali ke rahmatullah pada 22 Mei 2020.

Dukacita juga dimaklumkan Yang Berbahagia Tuan Haji Hasmoni bin Haji Salim, bekas Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang pernah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negeri Kawasan Benut mulai 22 April 1982 hingga 12 Ogos 1986 dan Ahli Dewan Negeri Kawasan Pengerang mulai 3 Ogos 1986 hingga 10 Oktober 1999 telah kembali ke rahmatullah pada 30 Mei 2020.

Dewan ini merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Yang Berbahagia Datuk Haji Hashim bin Haji Rais dan Yang Berbahagia Tuan Haji Hasmoni bin Haji Salim. Marilah kita sama-sama berdoa semoga roh Allahyarham ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman dan orang-orang Islam membacakan Al-Fatihah dan bukan Islam berdiri bertafakur selama satu minit. Al-fatihah (berdiri). Ok, alhamdulillah.

**Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.**

**YB Speaker** : Yang Berhormat Penawar, jemput.

**YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar)** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 1.

Berapakah jumlah penerima Program Bank Makanan di Negeri Johor dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor dan apakah kriteria-kriteria penerima Program Bank Makanan di negeri Johor? Apakah cara dan kaedah pelaksanaan Program Bank Makanan di negeri Johor?

**YB Speaker** : Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna** : Salam Perpaduan, Salam Makmur Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan yang diutarakan oleh YB Penawar sebenarnya ada 3 soalan. Satu mengenai jumlah penerima, satu mengenai dengan kriteria-kriteria penerima dan satu adalah cara dan kaedah pelaksanaan.

Sehingga 8 Jun 2020, seramai 86,100 orang telah menerima bantuan menerusi Program Bank Makanan di seluruh negeri Johor. Bantuan ini telah diagihkan kepada para penerima

melalui 3 fasa iaitu fasa pertama seramai 40,309 orang penerima; fasa dua seramai 39,541 orang penerima; dan fasa tiga seramai 6,250 orang penerima.

Mengenai dengan kriteria penerima Program Bank Makanan ini pula, pada peringkat awalnya program ini bertujuan untuk membekalkan barang makanan keperluan harian kepada golongan B40 yang amat memerlukan khususnya dalam kalangan penerima bantuan e-Kasih, asnaf zakat dan penerima bantuan daripada JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat).

Selepas itu bantuan daripada Program Bank Makanan ini diperluaskan kepada rakyat seperti yang berikut:

1. Rakyat yang turut terjejas pendapatan mereka seperti peniaga-peniaga kecil yang tidak dapat menjalankan aktiviti perniagaan mereka kerana PKP.
2. Rakyat yang berhenti kerja kerana sektor-sektor pelancongan, perhotelan, pembinaan, perniagaan dan sebagainya yang tidak dapat beroperasi sebagai biasa. Dan rakyat yang...
3. Rakyat yang diberhentikan kerja oleh majikan.

Yang Berhormat Tuan Speaker serta Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Program Bank Makanan ini, kerajaan negeri Johor telah menggariskan beberapa pendekatan agar ini dilaksanakan dengan lebih berstruktur dan berstrategik. Oleh kerana dalam tempoh PKP, rakyat dikehendaki mematuhi perintah kawalan, maka Kerajaan telah menetapkan bahawa pusat pengumpulan barangan adalah diuruskan oleh Pejabat Daerah.

Sehubungan itu, sumbangan atau bantuan daripada Jabatan/Agensi ataupun NGO (Badan Bukan Kerajaan) ataupun syarikat-syarikat sukarelawan hendaklah dikumpulkan di Pejabat Daerah. Dan Pejabat Daerah sebagai penggerak dengan kerjasama jabatan/agensi kerajaan, NGO ataupun sukarelawan bertanggungjawab untuk mengumpul maklumat berkenaan dengan kumpulan sasaran dan proses agihan barangan sumbangan itu kepada penerima dan memastikan bantuan dapat diberikan kepada penerima, selain daripada mengelakkan penerima berganda.

Kerajaan tidak menafikan bahawa pada awal PKP dan pelaksanaan Bantuan Bank Makanan ini, timbul pelbagai aduan mengenai perkara ini seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Iskandar. Program Bank Makanan ini adalah bantuan awal dan segera yang disalurkan oleh kerajaan kepada rakyat yang terjejas akibat COVID-19 serta PKP yang telah dikuat kuasa oleh pihak kerajaan. Sudah tentulah yang berlakunya kelemahan disebabkan oleh kerana COVID-19 ini adalah satu situasi yang *unprecedented* ataupun dia tidak pernah di... berlaku sebelum ini.

Sementara pula ketika wabak COVID-19 melanda, situasi pergolakan politik Malaysia juga turut terjadi, sehingga berlakunya pertukaran kerajaan kerana gabungan politik ketika itu gagal menentukan siapa calon yang paling layak menjadi Perdana Menteri sehingga hari ini. Ketika rakyat sedang sibuk menghadapi wabak COVID-19, ada pula segelintir yang sibuk berperang sesama sendiri serta menyerang usaha-usaha kerajaan membantu rakyat. Sehingga hari ini, Yang Berhormat Tuan Speaker, Pemanis merasa agak terkilan kerana masih ada yang menggunakan platform Dewan yang mulia ini untuk membuat serangan peribadi, *name calling*, itu sangat mengecewakan.

**YB Speaker :** Ada kaitan dengan soalan ke Yang Berhormat ni?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna :** Ada berkaitan sikit eh...

**YB Speaker :** Rujuk kepada soalan Yang Berhormat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna :** Dia ada berkaitan sikit...

**YB Speaker :** Masa ada... saya beri sikit lagi ya... 10 saat lagi.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna :** Boleh. Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan hari ini mengutamakan isu rakyat ya. *Cry baby* yang mengamuk kehilangan gula-gula tu kita malas nak layanlah. Justeru itu, kelemahan dalam penyampaian bantuan telah diperbaiki dari semasa ke semasa oleh pihak kerajaan. Dan bantuan ini berjaya disampaikan kepada rakyat yang terjejas dengan sebaiknya. Kejayaan ini bukan tentulah dengan peranan dan bantuan yang dimainkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sama ada di pihak kerajaan ataupun pembangkang, kita telah bersama-sama mengetepikan perbezaan pihak politik dan menyampaikan bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan kepada rakyat yang memerlukan dengan sebaiknya.

Dan Pemanis ini mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada apa... kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor serta semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membantu kerajaan dalam mengatasi kelompangan yang ada.

Peruntukan khasnya sebanyak RM20,000.00 kepada semua ADUN, kerajaan dan pembangkang yang diluluskan oleh kerajaan negeri...

**YB Speaker :** Masa dah habis Yang Berhormat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna :** ... dan Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor telah digunakan dengan penuh amanah dan tanggungjawab untuk bantu rakyat. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** OK terima kasih. Jemput Penawar.

**YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Penawar) :** Terima kasih Yang Berhormat. Saya nakkan *detail*, berapakah jumlah peruntukan keseluruhan untuk menjayakan Program Bank Makanan ini? Bagaimana pula dengan nasib mereka yang baru kehilangan sumber pendapatan akibat daripada PKP, sedangkan mereka tidak berada di dalam senarai e-Kasih, asnaf dan sebagainya? Boleh pihak kerajaan menyalurkan program tersebut kepada golongan ini dan apakah kriterianya? Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput Yang Berhormat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna :** Terima kasih Yang Berhormat Penawar. Angka yang saya ada di sini, pada jumlah keseluruhannya adalah RM8.545 juta dan pada fasa pertama melibatkan peruntukan sebanyak RM3.97 juta; fasa kedua RM3.95 juta dan fasa yang ketiga RM625,000.00. Itu adalah apa yang sudah disalurkan dan saya rasa soalan yang tadi YB Penawar cakap dengan kriteria tadi sudah terjawab. Dan ini adalah mengenai dengan Bank Makanan ya, so kalau ada apa-apa yang tidak berkaitan dengan Bank Makanan macam secara tunai ke, e-Ihsan ke, memang tidak dalam konteks soalan ini. Terima kasih.

**YB Speaker :** Ya Skudai jemput.

**YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Sebelum saya mengutarakan soalan saya, saya ingin mungkin beri peringatan sedikit kepada Yang Berhormat EXCO bahawa ini sesi soal jawab, bukan sesi untuk membodek ataupun mengangkat. Jadi...

**YB Speaker :** Soalan tambahan...

**YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) :** ... harap dapat jawab soalanlah ya. Yang Berhormat Tuan Speaker, *Program Food Bank* ini merupakan satu program yang baik di mana dia dapat membantu rakyat yang memerlukan bantuan. Bagaimanapun apabila Yang Berhormat EXCO menjawab tadi, saya dapati kriteria ataupun syarat untuk memberikan bantuan, nampaknya telah bertindih dengan apa tu... bantuan-bantuan yang lain daripada kerajaan. Pada masa yang sama, untuk jangka masa panjang, ada juga kadangkala ada rakyat yang tidak tergolong dalam golongan-golongan yang dimasukkan dalam bantuan *Program Food Bank* ini, tetapi dalam sesuatu tempoh contohnya apabila berlakunya kecemasan, mereka perlukan bantuan. Jadi adakah kerajaan ada rancangan untuk mengkaji dan merangka satu struktur supaya kita dapat membantu golongan terdesak, yang mana mereka tidak berada dalam apa tu... kriteria bantuan konvensional tetapi layak mendapatkan bantuan kecemasan untuk sesuatu tempoh apabila mereka dalam satu apa tu... keadaan di mana mungkin kehilangan punca pendapatan untuk sementara waktu?

**YB Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat. Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna :** Terima kasih. Sebenarnya ini adalah satu situasi *unprecedented* kita sebenarnya kita tak ada data sebelum ini, kita cuma ada data dari JKM dari e-kasih, tapi bila berlakunya insiden yang *unprecedented* kita baru tahu ada yang sebelum ini tidak layak sekarang sudah jadi layak. Ada yang sebelum ni mereka dapat gaji yang besar tiba-tiba mereka hilang pendapatannya. So dari konteks bantuan makanan ini sekarang kerajaan sudah ada data yang lebih lengkap sebenarnya dan saya rasa dan saya harap tidak akan berlaku lagi ada insiden macam ini tapi saya rasa kalau ada insiden macam ini kita sekarang lebih bersedia untuk menghadapi cabaran yang macam ini dari segi bentuk wabak ke apa-apa.

So, tapi bank makanan ini mungkin pada peringkat awal ada yang kata lewat sedikit ke apa, kita ada masalah dengan logistik masa itu. PKP logistik semua pergerakan *work force* semua ada terjejas. Tapi saya rasa itu peringkat awal lepas tu bantuan makanan sudah boleh disampaikan dan saya tadi dah kata saya juga rasa apa itu kena mengucapkan terima kasih kerana ada ramai ADUN-ADUN yang dapat peruntukan dari kerajaan, mereka banyak membantukan, mereka melengkapkan apa yang kekurangan daripada kerajaan, mereka menyempurnakan apa yang kelemahan kerajaan. Tidak kira dari pihak-pihak mana politik.

**YB Speaker :** Ok terima kasih Yang Berhormat. Soalan seterusnya Yang Berhormat Senai jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna :** Terima kasih.

**YB Tuan Tee Boon Tsong (Senai) :** Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 2. Berapakah jumlah rumah bumiputera yang belum dilepaskan walaupun sudah mematuhi syarat kelayakan?

**YB Speaker :** Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Makmur Johor. Yang Berhormat Tuan

Speaker, terima kasih kepada YB Senai atas soalan yang dibangkitkan berkaitan dengan unit rumah bumiputera yang belum dilepaskan walaupun sudah mematuhi syarat. Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya terlebih dahulu menjelaskan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pemaju sebelum lot bumiputera ini dilepaskan. Antara syarat yang perlu dipatuhi oleh pemaju.

Pertama, pemaju disyaratkan membuat bayaran caj gantian pelepasan lot bumiputera berkadar tetap dengan izin, *fixed 7.5%* daripada harga jualan lot bukan bumiputera bagi semua jenis pembangunan. Manakala bagi pembangunan industri adalah 10% jualannya daripada lot bukan bumiputera.

Syarat kedua, pemaju hendaklah memastikan sekurang-kurangnya 1 lot rumah kediaman bukan bumiputera dijual sebelum permohonan pelepasan lot bumiputera dibuat.

Syarat ketiga, permohonan pelepasan lot bumiputera boleh dikemukakan selepas 12 bulan dari tarikh duti setem perjanjian tambahan atau dengan izin *supplemental agreement* di antara pemaju dengan kerajaan negeri dimatikan.

Manakala jika berlaku sebarang pindaan dalam *supplemental agreement* tersebut tempoh 12 bulan kepada permohonan pelepasan berdasarkan tarikh mati setem perjanjian tambahan yang terkini.

Syarat keempat Yang Berhormat Tuan Speaker, permohonan pelepasan hanya boleh dikemukakan selepas kemajuan projek yang ini, ingin saya tegaskan mencapai tahap 50% di lapangan dan disahkan oleh arkitek bertauliah atau mendapat sijil pematuhan dan penyiapan yang dikeluarkan oleh pihak berkelayakan dan disahkan oleh arkitek pemaju.

Syarat kelima, pemaju perlu mengiklankan di akhbar arus perdana seperti Berita Harian, Utusan Malaysia, Harian Metro selepas 12 bulan tarikh mati setem pada perjanjian tambahan atau pun dengan izin, *supplemental agreement*. Iklan-iklan asal yang telah dipamerkan sekurang-kurangnya 2 kali dan jarak di antara iklan itu 60 hari dalam arus, dalam akhbar perdana tersebut.

Yang Berhormat Tuan Speaker, manakala kaedah pelepasan akan dijalankan secara berperingkat-peringkat bagi perumahan dan komersial. 30% pelepasan kali pertama, 30% pelepasan kali kedua dan 40% pelepasan kali ketiga dan seterusnya. Manakala bagi industri, pelepasan dibuat secara 2 kali, 60% dan 40% bagi kali yang kedua. Bagi pelepasan kali kedua Yang Berhormat Tuan Speaker, pemaju perlu membuat permohonan selepas 6 bulan daripada kelulusan pelepasan pertama. Bagi membolehkan pemaju membuat pelepasan berikutnya, pemaju perlu menyelesaikan apa jua tunggakan bagi baki bayaran atas jualan lot bumiputera sebelum ini. Di bawah kempen permohonan pelepasan lot bumiputera kepada lot bukan bumiputera yang kini sedang berjalan bermula daripada 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020, hanya meliputi kediaman yang berharga lebih daripada RM700,000.00.

Di bawah kempen ini, kaedah pelepasan hanya 2 kali iaitu 60% kali pertama dan baki keseluruhan bagi pelepasan yang terakhir. Di bawah kempen yang sedang dijalankan ini bayaran caj gantian perlu dijelaskan dalam tempoh 120 hari dari tarikh surat pemberitahuan berbeza dengan yang sebelum dalam keadaan biasa 90 hari. Semua perkara yang saya nyatakan tadi adalah merupakan syarat-syarat dalam dasar yang telah dijalankan dan dikuatkuasakan sejak sekian lama di negeri Johor dan dasar harta tanah bumiputera ini diperkemas secara lebih tersusun, teratur serta didokumenkan dan dikuatkuasakan bermula pada...

**YB Speaker** : Yang Berhormat, jawab soalan Yang Berhormat, jawab soalan itu sahaja. Berapa jumlah dia tu.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Sebab Yang Berhormat Senai bertanya syarat, jadi saya kena jelaskan syarat.

**YB Speaker** : Sebab masa dah lewat ni.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Insya-Allah saya ikut masa Yang Berhormat 1 April 2019. Jadi di kesempatan ini Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya dan tahniah saya kepada YB Kota Iskandar yang menggerakkan secara serius supaya seluruh syarat dan dasar harta tanah diperkemas disusun serta didokumenkan seperti yang ada pada hari ini yang saya nak tunjukkan ini Yang Berhormat Tuan Speaker, didokumenkan agar menjadi panduan kepada pemaju, pentadbir dan semua pihak yang terlibat. Jadi, seperti yang disebut Yang Berhormat Tuan Speaker oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari Khamis yang lepas, di era kini Yang Berhormat Tuan Speaker kita perlukan kematangan politik untuk menjamin daya tahan negeri Johor menghadapi apa jua cabaran masa kini dan juga mendatang.

Berasaskan itu Yang Berhormat, mana yang baik yang telah dibuat oleh kerajaan sebelum ini seperti Pelan Pembangunan Mampan 2030 dan Dasar Perumahan Rakyat Johor kita akan guna pakai.

**YB Speaker** : Masa dah 7 minit Yang Berhormat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Ok.

**YB Speaker** : Ringkaskan, ringkaskan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Kita tak buang dek kerana perbezaan politik dan inilah Johor dan inilah bangsa Johor. Jadi, Yang Berhormat menjawab soalan daripada Senai, bagi tahun 2019, jumlah permohonan pelepasan lot bumiputera kepada bukan lot bumiputera adalah sebanyak 275 permohonan dan yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan sebanyak 268, manakala jumlah unit yang mengikut syarat yang telah dilepaskan sebanyak 1,799 dengan nilai RM115,288,128.33. Bagi tahun 2020 sehingga Ogos ini, sebanyak 234 permohonan diterima dan 102 permohonan telah dibentangkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, manakala jumlah unit yang telah dilepaskan dengan caj gantian yang kekal pada paras 7.5 sebanyak 89 unit dengan nilai RM7,583,570.93.

Jadi, berdasarkan penjelasan yang saya nyatakan tadi, tidak ada sebarang unit yang telah memenuhi syarat yang tidak kita lepaskan. Jadi semua permohonan lot bumiputera yang mematuhi kelayakan telah dilepaskan seperti yang ditetapkan oleh dasar Yang Berhormat.

**YB Speaker** : Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Maaf.

**YB Speaker** : Terima kasih Yang Berhormat. Jemput Senai.

**YB Tuan Tee Boon Tsong (Senai)** : Soalan tambahan saya, Yang Berhormat Speaker, tadi YB EXCO nyatakan bahawa tiada yang ditangguhkan, betul tak, semua dilulus atau tidak mematuhi syarat. Dekat pejabat saya ada beberapa dokumen menunjuk bahawa ada permohonan sejak tahun 2017 dan buat permohonan dan mematuhi syarat tetapi tidak

diluluskan. Soalan saya nak tanya, betul ke tidak sememangnya tidak ada, tidak ada yang ditolak atau ditangguhkan.

**YB Speaker** : Jemput Yang Berhormat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Yang Berhormat Tuan Speaker, yang penting sekali, pertama ia memenuhi syarat, kalau dia dah ikut syarat dan dia kena bayar caj gantian seperti yang diberitahu tadi 90 hari, kalau dia lepas bayaran tu kita akan lepaskan Yang Berhormat dan saya dah selesaikan banyak fail yang sejak tahun 2015. Dan, mungkin apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Tuan Speaker tadi, dalam proses lepas PKP daripada Mac sehingga Jun tu dalam proses untuk dilepaskan selepas mereka memenuhi syarat, Yang Berhormat Tuan Speaker.

**YB Speaker** : Kota Iskandar.

**YB Sr. Dzulkefly bin Ahman (Kota Iskandar)** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Kalau kita melihat statistik daripada NAPIC untuk sukuan pertama 2019 *overhang* ataupun hartanah tidak terjual di negeri Johor berjumlah 36.754 bilion dan daripada jumlah tersebut 34% merupakan lot bumiputera daripada pelbagai kategori dan kalau kita darabkan dengan caj penggantian 7.5% ianya akan membawa hasil kepada tabung amanah kita sebab ini bukan hasil daripada akuan yang di satu oleh kerajaan negeri tetapi mempunyai akaun amanah sendiri berjumlah RM600 ke RM800 juta yang mana jumlah ini, caj penggantian ini boleh dimanfaatkan untuk bina lebih banyak Rumah Mampu Biaya Johor. Dan, bila melihat statistik daripada kempen yang kita adakan setahun untuk bumiputera hanya mengumpulkan caj penggantian sebanyak RM115 juta iaitu jauh daripada sepatutnya kita mengumpulkan RM600 ke RM800 sebagaimana saya sebut tadi menurut statistik daripada NAPIC.

Soalan saya apakah kerajaan negeri mempunyai pelan kontingensi atau pun pelan seterusnya supaya memastikan bahawa lot-lot bumiputera ini dapat dijual atau dapat dilepaskan sebagaimana keperluan daripada pihak pemaju perumahan untuk kita berada dalam keadaan *win-win situation*, makna kerajaan negeri kita dapat *collect* caj penggantian, di akhir kita boleh bina rumah mampu biaya kita dan bersama-sama kita membantu *cash flow* kepada pihak pemaju perumahan itu. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Terima kasih kepada YB Kota Iskandar, saya tertarik dengan soalan yang terakhir, apakah kaedah lain yang boleh kita gunakan atau pun pelan kontingensi kerajaan negeri untuk memastikan lot bumiputera ini tak dilepaskan. Tadi kita bahaskan supaya dilepaskan. Jadi untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang berbincang dengan pihak bank, Maybank Islamic untuk kita memperkenalkan satu skim yang ini sedang dimuktamadkan iaitu skim yang kita namakan *grant to own* daripada harga RM250,00.00 hingga ke RM1.25 juta. Insya-Allah Yang Berhormat dengan doa semua pihak sebab kita pasti masalah yang dihadapi oleh kebanyakan bumiputera ini ialah pembiayaan, ini isu utama yang kita hadapi Yang Berhormat, pembiayaan. Dia dapat rumah tapi pembiayaannya jadi masalah, kerana *scoring* dia, dia bank agak mengecewakan. Jadi dengan pihak Maybank ni kita dah bersetuju dan akan dimuktamadkan dan kita akan buat perjanjian MOU dengan Maybank Islamic pada bulan 10. Maka skim ini akan diperkenalkan di Johor di mana kalau rumah yang berharga RM300,000.00 saya beri contoh Yang Berhormat Dato' Speaker, pembeli ataupun yang nak menyewa cuma keluarkan duit RM3,000.00 dan mereka dapat kunci untuk mendiami. Berbeza dengan skim biasa atau konvensional biasa mereka memerlukan *out front* sebanyak RM30,000.00 dan ini akan

menyukarkan keadaan dan inilah yang menjadikan kita, menyebabkan walaupun lot itu ditetapkan kepada bumiputera tidak dapat pembiayaan. Yang ini insya-Allah sedang dimuktamadkan bersama Perumahan, Penasihat Undang-Undang dan juga pihak Pejabat Tanah dan Galian.

Kalau soalan kedua daripada Kota Iskandar tadi ialah berkaitan dengan *overhang property*. Yang ada dalam data saya ini *overhang property* ini diklasifikasikan sebagai unit-unit yang tak dapat dijual selepas 9 bulan, Yang Berhormat. Selepas mereka dapat CCC, tak boleh dijual 9 bulan itu dikatakan *overhang property* tapi kalau masih lagi dalam proses pembinaan, itu tidak boleh dikira sebagai *overhang property*.

Berdasarkan Pusat Maklumat Harta Tanah (NAPIC) ni, definisi hasil harta tanah tidak terjual ataupun *property hang bank* dalam merujuk kepada harta tanah yang telah siap dibina dengan sijil siap pematuhan dalam tempoh 9 bulan. Kalau mengikut rekod saya yang ada inilah ye. Rekod yang ada ni, jumlah *overhang* di Johor ini termasuk kondominium, kos rendah bertingkat, kos rendah dan sebagainya 5,468. Malah suka saya sebutkan di sini Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi Tangkak tak ada pun *overhang*, di Segamat ada 55 unit sahaja yang *overhang* dan di Pontian ada 86, di Muar ada 7, di Mersing ada 28, di Ledang, tak ada, di Kulajaya ada 147, di Kota Tinggi ada 190 unit.

**YB Speaker :** Ringkaskan Yang Berhormat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Di Kluang ada 270. Tadi ada perbezaan maklumat Yang Berhormat, saya kena jelaskan sikit, yang paling besar ialah di Johor Bahru Yang Berhormat, ada 2, 4,395 dan di Batu Pahat 290. Dan, saya bersetujulah apa yang dicadangkan oleh Kota Iskandar tentang kadar ni, kalau kita boleh lepaskan cepat dan menjadi Hasil Tabung Amanah Kuota Bumiputera. Insya-Allah kalau ada perkara yang mungkin boleh saya kongsi dengan Kota Iskandar nanti saya akan bincang dengan Kota Iskandar. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

**YB Speaker :** Soalan seterusnya, Yang Berhormat Bekok, jemput.

**YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Bekok) :** Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 3.

Dunia perniagaan telah mengalami perubahan selepas COVID-19. Apakah jenis-jenis latihan kemahiran yang menuju ke masa depan (*future skills*) yang disediakan dalam sistem pendidikan kemahiran seperti pengajaran dan latihan perniagaan *online*, komunikasi, ekonomi digital dan ekonomi *gig*?

**YB Speaker :** Jemput, YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, bismillahirmannirrahim. Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan terima kasih YB Bekok di atas soalan nombor 3.

Sektor keusahawanan atau perniagaan adalah antara sektor yang terkesan teruk akibat serangan COVID-19 itu susulan penguatkuasaan arahan PKP oleh kerajaan negeri bermula pada bulan Mac yang lalu. Trend terkini menunjukkan kebanyakan komuniti perniagaan dan perusahaan mula beralih kecenderungan kepada penggunaan teknologi digital dalam aspek pemasaran mahupun perniagaan mereka. Melihat kepada potensi tersebut berbagai usaha pembangunan telah dirancang dan giat dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi memperkasakan pengetahuan serta kemahiran digital kepada para usahawan di negeri ini. Ingin saya kongsi di Dewan yang mulia ini, antara inisiatif yang telah dan akan



dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi menjayakan visi tersebut semasa tempoh PKP mahupun pasca COVID-19 adalah seperti berikut:

1. Aplikasi e-Bazar Makmur Johor. Aplikasi e-Bazar Makmur Johor adalah sebuah platform e-dagang yang telah dilancarkan dan dilaksanakan sepanjang bulan Ramadan yang lalu. Melalui program atau aplikasi tersebut perniagaan bazar Ramadan ini yang sudah berdaftar dengan pihak PBT telah diberi peluang dan keutamaan untuk memasarkan produk dan menjalankan urus niaga perniagaan mereka secara atas talian memandangkan kerajaan pada masa itu telah mengeluarkan arahan untuk tidak membenarkan operasi atau urus niaga bazar Ramadan di jalan secara fizikal.
2. Program *Johor e-Market Place* iaitu *Shopee*. Program *Johor e-Market Place* adalah program hasil usaha sama strategik kerajaan negeri Johor melalui PUJB bersama operator platform e-dagang nombor satu di Asia iaitu *Shopee*. Menerusi usaha sama ini sebuah laman mikro khas yang akan menampilkan puluhan ribu produk hasil buatan peniaga Johor dalam pelbagai kategori akan diwujudkan dalam laman e-dagang utama *Shopee*. Program atau kempen ini akan berlangsung selama 5 bulan bermula dari 9 Ogos 2020 dan berakhir pada 31 Disember 2020. Majlis pelancaran dan hebahan program melalui media, digital atau sosial oleh PUJB telah pun berlangsung dan dilaksanakan pada awal bulan Ogos yang lalu.

Yang Berhormat Speaker, PUJB sebagai kursus perniagaan serta pemasaran digital telah pun dilanjutkan melalui Program *PUJB At Business Stop* yang dilaksanakan secara maya atau atas talian bagi memberi latihan, pendedahan kepada para usahawan mengenai dunia perniagaan digital. Sehingga 31 Ogos 2020, lebih 40 siri program yang terdiri daripada kursus dan *webinar* telah pun dilaksanakan dan ianya diharap dapat memberi manfaat lebih kepada 10,000 peserta yang telah mengambil bahagian sepanjang siri ini.

Yang Berhormat Speaker, sebagai contoh pelaksanaan Ikhtiar *Johor Digital Master Plan* yang merupakan salah satu daripada inisiatif kerajaan negeri Johor dalam 7 Ikhtiar Makmur Johor yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Bagi menjayakan ikhtiar ini, kerajaan negeri akan menjalinkan usaha sama strategik dan bekerjasama dengan sektor swasta bagi memastikan keupayaan digital usahawan-usahawan di Johor setanding dengan negara maju yang lain. Bagi usaha menyokong ikhtiar ini kerajaan negeri menerusi Portfolio Pembangunan Usahawan akan membangunkan sebuah pusat data usahawan Johor dan aplikasi holistik digital usahawan negeri Johor yang akan berperanan sebagai pusat integrasi data bersepadu bagi sektor perniagaan dan keusahawanan negeri ini selain menjadi platform komunikasi dan informasi terkini kepada perusahaan-perusahaan tempatan.

Pelan pelaksanaan bagi inisiatif ini telah pun dikenal pasti dan ianya dijangka akan dilancarkan pada bulan Oktober 2020. Pusat Data atau aplikasi holistik ini mensasarkan dan akan memanfaatkan lebih kurang 100,000 usahawan di negeri Johor. Menyedari kepentingan serta keperluan industri yang berpacu kepada berteknologi tinggi dan untuk terus kekal relevan dengan arus perubahan ekonomi dunia, kerajaan negeri Johor juga telah aktif, turut aktif menjalankan sesi perbincangan bersama institusi pengajian tempatan dan juga agensi-agensi bertauliah yang berkaitan seperti IRDA, IIB Ventures, *Crash* dan lain-lain lagi bagi menjalinkan usaha sama strategik khususnya dalam usaha penyelidikan dan penyediaan kursus, latihan mahupun kemahiran dalam bidang teknologi baru termasuklah bidang digital.

Segala usaha ini dilihat dapat meningkatkan nilai tambahan serta kebolehpasaran, modal insan di negeri Johor dan boleh juga memenuhi keperluan semasa industri yang berasaskan teknologi dan digital. Kerajaan sedang giat membangunkan kemudahan infrastruktur dan

prasarana, prasarana berteknologi tinggi seperti di *Medini 9 Block chain* dan juga *Kulai Iskandar Data Exchange*. Kerajaan juga turut dalam perancangan untuk mewujudkan lokasi khususnya bagi menempatkan pusat kajian dan pembangunan serta pusat inovasi teknologi *robotic drone* dan juga *artificial intelligence*. Selain itu, kerajaan juga mengambil perhatian yang serius terhadap potensi industri *techno creative* dalam proses kajian. Semua inisiatif ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, lebih berkemahiran tinggi untuk anak-anak tempatan selain dapat melahirkan lebih ramai lagi individu atau usahawan tekno di kalangan anak negeri Johor. Terima kasih.

**YB Speaker** : Ya, jemput Bekok.

**YB Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Bekok)** : Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Tuan Speaker, *skills miss match*, iaitu ketidakcocokan kemahiran yang dipelajari oleh graduan dan yang diminta oleh majikan salah satu sebab besar graduan tidak dapat kerja. Kajian menyatakan bahawa 11% graduan menganggur sebab ini. Apakah langkah-langkah dan dasar Jabatan Sumber Manusia untuk memperbaiki keadaan tidak imbang ini. Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput, saya tidak pasti ada kaitan ke tidak dengan soalan, jawapannya yang disampaikan oleh EXCO tadi.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia** : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Bekok. Kerajaan negeri Johor amat prihatin dengan situasi yang berlaku dan sentiasa berusaha keras menangani sebarang permasalahan secara holistik dan berhemah. Selari dengan itu, kerajaan negeri Johor melalui Unit Strategik Modal Insan, mengambil langkah drastik untuk merancang dan seterusnya melaksanakan inisiatif-inisiatif bagi menangani masalah pengangguran terutamanya di kalangan graduan. Objektif utama kerajaan negeri Johor adalah mempertimbangkan, *sorry*, mempertingkatkan kemahiran rakyat negeri Johor agar dapat melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang mahir dan kompeten dalam bidang masing-masing bagi puluhan sektor pekerjaan bagi masa ini dan juga masa hadapan.

Antara inisiatif yang sedang dipergiatkan oleh Unit SMI bagi menangani masalah ini adalah seperti berikut iaitu Program Minggu Kerjaya Johor, Program Peningkatan Kemahiran Teknikal Lepas Siswazah, Program *Up Skilling* dan *Re-Skilling*.

Yang Berhormat Speaker, pihak Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor juga melalui *Jobs Malaysia Johor* turut mengambil inisiatif dan telah melaksanakan pelbagai aktiviti serta program perkhidmatan pekerjaan bagi mengatasi masalah pengangguran di negeri ini. Antara program yang telah dilaksanakan adalah penganjuran 3 Edisi Karnival Kerjaya yang telah dijayakan pada tarikh seperti berikut iaitu :-

1. Karnival Kerjaya *Jobs Malaysia* di Pasir Gudang yang dijalankan pada 23 Februari 2020.
2. Karnival Kerjaya *Jobs Malaysia* di Batu Pahat yang telah dilaksanakan pada 1 Mac 2020.
3. Karnival Kerja *Jobs Malaysia* Segamat, 8 Mac 2020.

Berdasarkan statistik *Jobs Malaysia Johor* terdapat sebanyak 44,957 peluang pekerjaan baru berjaya diwujudkan di negeri Johor dari tarikh 1 Januari 2020 hingga 31 Ogos 2020. Justeru itu, saya yakin angka 11% graduan yang tidak dapat kerja seperti yang dinyatakan oleh YB Bekok dapat dikurangkan bergantung kepada kesedaran dan sikap optimistik para graduan yang terbabit. Sikap ambil tahu dan peka terhadap informasi terkini terhadap

peluang pekerjaan mahupun skim latihan yang disediakan oleh kerajaan sudah semestinya dapat membantu mereka mendapatkan peluang pekerjaan yang bersesuaian. Terima kasih.

**YB Speaker :** Ya, Parit Yaani, jemput.

**YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) :** Terima kasih Speaker, Yang Berhormat EXCO, soalan tambahan daripada Parit Yaani. Adakah memadai kos yang dicadangkan iaitu untuk sebagaimana yang disebut *up skilling*, *re-skilling* sebab pada saya bila kita menyebut perkara ini memandangkan kepada COVID-19 yang terlibat adalah mereka yang dah bekerja, yang diberhentikan, dia memerlukan satu *skill* yang baru, sama ada dalam bentuk IT dan sebagainya. Adakah memadai seperti mana soalan yang saya kemukakan ataupun seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, peruntukan RM600,000.00 sedangkan pekerja-pekerja yang diberhentikan adalah 173,000, jadi saya mintalah, berapa kos peserta untuk mengikuti kursus yang berkaitan untuk satu kursus, berapa kos dia, yang pertama.

Yang kedua, kalau RM600,000.00 berapa orang yang dapat kursus. Dan, saya cadangkan supaya kerajaan negeri menambahkan peruntukan sekurang-kurangnya RM6 juta, kalau katakan RM1,000.00 satu kursus dapat 6,000 orang, kalau RM2,000.00 seorang, maka sekurang-kurangnya 3,000 dapat dikhususkan oleh kerajaan kepada anak-anak Johor yang diberhentikan kerja.

**YB Speaker :** Jemput, YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia :** Terima kasih di atas soalan tambahan kedua. Kita sedia maklum Program *Up skilling*, *Re-skilling*, adalah salah satu program yang kita buat khas untuk, terhadap mereka yang telah diberhentikan kerja, so peruntukan telah disediakan melalui Unit SMI dan sebenarnya RM600,000.00 tu bukanlah daripada unit kami, kerana kami sendiri pun ada peruntukan bajet sebanyak RM1 juta untuk kami uruskan perkara ini.

Untuk pengetahuan YB, *up skilling* dan *re-skilling* adalah satu program yang mana kita, kita ada buat dengan *Johor Skill Development* di Pasir Gudang baru-baru ini, yang mana kita menerima graduan-graduan yang tak ada tempat dan kita latih mereka, kita *up-skill* dan kita *re-skill* mereka. Ini pun berpandu kepada keupayaan, penampungan jawatan-jawatan kekosongan yang kita nak bagi. Sebelum tu kita *conduct survey*, kita *conduct survey* dengan industri *player*, yang mana yang kita, *survey* yang kita buat, kita susunkan sektor apa yang diperlukan, *skill* yang macam mana yang diperlukan dan terdapat dalam 8 *skills* seperti *oil and gas*, perkhidmatan, *manufacturing* dan banyak lagi pelbagai, automobil.

Jadi, benda ni kita dah satukan dan program ni telah kita jayakan dan bulan 10 ni kita akan langsungkan satu lagi program dan kita pastikan 1,000 jawatan kosong yang akan diisikan, yang mana semua *player-player industry in the market* akan bersama-sama kita mengambil dan memberi jaminan juga yang selepas mereka ini di *up-skill* dan *re-skill* mereka ini akan diambil untuk bekerja. Jadi, insya-Allah memang kita ke arah yang sama, kita memberi pandangan yang serius dan untuk menempatkan mereka ini supaya dapat kerja. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

**YB Speaker :** Soalan seterusnya, saya jemput Yang Berhormat Pasir Raja.

**YB Puan Rashidah binti Ismail (Pasir Raja) :** Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 4.

Berapa ramai penerima bantuan JKM COVID-19 untuk DUN Pasir Raja?

**YB Speaker** : Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Raja.

Kerajaan negeri Johor melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kota Tinggi telah menyantuni seramai 95 orang dengan pemberian bantuan bakul makanan yang mengandungi makanan asas untuk keperluan harian semasa perintah kawalan pergerakan dilaksanakan akibat pandemik COVID-19.

Manakala 12 keluarga yang memerlukan bantuan lampin pakai buang kanak-kanak dan susu formula telah disantuni melalui bantuan Tabung Bantuan Segera oleh JKM Daerah Kota Tinggi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, secara keseluruhan untuk negeri Johor, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyantuni seramai 31,000 orang penerima bantuan bakul makanan melalui peruntukan yang telah disalurkan oleh kerajaan persekutuan melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara iaitu NADMA dan Kementerian Kewangan.

Setiap bakul makanan bernilai RM100 yang mengandungi barang asas makanan seperti beras, gula, tepung, sardin, biskut, kopi, teh, susu, mihun, ikan bilis, lada kering dan rempah.

Selain daripada itu juga, pemberian... selain daripada bakul makanan, kerajaan negeri melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim mengambil peranan memberikan pelbagai bantuan yang berfokuskan kepada pertambahan pendapatan sepanjang tempoh perintah pergerakan pemulihan.

Di bawah YPKDT telah diwujudkan satu bantuan keusahawanan, *Bangsa Johor Packet Food and Delivery Service*, dengan izin, atau dikenali sebagai *Jo-Pack* yang berobjektifkan merangsang pertumbuhan ekonomi keluarga dan rakyat melalui perniagaan secara domestik dan terus dari pelanggan kepada penjual. Tambahan pula, ia secara tidak langsung dapat mewujudkan komuniti perniagaan secara digital yang lebih cepat, mudah, tidak memerlukan modal yang besar serta mengikut tren semasa bagi membantu rakyat menguruskan sara hidup dan akhirnya mampu bergerak seiring pertumbuhan ekonomi.

Program *Jo-Pack* ini telah dibuka untuk fasa 2 pada hari ini, yang mana pada fasa 1 telah memberikan manfaat kepada 50 orang usahawan dan setakat ini penerimaan permohonan melalui atas talian atau manual sebanyak berjumlah 693. Terima kasih.

**YB Speaker** : Ya Pasir Raja jemput. Soalan tambahan.

**YB Puan Rashidah binti Ismail (Pasir Raja)** : Terima kasih jawapan yang padat daripada YB EXCO.

Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan tambahan saya adalah COVID-19 melibatkan semua orang yang mengalami kesannya. Jadi selain daripada penyerahan bantuan COVID, bantuan *Jo-Pack*, apakah bantuan-bantuan lain yang diberikan oleh YPKDT untuk merangsang penambahan pendapatan ekonomi keluarga? Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat** : Terima kasih Yang Berhormat Pasir Raja.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selain daripada *Jo-Pack*, YPKDT juga bergiat aktif melalui pejabat-pejabatnya di setiap daerah, menjalankan kursus menjana pendapatan bagi golongan wanita atau dikenali sebagai *Women's Income Generating Skill*, dengan izin. Seramai 284 orang peserta telah menyertai 25 kursus yang dijalankan seperti kursus jahitan, kursus masakan dan juga kursus pastri. Alhamdulillah kursus ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan di setiap daerah dan masih lagi dilaksanakan sehingga hujung tahun ini.

YPKDT juga turut membantu golongan sasaran melalui Skim Bantuan Peralatan Perniagaan untuk setiap daerah. Para usahawan yang menjalankan perniagaan secara *home base* dengan izin, telah dibantu dengan mempertingkatkan lagi peralatan perniagaan sebagai contoh pemberian mesin pengisar, mesin jahit, mesin pengadun, peti sejuk dan lain-lain diperlukan oleh mereka. Secara keseluruhannya seramai 33 orang usahawan tempatan telah menerima bantuan peralatan perniagaan ini. Dan seramai 57 orang sedang menunggu dalam proses kelulusan oleh Jawatankuasa Penilai YPKDT.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, YPKDT juga telah... tidak melupakan golongan orang kurang upaya yang turut terkesan dengan pandemik COVID-19. Bagi memastikan golongan ini turut dibantu untuk mengembangkan pendapatan keluarga, mereka turut diberi peluang untuk menyertai program latihan dan promosi. Sebanyak 4 kursus yang telah dijalankan iaitu asas pembuatan bahu, bakeri dan pastri. Kursus lanjutan pembuatan bakeri dan pastri, kursus pembungkusan dan pelabelan produk dan kursus pengurusan kewangan. Keempat-empat kursus ini melibatkan 180 orang golongan orang kurang upaya.

Selain melibatkan individu dalam menjana pendapatan keluarga, YPKDT juga turut melaksanakan program berasaskan kepada komuniti kepada rakyat negeri Johor melalui Pembangunan Ekonomi Rakyat Johor atau dikenali dengan PROPER dengan penglibatan kesemua daerah di negeri Johor yang mana menyertai seramai... penyertaan seramai 53 orang peserta secara keseluruhannya. Setiap daerah akan mengendalikan dan menguruskan sebanyak 500 pokok yang mana pokok ini memfokuskan kepada projek tanaman fertigasi cili kerana ianya mudah untuk diselenggarakan berbanding dengan tanaman lain.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selain itu juga YPKDT juga melaksanakan Kursus Inspirasi Usahawan Berfokus atau dikenali sebagai KIUB dengan penglibatan seramai 100 orang peserta. Kursus ini mendapat kerjasama daripada Majlis Amanah Rakyat, Perbadanan Usahawan Johor, Kumpulan Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor. 2 kursus utama yang dilaksanakan ialah kursus pembangunan perniagaan dan kursus teknik reka bentuk.

Untuk pelbagai inisiatif, permohonan bantuan masyarakat boleh merujuk kepada portal rasmi Pejabat EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor di alamat [ppwkmj.johor.gov.my](http://ppwkmj.johor.gov.my). Di portal ini terdapat kelima-lima jabatan yang di bawah seliaan Jawatankuasa saya untuk memudahkan orang ramai mencari maklumat. Terima kasih.

**YB Speaker** : Soalan seterusnya. Silakan Yang Berhormat Semerah jemput.

**YB Tuan Mohd. Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah)** : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya soalan nombor 5.

Nyatakan jumlah peruntukan pengurusan SUKMA 2020 yang telah digunakan sejak Mac 2020 serta peruntukan tambahan yang diperlukan selepas dijanjikan ke 2021.

**YB Speaker** : Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan :** Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Speaker, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Semerah atas soalan. Beliau juga merupakan Mantan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan Negeri Johor. Beliau meminta saya menyatakan jumlah peruntukan pengurusan SUKMA yang telah digunakan sejak Mac 2020 serta peruntukan tambahan yang diperlukan selepas dianjak ke 2021.

Yang Berhormat Speaker, seperti yang kita semua sedia maklum, SUKMA Ke-20 yang sepatutnya berlangsung di Johor pada bulan Julai 2020 dan Para SUKMA yang sepatutnya berlangsung pada bulan Ogos 2020 terpaksa ditunda akibat pandemik COVID-19. Tarikh baru SUKMA 2020 akan diputuskan oleh Jawatankuasa Tertinggi SUKMA dalam masa terdekat. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan. Kita menjangkakan SUKMA Johor bakal berlangsung pada awal tahun hadapan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Speaker, jumlah peruntukan asal keseluruhan bagi menganjurkan SUKMA 2020 adalah sebanyak RM670.9 juta. Di mana daripada jumlah itu, sebanyak RM150 juta adalah untuk pengurusan SUKMA, manakala RM467.9 juta diperuntukkan untuk pembangunan dan penambahbaikan *venue-venue* infrastruktur SUKMA Johor.

Menjawab soalan YB Semerah, jumlah peruntukan pengurusan SUKMA Johor yang telah digunakan sejak Mac 2020 adalah sebanyak RM37.9 juta. Peruntukan tambahan yang diperlukan pula akibat SUKMA dianjakkan kepada tahun 2021 adalah sebanyak RM21.6 juta dan ia melibatkan perbelanjaan pengurusan pengelolaan. Tambahan ini diperlukan untuk keperluan peralatan tambahan di setiap *venue* sukan, penginapan dan pusat operasi SUKMA bagi pematuhan SOP dan pencegahan covid-19 yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Ia juga akan digunakan untuk aktiviti-aktiviti promosi, sekretariat SUKMA bagi terus mempromosikan temasya SUKMA ini. Sama-samalah kita berusaha dan mendoakan agar SUKMA Johor akan menjadi SUKMA terbaik dalam sejarah penganjurannya. Terima kasih.

**YB Speaker :** Ya Semerah jemput soalan tambahan.

**YB Tuan Mohd. Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah) :** Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada sekretariat SUKMA 2020 yang diketuai oleh Tuan Haji On Jabbar serta pasukannya, yang telah mengendalikan dengan cekap dan baik pengurusan untuk pengelolaan SUKMA 2020 ini walaupun terpaksa ditangguhkan akibat pandemik COVID-19. Di sini juga saya ambil kesempatan mengucapkan tahniah dan syabas kepada KPRJ dan juga JCorp terutama kepada KPRJ kerana dapat menyiapkan Velodrom Johor dalam masa setahun.

**YB Speaker :** Soalan tambahan Yang Berhormat.

**YB Tuan Mohd. Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah) :** Soalannya... ini kita kena beri kredit juga. Saya dimaklumkan pada sidang akhbar oleh Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa tarikh SUKMA telah ditetapkan pada 6 hingga 14 Mac 2020. Maaf... 6 hingga 14 Mac 2021. Tetapi untuk makluman ketika itu ada peperiksaan STPM 2020 semester 3 (Kohod 2020) yang akan dijalankan pada 1, 2, 3, 8 dan 9 Mac 2021. Jadi adakah ianya akan ditangguhkan seperti perancangan awal pada Mac kepada bulan April? Dan kalau dianjakkan lagi daripada Mac kepada April, berapakah peruntukan lagi yang akan digunakan, saya rasa mungkin disebabkan penginapan kerana sebelum ini kita akan gunakan UTM dan lepas itu kita terpaksa menggunakan atau menginap di hotel-hotel. Begitu juga saya...

**YB Speaker** : Satu soalan Yang Berhormat.

**YB Tuan Mohd. Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah)** : Ni sambung aje, dia tak ada titik. Dan jika ianya pandemik COVID-19 ini berterusan, dan SUKMA ini adakah ianya ditangguhkan ataupun kita...*start* kalau tak silap saya mungkin dia akan ada SUKMA lagi di Kuala Lumpur. Jadi itu saja soalan, terima kasih.

**YB Speaker** : Dia tanya bajet aje, dia pusing jauh juga. OK ya jemput EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan** : Biasa YB orang politik.

**YB Speaker** : Samalah Yang Berhormat pun.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan** : Sama. Soalannya adalah tentang tarikh SUKMA tahun depan. Seperti yang saya sebut tadi, tarikh akan ditentukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi SUKMA yang insya-Allah bakal dilaksanakan pada minggu hadapan. Jadi tarikh terakhir kita akan buat keputusan pada perjumpaan ataupun mesyuarat tersebut. Dan kita mengambil kira apa Yang Berhormat Semerah sebut tadi tentang SPM dan sebagainya. Ada juga senario di mana mungkin buat pertama kalinya kita akan menganjurkan Para SUKMA dulu, kemudian baru kita buat SUKMA. Itu antara kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku.

Daripada segi kos dan sebagainya, suka saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan negeri banyak bekerjasama dengan kerajaan pusat untuk memastikan bahawa kalau adapun kos-kos tambahan disebabkan anjakan tarikh-tarikh SUKMA ini, mereka di peringkat Pusat akan membantu insya-Allah. Terima kasih Yang Berhormat.

**YB Speaker** : Paloh jemput.

**YB Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali (Paloh)** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

**YB Speaker** : Dua-dua ini bekas EXCO belaka (Dewan ketawa).

**YB Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali (Paloh)** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat juga YB EXCO, saya merujuk kepada situasi yang berlaku pada hari ini apabila kita melihat pandemik COVID-19 ini sebagai suatu *precedent* yang tak pernah berlaku pun sebelum ini dan juga *we're living in abnormal time*, sepertimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri. Dan sebelum saya pergi kepada soalan, kita mengambil juga angka-angka yang telah disebutkan di Dewan yang mulia ini, iaitu dianggarkan Johor akan mengalami pengangguran di kalangan warganya dengan sejumlah 173,000 atau lebih pada masa-masa akan datang. Dan juga pakar ekonomi Singapura meramalkan 45,000 sehingga ke 200,000 akan diberhentikan kerja di Singapura bagi mereka yang tinggal di Johor ini. Jadi ini satu keadaan yang sangat merunsingkan kita.

Soalan saya ialah apabila kita berdepan dengan situasi yang tidak pernah terjadi dan keadaan ini sangat gamat sekali, adakah di peringkat kerajaan negeri Johor pernah membincangkan berkaitan dengan meletakkan dahulu ke tepi keutamaan penganjuran SUKMA ini untuk kita memberi keutamaan ekonomi negeri ke arah kebajikan rakyat, khususnya apabila timbul isu-isu kehilangan pekerjaan, kemudian dan pelbagai lagi isu-isu ekonomi yang pada hemat saya menjadi lebih utama pada masa ini dan pakar yang mengkaji berkaitan dengan COVID-19 ini di dunia ini pun mengatakan paling-paling tidak dalam masa setahun ke dua tahun, kita akan berhadapan dengan situasi abnormal ini. Jadi adakah kerajaan negeri sekali lagi ada membincangkan tentang mengesampingkan terlebih dahulu...

**YB Speaker** : Menanggihkan...

**YB Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali (Paloh)** : Menanggihkan SUKMA ini bukan setakat ke tahun depan bulan 3 atau bulan 7, tetapi sehinggalah keutamaan diberikan kepada isu-isu ekonomi rakyat di negeri ini.

**YB Speaker** : Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Belia dan Sukan** : Terima kasih Yang Berhormat Paloh atas soalan yang bernas itu. Perkara ini ada dibincangkan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya kita pertimbangkan semua senario yang mungkin tetapi yang saya sebut tadi pada awal pembukaan jawapan saya kos yang ditanggung oleh kerajaan negeri dan juga kerajaan pusat hampir RM617 juta satu angka yang sangat besar dan kita tidak mahukan, tidak mahukan bahawa infrastruktur yang telah kita bina di mana majoritinya sudah siap hampir dalam lingkungan 95 hingga 98%. Ada bangunan-bangunan pun yang dah siap macam YB Semerah sebut tadi, velodrom dan sebagainya.

Kita tidak mampu dan kita tidak mahu melihat bangunan-bangunan ini menjadi gajah-gajah putih. Pada masa sama di Johor sendiri ada 839 atlit dan di mana mereka semua sedang dilatih dengan gigih oleh MSNJ, Encik Gadaffie pun ada di sini dan mereka semua diberikan elaun ada yang sedang *full time* menjadi atlit. Ini menjadi sumber pendapatan untuk mereka Yang Berhormat. Jadi, walaupun itu satu cadangan yang boleh dan mungkin perlu kita pertimbangkan tapi bila kita tengok *pro and con*, elok kita teruskan SUKMA di negeri Johor pada tahun depan, insya-Allah. Terima kasih Yang Berhormat.

**YB Speaker** : Soalan seterusnya Yang Berhormat Stulang.

**YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang)** : Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 6.

Apakah status perkembangan berkenaan dengan pembinaan laluan pejalan kaki berbumbung di CIQ BSI?

**YB Speaker** : Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada Stulang. Laluan pejalan kaki di tambak Johor dicadangkan apabila ramai pengguna mengambil keputusan berjalan kaki sama ada ke Singapura atau ke Johor Bahru bagi mengelakkan kesesakan yang berlaku di CIQ atau pun Bangunan Sultan Iskandar. Projek berkenaan telah dicadangkan kepada kerajaan persekutuan dan telah dibangkitkan dalam beberapa mesyuarat di peringkat persekutuan dan juga lawatan Menteri KDN ke CIQ baru-baru ini. Namun kerajaan negeri sehingga kini masih lagi menunggu kelulusan peruntukan dari Kementerian Dalam Negeri atau pun Kementerian Kerja Raya kerana pembinaan laluan itu akan dibuat di atas tambak Johor yang di selenggara oleh Lembaga Lebuhraya. So sehingga peruntukan itu di perolehi kita berharap melalui Dewan ini kerajaan negeri mengambil kesempatan supaya projek itu dipertimbangkan segera, terima kasih.

**YB Speaker** : Ya Stulang, jemput soalan tambahan.

**YB Tuan Chen Kah Eng (Stulang)** : Terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat EXCO. Jadi untuk makluman laluan pejalan kaki berbumbung ini merupakan satu projek yang dinanti-nantikan oleh mereka yang kerap menggunakan Tambak Johor. Jadi memanglah semua orang berharap dan saya berharap pihak EXCO, MB dan BPEN dan



juga kerajaan persekutuan boleh meneruskan usaha ini untuk mengerakkan projek ini agar tidak tergugur dan mengapa saya sentiasa merayu agar projek ini perlu dipercepatkan terutamanya semasa PKP ini. Semasa PKP di mana tambak Johor adalah orang yang menggunakan tambak Johor adalah kurang. Jadi sekiranya projek ini boleh dilaksanakan sekarang ataupun dalam masa terdekat ini ia boleh, satu menjimatkan kos, menjimatkan masa dan juga adalah lebih selamat kerana tiada orang yang menggunakan tambak Johor adalah kurang.

Jadi soalan saya, soalan tambahan saya adalah untuk laluan pejalan kaki ini adakah kerajaan akan berbincang dengan pihak Singapura agar pihak Singapura juga boleh membina laluan pejalan kaki berbumbung di sebelah sempadan Singapura kerana cadangan asal kita adalah laluan pejalan kaki berbumbung ini adalah sampai ke separuh Tambak Johor saja. Jadi adakah kalau boleh kita berbincang dengan pihak Singapura, agar Singapura juga boleh membina dari separuh tambak Johor sehingga sampai ke Woodlands untuk melengkapkan laluan pejalan kaki berbumbung di sepanjang Tambak Johor ini?

**YB Speaker** : Terima kasih, jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur** : Terima kasih Stulang kerana begitu prihatin dan beliau pun bersama saya pernah mengadakan lawatan ke tambak Johor. Memang sesungguhnya kerajaan negeri berharap agar projek ini dapat dilaksanakan dan kerajaan negeri telah mengemukakan cadangan yang kosnya menelan belanja RM30 juta bagi membina kemudahan ini dan pihak Singapura telah menyatakan kepada saya kepada kerajaan negeri mereka berminat untuk membina juga laluan berkenaan di sempadan Singapura. Dan pastinya sekiranya kita ada peluang untuk berbincang kita memang sentiasa berbincang untuk menambah baik kemudahan di tambak Johor termasuk juga laluan pejalan kaki berbumbung. Terima kasih.

**YB Speaker** : Soalan seterusnya, silakan Yang Berhormat Machap.

**YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap)** : Yang Berhormat Tuan Speaker soalan nombor 7.

Apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan negeri Johor dalam usaha menangani masalah bau dan lalat berpunca daripada ladang ternakan ayam?

**YB Speaker** : Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih di atas soalan daripada Yang Berhormat Machap. Untuk makluman Dewan yang mulia ini demi kebajikan rakyat dan masyarakat keseluruhannya dalam negeri Johor kerajaan negeri tidak berkompromi terhadap mana-mana pihak yang menyebabkan kacau ganggu dari segi pencemaran bau dan lain-lain daripada pengusaha-pengusaha ternakan walaupun realitinya industri ternakan ayam merupakan industri yang besar dalam negeri Johor. Negeri Johor mengeluarkan daging dan telur ayam 1/3 daripada pengeluaran negara. Kadar sara diri ayam pedaging sebanyak 197.7% manakala SSL untuk telur ayam adalah 206.12%.

Pada tahun 2019 telah melihat ke Singapura sebanyak 121,108.06 matriks tan ayam daging dan 31,346,94 matriks tan telur ayam ke negara tersebut. Jumlah ladang yang berdaftar dengan jabatan pada tahun 2020 adalah sebanyak 755 buah ladang dan berdasarkan perlesenan ladang unggas 2020 sebanyak 711 buah ladang telah dilesenkan dengan pecahan sebanyak 152 ladang tertutup dan 559 buah ladang terbuka. Sebanyak 21 buah ladang belum dilesenkan pada tahun ini kerana dalam proses ke arah reban tertutup atau

sedang membuat penambahbaikan. Semenjak 23 buah ladang telah diarahkan tutup pada 2020.

Yang Berhormat Tuan Speaker, jabatan sentiasa mengambil memberi khidmat nasihat dan ceramah dan pengajaran kepada penternak-penternak dalam setiap tahun untuk memberi kefahaman dan teknologi terkini pengurusan tinja dan kumbahan daripada ladang ayam. Jabatan juga menggesa penternak berubah kepada sistem reban tertutup dan memohon permit khas dan kebenaran merancang. Penekanan tentang pengurusan tinja dan kolam kumbahan turut dimasukkan dalam syarat-syarat tambahan lesen yang perlu dijalankan oleh penternak. Yang Berhormat Tuan Speaker, pada tahun 2012 pihak jabatan telah mengwujudkan satu unit yang dinamakan *RAPID incentive* ataupun RAT.

Bagi menangani isu masalah lalat di ladang penternakan unggas manakala bagi susur kacau ganggu lalat di lapangan Unit Kawalan Vektor Jabatan Kesihatan turut melaksanakan semburan di tempat-tempat awam. Dan ini sebenarnya diwujudkan di setiap daerah. Pelaksana permit khas atau untuk aktiviti ternakan ayam di atas tanah yang tidak yang tiada kategori atau kategori pertanian telah dikuatkuasakan mulai September 2019, kemudiannya dilanjutkannya hingga 30 Jun 2020 untuk penternak memohon permit khas ternakan ayam atau pun PTKA. Pejabat Tanah dan Galian juga dalam tindakan untuk menambah baik prosedur permohonan permit khas ternakan ayam PTKA. Tempoh 3 + 2 tahun diberikan kepada penternak reban terbuka untuk berubah ke reban tertutup.

Pada masa yang sama Yang Berhormat Tuan Speaker, pihak jabatan juga menitikberatkan hal berkaitan pengurusan tinja dan mengenakan syarat-syarat tambahan kepada penternak-penternak unggas.

Pertama, sisa buangan perlu dikeluarkan setiap minggu bawah daripada 12 hari, sebelum 12 hari daripada ladang, tempat penyimpanan bangsal kompos atau proses baja kompos.

Yang keduanya, elakkan tempat pembuangan pengumpulan sisa buangan berdekatan punca air bagi mengelakkan pencemaran air berlaku.

Pada masa yang sama juga dalam hal pengendalian sisa ayam penelur, sisa buangan jatuh ke atas pelapik dan dikeringkan secara semula jadi. Yang kedua, sisa buangan ayam dikeluarkan dari ladang setiap hari ke tempat penyimpanan untuk proses pengkomposan. Dalam hal urusan pengendalian ayam pedaging pula kita memperkenalkan dan menganjurkan agar diwujudkan reban tertutup. Ianya perlu dibersihkan pada setiap satu kitaran pengeluaran iaitu 30 hingga 40 hari. Yang keduanya, mengandungi kelembapan dan perlu mempunyai sistem yang sesuai, untuk mengurangkan pencemaran bau serta pembiakan lalat.

Yang ketiganya, pengudaraan adalah sangat penting dan ia perlu diadakan dengan kesesuaian yang ada dan melalui dinding terbuka untuk menggunakan alat mentalasi.

Untuk reban terbuka ianya mestilah perlu kerap dibersihkan kurang daripada 2 minggu untuk memutuskan kitaran hidup lalat supaya tidak membiak. Yang keduanya, adalah penggunaan mikro efektif ataupun EM habuk dan abu kayu boleh dipraktikkan untuk membantu dan mengawal pembiakan lalat di ladang ternakan. Pada masa yang sama Tuan Speaker penggunaan teknologi biogas, ini adalah kawalan pencemaran terutamanya air buangan ataupun bau dan ia adalah proses penguraian bahan organik secara *anaerobic* ataupun tertutup di dalam tangki pencemaran *digester*. Ini adalah di kalangan agar tidak ada kacau ganggu dari segi bau yang disebabkan oleh penternak-penternak khususnya peserta ayam dalam negeri Johor Darul Ta'zim. Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput Machap.

**YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar (Machap)** : Terima kasih kepada Tuan Speaker, terima kasih kepada EXCO menjawab soalan saya berkaitan dengan usaha-usaha yang telah dilakukan bagi mengatasi masalah kacau ganggu lalat dan bau. Untuk pengetahuan di Simpang Renggam ada lebih kurang 42 pengusaha ladang ternakan ayam, jadi Machap sahaja ada 20 pengusaha ladang ternakan ayam yang melibatkan ladang ternakan ayam daging baka dan penelur. Walaupun kebanyakan daripada pengusaha ladang ternakan ayam ini menjelaskan bahawa mereka beroperasi mengikut SOP yang telah ditetapkan tetapi masih lagi terdapat kacau ganggu dari segi bau dan juga lalat kepada penduduk di persekitaran. Jadi apakah tindakan yang lebih tegas yang boleh diambil bagi mengatasi masalah ini daripada berlarutan. Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih soalan tambahan. Untuk maklumat jabatan telah pun melaksanakan lawatan bersepadu ke reban-reban ayam di kawasan Machap yang melibatkan Pejabat Daerah Kluang, Pejabat Tanah Kluang, BAKAJ, Majlis Daerah Simpang Renggam, PLAN Malaysia dan Jabatan Pertanian di sekitar Machap pada 1 hingga 3 September 2020. Lawatan ini dijalankan bagi membolehkan setiap agensi mengambil tindakan di bawah kuasa masing-masing. Setiap agensi juga telah bersetuju agar lawatan bersepadu ini dijalankan secara berkala pada setiap bulan, setiap 3 bulan.

Lawatan dijalankan di atas 20 buah ladang di sekitar Machap. Hasilnya, hasil kepada lawatan ini, 14 buah ladang dilaporkan tiada kemasukan ayam, 4 buah ladang tiada kemasukan ayam, 4 buah ladang tiada kemasukan ayam kerana dalam proses ke arah reban tertutup, 1 buah ladang mempunyai ayam berumur 14 hari dan 1 buah ladang didapati cuba untuk membuat pelepasan *effluen*. Namun, tindakan serta merta memastikan punca *effluen* ditutup oleh pengusaha telah diambil tindakan dan pada masa yang sama mereka berpuas hati dengan keadaan yang ada.

Pada masa yang sama juga, Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin maklumkan bahawa penguatkuasaan undang-undang juga dijalankan bagi urusan untuk memastikan bahawa kurangnya mengurangkan dan meniadakan kacau ganggu dari soal bau. Apabila merujuk kepada Enakmen dan Perlesenan Ladang Penternakan Unggas 1997, Bahagian 4 Kesalahan-Kesalahan, Perkara 16 Bahagian 1, adalah menjadi kesalahan bagi pemegang lesen sama ada dengan sengaja atau tidak sengaja membuang mana-mana karkas unggas, *awful* ataupun sisa unggas atau melepaskan sisa kumbahan unggas yang tidak dirawat di dalam mana-mana sungai, anak sungai, air parit dan juga saluran pengairan.

Yang keduanya, seseorang pemegang lesen adalah dianggap telah membuang karkas unggas, *awful*, sisa unggas atau melepaskan sisa kumbahan unggas ke dalam sungai, anak sungai, parit air, darat atau saluran pengaliran, jika dia gagal mengambil sebarang tindakan pencegahan atau usaha untuk mencegah pelepasan atau buangan itu. Bahagian 17 juga, Bahagian 1 menyatakan seseorang pemegang lesen hendaklah mengambil langkah-langkah atau usaha-usaha tertentu bagi mencegah pelepasan atau mengeluarkan bau-bauan atau gas tidak enak dan busuk daripada ladang unggas yang menyebabkan kacau ganggu kepada orang awam.

Pada masa yang sama juga, Yang Berhormat Dato' Speaker, Tuan Speaker, pihak kerajaan juga melalui Enakmen ini menyatakan jika pengarah menerima sebarang aduan dari mana-mana orang atau badan bahawa sesuatu ladang unggas itu melepaskan atau mengeluarkan bau atau gas yang tidak enak, busuk atau menyebabkan kacau ganggu kepada awam, Pengarah hendaklah menyebabkan satu siasatan dibuat mengenai aduan tersebut. Bahagian 18, Perkara 18, Perenggan 1, seseorang pemegang lesen hendaklah menjaga

dan menyenggara kebersihan ladang unggasnya pada setiap masa dan hendaklah mengambil langkah-langkah untuk mencegah mana-mana keadaan yang menggalakkan pembiakan lalat, serangga dan makhluk perosak yang boleh menjadi punca kemudaratan kesihatan dan kacau ganggu.

Bahagian 2, Perkara Kali Kedua adalah menjadi kesalahan kepada pemegang lesen sama ada dengan sengaja atau tidak sengaja atau membenarkan atau menyebabkan dibenarkan ladang unggasnya berada dalam keadaan tersebut yang melanggar Sub Seksyen 1. Jika penternak didapati melakukan kesalahan, kompaun bernilai maksimum RM2,000.00 serta notis tunjuk sebab akan dikeluarkan dan penternak perlu mengemukakan laporan penambahbaikan dalam tempoh 30 hari. Sekiranya penambahbaikan gagal dilakukan, tindakan penarikan balik lesen akan dilaksanakan. Bagi kesalahan yang berulang, saman Mahkamah akan dikenakan tidak melebihi RM10,000.00 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau keduanya. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

**YB Speaker :** Ya, Skudai.

**YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat Tuan Speaker, isu ini selalu kita lihat perkara ini boleh diselesaikan dengan adanya pelaburan ke dalam apa tu, teknologi tinggi, bagaimanapun, walaupun kita tahu pendekatan dia atau cara penyelesaian masih lagi masalah ini berleluasa atau masalah ini masih lagi berlarutan. Jadi, antaranya adalah apabila pengusaha-pengusaha ladang ni apabila mereka ingin membuat pelaburan ke atas teknologi ini mereka ada menghadapi kekangan lain ataupun masalah lain seperti kadang kala mereka menghadapi masalah hak milik ladang mereka ataupun syarat guna tanah untuk ladang mereka tidak memadai apa syarat terbaru, syarat guna tanah terbaru untuk mengizinkan pengusaha-pengusaha ladang ini membuat apa tu, pelaburan yang bernilai kadang berpuluh juta ringgit dan saya lihat apabila Yang Berhormat EXCO tadi kata usaha kerajaan adalah ambil tindakan penguatkuasaan tapi untuk kategori ini mereka sebenarnya bukan perlukan penguatkuasaan, mereka perlukan bantuan dan khidmat nasihat untuk bagaimana mereka boleh terus rasa selamat dan *secure* dengan izin atau ada jaminan untuk membuat pelaburan ke atas teknologi.

**YB Speaker :** Soalan dia?

**YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) :** Soalan dia adalah, adakah kerajaan bersedia untuk membantu selain daripada menguatkuasa untuk menangani isu-isu yang berlaku pada hari ini?

**YB Speaker :** Jemput, YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar :** Terima kasih Skudai. Satu perkara yang baik diketengahkan. Sukacita dimaklumkan bahawa kita tidak, memang tidak berkompromi kepada mana-mana pihak yang menyebabkan kacau ganggu, kerana kepada kita adalah kita mementingkan kebajikan dan juga hal ehwal masyarakat keseluruhannya. Dalam hal ini, pihak kerajaan telah pun mencadangkan kepada mereka, pertama adalah untuk menukar daripada reban terbuka kepada reban tertutup.

Saya faham tentang masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha dalam urusan untuk membuat reban tertutup mereka terpaksa mendapatkan kebenaran dan mendapatkan KM (Kebenaran Merancang) daripada pihak jabatan yang berkenaan dan pada masa yang sama juga mereka harus menukar kepada ubah syarat yang mengikut ketentuan. Perkara ini adalah penting untuk memastikan agensi-agensi yang terlibat melihat kepada tapak tersebut sebelum kebenaran diberi.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan melalui PTG juga melihat dan jabatan melihat kepada soal kos yang terlibat dalam urusan ini. Soal kos sahaja tetapi soal ubah syarat, syarat mesti ikut dan ianya tidak berada dalam contohnya dalam tadahan air dan kawasan-kawasan yang berdekatan dengan penduduk sebenarnya mesti diikuti tetapi pada masa yang sama kita akur kerana melihat kepada urusan untuk menukarkan reban terbuka kepada reban tertutup ini kosnya begitu besar. Jadi, kita tidak mahu *charges, any charges* dengan izin yang dirasakan bahawa tidak relevan dan membebankan ianya dikurangkan di masa hadapan. Itu sahaja yang boleh bantuan pada kerajaan tetapi pada masa yang sama kita juga meminta para pengusaha untuk melihat tentang kebajikan dan susun atur reban masing-masing agar ia tidak menyebabkan masalah, kalau tidak ada masalah, tidak apa pun, tidak ada masalah, sedangkan industri ini menyumbang hasil yang besar kepada pihak kerajaan dan negara. Terima kasih Yang Berhormat.

**YB Speaker** : Jam hampir 11.00 pagi sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama. Kita tangguhkan Persidangan sehingga pukul 11.20 pagi.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.**

**Persidangan disambung semula pada jam 11.20 pagi.**

**Jurutulis : SOALAN-SOALAN BERTULIS.**

**Jawapan-jawapan kepada Soalan Bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.**

**SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENGENAI PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI IHSAN JOHOR 2020.**

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat Perbahasan itu disambung sekarang. Jemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

**YAB Menteri Besar** : Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada Buluh Kasap, daripada Bukit Pasir, Johor Lama, daripada Mengkibol, Bukit Batu dan juga Kota Iskandar. Hujahan dan saranan Yang Berhormat amat dipandang serius oleh pihak kerajaan negeri.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dengan rasa rendah diri, patik menjunjung setinggi kasih kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim atas kepercayaan yang diberikan kepada patik untuk mengurus tadbir kerajaan negeri. Patik dan semua jentera pentadbiran negeri akan menjalankan tugas dan amanah dengan sebaik mungkin dan sentiasa menjunjung Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor serta menerima nasihat-nasihat Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya telah katakan ketika pembentangan Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor, bahawa permasalahan yang dihadapi kita sekarang tidak pernah dialami sebelum ini. *Our predicament is beyond comprehension, no one knows the end of it and no one have the right prediction to solve it*, dengan izin. Permasalahan kita ini menjangkau kefahaman konvensional, kita tidak tahu bila ia berakhir. Meskipun ramai ahli-ahli akademik, ahli-ahli ekonomi meramalkan dengan pelbagai ramalan, jujurnya pengakhiran kepada COVID-19 tidak boleh dipastikan. Atas kejanggalan inilah, saya menyeru semua pihak untuk *do the right thing, to do what is appropriate for Johor and its*

*people* dengan izin. Dan selepas mendengar perbincangan-perbincangan daripada pembahas daripada pihak kerajaan mahupun pembangkang, saya percaya kita semua sudah cukup matang untuk mengutamakan kepentingan negeri melebihi kepentingan peribadi dan kepentingan blok kepartian.

Saya faham Ahli-Ahli Yang Berhormat semua inginkan kepastian, adakah kita benar-benar kuat dan bersedia untuk menghadapi *the edge of uncertainty*, dengan izin atau zaman ketidakpastian masa hadapan. Ya, kita punya kekuatan, ya, kita punya kesediaan, ini kerana pertama, pengurusan fiskal kita yang amat baik. Kita telah berjaya melaksanakan konsolidasi fiskal kepada semua Pusat Tanggungjawab dan Pegawai Pengawal melalui semakan semula kepada Belanjawan 2020. Ini termasuklah menyusun dan menstrukturkan semula peruntukan mengurus dan pembangunan ke atas 52 Pegawai Pengawal dan 147 Pusat Tanggungjawab.

Kita telah berjaya juga meningkatkan kutipan hasil dan kecekapan perbelanjaan. Dan kita telah berjaya dalam mengenalkan dasar serta polisi yang bersesuaian mengikut konteks ekonomi semasa. Kita juga telah berjaya dalam mengenalkan dasar serta polisi yang bersesuaian mengikut konteks ekonomi semasa kita. Saya ambil maklum mengenai saranan Kota Iskandar untuk menggunakan rizab tunai kerajaan negeri. Kerajaan telah mengambil langkah untuk melaksanakan semakan semula Belanjawan Johor 2020. Kerajaan negeri menganggarkan akan berlaku defisit ke atas kedudukan kewangan negeri sebanyak RM134.36 juta. Defisit ini akan ditampung melalui rizab negeri yang sedia ada. Ini menunjukkan bahawa kita sedia tahu yang rizab negeri harus digunakan jika ianya perlu, itulah prinsip kita. Saya akui wujud propaganda-propaganda politik yang mengatakan kerajaan negeri tidak berani untuk menggunakan rizab negeri. Di sini, saya harap Ahli-Ahli Yang Berhormat faham, meskipun rizab negeri kita berada pada tahap yang memuaskan namun ia harus digunakan untuk program-program dan inisiatif yang tertumpu, inisiatif yang berfokus dan penuh bertanggungjawab, jangan asal guna dan asal buat. Jika pun Pakatan Harapan berhemah dalam perbelanjaan ketika mereka menjadi kerajaan dahulu ianya bukanlah sesuatu yang memajukan. Kerana konteks pada ketika itu berlainan daripada sekarang, bagai langit dan bumi. Dan kerajaan negeri juga bersetuju secara prinsip bahawa belanjawan Johor 2020 adalah belanjawan yang sewajarnya defisit. Kita akan gunakan segala sumber yang ada untuk *recovery*, *recovery* dan *recovery*, dengan izin.

Kedua Yang Berhormat Tuan Speaker, kekuatan kita dalam menghadapi COVID-19 adalah kerajaan negeri ingin memberi fokus yang serius kepada soal kemiskinan. *We need to seriously approach poverty and overcome it*. Dan usaha ini telah pun dilakukan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor. Usaha ini juga akan diteruskan, akan ditambah baik lagi. Antara inisiatif yang telah dilakukan adalah pelaksanaan Bantuan Bakul Makanan, berupa barangan keperluan harian yang telah diperluaskan di seluruh negeri. Termasuklah kepada golongan sasaran dalam kalangan penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam senarai e-kasih sebagai asnaf, sebagai Orang Kurang Upaya, masyarakat Orang Asli dan golongan yang hilang pekerjaan. Kita juga telah membelanjakan sebanyak RM8.54 juta iaitu lebih tinggi berbanding peruntukan asal kerana kita memahami golongan sasaran yang lebih meluas. Bantuan ini telah memanfaatkan sebanyak 86,100 penerima. Permohonan adalah berdasarkan senarai penerima bantuan sedia ada dan juga berdasarkan permohonan yang telah diterima oleh Pejabat-pejabat Daerah.

Antara inisiatif juga termasuklah pelaksanaan Bantuan Tunai Ihsan Johor yang telah memanfaatkan seramai 41,565 daripada keseluruhan pemohon. 36,345 pemohon adalah penerima bantuan RM250.00 dan 3,220 pemohon adalah penerima bantuan RM500.00. Saya akui wujud banyak penambahbaikan yang boleh kita buat. Bantuan Tunai Ihsan Johor ini merupakan kali pertama dilakukan. Ini adalah kali pertama dilakukan juga dengan skala yang begitu besar. Maka data dan informasi penerima yang sahih amatlah sukar untuk diperolehi. Selain itu, wujud juga keperluan untuk kita mengkategorikan semula klasifikasi

B40 dan M40 mengikut konteks ekonomi semasa. Kita tidak boleh 100% bergantung kepada klasifikasi yang lama.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pokoknya Johor *is committed in managing poverty*, dengan izin. Pandemik ini bukan sahaja telah mengganggu momentum aktiviti ekonomi negeri, namun ia telah menunjukkan sisi sebenar kemiskinan yang selama ini sudah berakar dalam masyarakat. Kita juga mahu terus membela dengan izin, *the most vulnerable segment of the society* atau segmen masyarakat yang paling terdedah kepada keadaan ekonomi sekarang. Atas sebab itu juga pelaksanaan Bantuan Bakul Makanan akan terus dilaksanakan. Dalam masa terdekat Perbadanan Usahawan Johor Berhad (PUJB) akan membekalkan lebih 30,000 bakul makanan asas yang bernilai RM100.00 bagi setiap bakul makanan.

Kerajaan negeri akan membuat penyelarasan bersama-sama dengan Pejabat-pejabat Daerah serta agensi-agensi yang berkaitan bagi urusan pengagihan kepada penerima yang mana kumpulan sasar bagi program-program ini adalah golongan miskin dan miskin tegar termasuklah golongan yang terjejas semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Butiran-butiran selanjutnya berkenaan program ini akan saya umumkan kelak.

Yang Berhormat Tuan Speaker, bukan itu sahaja, penglibatan pelbagai GLC, *Government Link Company*, dengan izin, dalam membantu memulihkan ekonomi kita melalui *Corporate Social Responsibility* (CSR), perlu juga diketengahkan. Antaranya ialah Johor Corporation (JCORP) dan Iskandar Regional Authority (IRDA). Pihak JCORP telah melakukan inisiatif seperti yang pertama, bantuan berjumlah RM3 juta bagi membiayai pembelian 20 unit bantuan pernafasan (RVM) untuk keperluan pesakit di Unit Rawatan Rapi. Dana diuruskan oleh Yayasan Sultan Ibrahim Johor dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor telah berkenan menyerahkan 42 unit RVM kepada pihak hospital-hospital di seluruh negeri Johor. Bantuan disumbangkan oleh JCORP bersama Kulim Berhad, KPJ Healthcare Berhad, QSR Brand Holding Berhad, Johor Land Berhad, Damansara Asset Sdn. Bhd, Damansara Reit Managers Sdn. Bhd. dan Waqaf Annur Corporation Berhad.

Kedua, bantuan berjumlah RM727,849.00 dalam bentuk barangan juga telah diberikan oleh Kulim, JLand, KPJ Healthcare, QSR, Damansara Asset dan Kara Holding (KARA). Sumbangan adalah dalam bentuk Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE) dan peralatan perubatan bagi kegunaan hospital seperti termometer, produk nanas Melita, set hidangan KFC dan Pizza Hut serta produk Ayam as kepada pasukan petugas hadapan. Manakala Iskandar Regional Development Authority (IRDA) pula telah menjalankan pelbagai inisiatif seperti inisiatif IM Makmur iaitu program pemerksaan golongan sasar yang melibatkan 3 skim bantuan, iaitu latihan untuk penjanaan pendapatan, bantuan pendidikan generasi kedua dan dana untuk NGO untuk menjalankan projek-projek bersama golongan sasar dengan peruntukan sebanyak RM6 juta. Peruntukan disalurkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang berada di dalam kawasan IRDA.

Kedua inisiatif IM Urban Farming, ianya adalah projek pertanian bandar secara berkumpulan dengan konsep *farm to eat* dan *farm to sell*. Projek ini telah secara langsung telah membantu mengurangkan kos sara hidup mereka yang berada di kawasan bandar. Antara komuniti yang dikenal pasti dalam inisiatif ini adalah Kawasan Rukun Tetangga Bandar Baru Uda, Kawasan Rukun Tetangga Presint Bakti, Kawasan Rukun Tetangga Flat Sri Stulang dan Pertubuhan Komuniti Jentayu Kangkar Pulai.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya memahami kekecewaan Kota Iskandar. Saya sedar bahawa banyak perkara yang boleh diperbaiki terutama sekali karenah birokrasi dalam proses permohonan, pengurusan data dan pemberian Bantuan Tunai Ihsan Johor mahupun Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor Siri Pertama ataupun Siri Kedua. Kerana itulah

ada 2 langkah yang sedang dan terus diambil oleh kerajaan negeri dalam meminimumkan karenah birokrasi.

Pertama, Pendigitalan Sistem Penyampaian Kerajaan Johor harus diperkemas, diperkuat dan disebarluaskan. Untuk itu *Johor Digital Master Plan* seperti dalam Ikhtiar Kedua, 7 Ikhtiar Makmur perlu dilaksanakan segera dan ia akan dilaksanakan dengan melibatkan semua pihak pemegang taruh.

Kedua, kerajaan negeri di bawah pentadbiran saya mengamalkan sistem dan budaya kerja berdasarkan *Key Performance Indicator* (KPI). Objektif KPI adalah untuk mengukur keberhasilan inisiatif atau program di dalam Belanjawan 2020. Kesemua KPI ini harus dicapai oleh para EXCO dan jabatan-jabatan berkaitan di bawah portfolio mereka. Sistem dan budaya kerja seperti ini jelas sekali telah memutuskan pelbagai jenis karenah birokrasi. Namun ianya baru bermula dan banyak lagi penambahbaikan yang boleh dilaksanakan. Sistem dan budaya kerja ini berdasarkan pendekatan 5 langkah untuk agenda kepimpinan berprestasi.

Langkah tersebut adalah :

1. Pemetaan, hala tuju strategik seperti bajet tahunan atau lain-lain pengumuman termasuklah Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor Siri 1 dan Siri 2 dan 7 Ikhtiar Makmur Johor.
2. Penetapan iaitu setiap EXCO perlu mengambil pemilikan daripada Titik Fokus Bajet untuk merangka KPI masing-masing, kemudian harus dibentangkan kepada saya.
3. Pelaksanaan.
4. Pemantauan dan juga pelaporan iaitu EXCO perlu menyediakan laporan KPI setiap suku tahun yang berakhir pada bulan Mac, Jun, pada bulan September dan juga pada bulan Disember.

Pada masa yang sama, Johor Indeks Prestasi Sistem atau JIPS di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor bahagian Pemantauan dan Kesejahteraan Rakyat merupakan platform yang disediakan untuk memantau pelaksanaan setiap Titik Fokus dan setiap Inisiatif yang dijalankan oleh jabatan-jabatan. Di sini dapat dilihat bahawa pengurusan kerajaan negeri dapat diurus dengan struktur yang lebih teratur di mana jabatan memperoleh hala tuju dan sasaran gerak kerja yang jelas melalui pelaksanaan KPI EXCO-EXCO. Sebanyak 125 daripada 180 Titik Fokus telah berjaya mencapai 50% hingga 85% pelaksanaan, setakat tempoh setengah tahun ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berdasarkan perbincangan-perbincangan pada hari Khamis yang lepas, wujud ruang penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh kerajaan negeri dalam memperkukuhkan usaha mendepani keadaan ekonomi semasa:

1. Adalah mengenai fungsi Pihak Berkuasa Tempatan.
2. Adalah peranan aktif GLC, *Government Link company*.
3. Adalah pembukaan sepenuhnya sempadan Johor – Singapura.

Mengkibol telah berhujah mengenai peranan jabatan-jabatan kerajaan yang harus memberi bantuan dan bimbingan kepada peniaga dan pengusaha. Saya akui peranan Pihak Berkuasa Tempatan amat mustahak pada masa ini. Atas semangat itulah ketika saya melakukan lawatan kerja rasmi ke Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri tempoh hari, saya telah menyeru Pihak Berkuasa Tempatan untuk



memberikan peluang, ruang dan dukungan perniagaan kepada para peniaga kecil-kecilan. Cipta ruang perniagaan, cipta insentif-insentif untuk ibu-ibu tunggal dan para belia untuk meniaga dan mencipta pekerjaan. Kelulusan lesen-lesen perniagaan juga perlulah disegerakan. Sekarang bukan masa untuk menguatkuasa semata-mata. Ya, undang-undang perlu dipatuhi tetapi dalam konteks semasa Pihak Berkuasa Tempatan harus sentiasa mencari jalan untuk menyokong dan bukan menghukum. Seperti contoh, bagi peniaga kecil yang memohon lesen daripada pihak PBT, mereka mesti diberi kelulusan segera kalau dapat dalam tempoh 24 jam. Ataupun mereka diberi lesen sementara, inisiatif ini juga mesti dijalankan selepas tempoh PKP sebagai satu galakan kerajaan negeri untuk mereka.

Mengkibol juga mengetengahkan kekhuatiran beliau mengenai prestasi kewangan *Government Link Companies* serta peranan mereka dalam usaha pemulihan ekonomi negeri Johor. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerajaan negeri sedang menjalankan kajian transformasi GLC-GLC. Latar belakang Kajian Transformasi GLC-GLC ini adalah :

1. Untuk meningkatkan nilai tambah GLC kepada kerajaan negeri.
2. Untuk memastikan strategi GLC selari dengan hasrat kerajaan negeri.
3. Menubuhkan satu bentuk struktur GLC yang lebih efektif dan efisien.
4. Mewujudkan satu rangka kerja dasar dan *governance* yang konsisten untuk semua GLC.
5. Mengukuhkan dan membentuk satu rangka kerja pemantauan dan akauntabiliti dan;
6. Menaik taraf ketulusan hasil dan usaha setiap GLC yang terlibat.

GLC yang terlibat adalah Kumpulan Prasarana Rakyat Johor, Permodalan Darul Ta'zim, Perbadanan Islam Johor Holdings dan Yayasan Pelajaran Johor Holdings termasuklah *State Secretary Incorporated* (SSI) sebagai institusi induk pelaburan kerajaan negeri Johor. Pemilihan GLC-GLC di atas adalah atas rasional. Ianya mempunyai kapasiti pelaburan yang paling besar kepada kerajaan ini. Selain itu, kapasiti dan struktur mereka harus dikukuhkan supaya dapat memberi upaya pelaburan yang lebih baik pada masa hadapan.

Saya turut berkongsi kekhuatiran yang dibahaskan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai isu pembukaan sempadan Johor - Singapura. Antara perkara pokok yang menyebabkan kelembapan ekonomi Johor adalah tutupnya sempadan kita dengan Singapura, itu sahaja. Atas sebab itu juga, kerajaan negeri amat konsisten dalam menggesa kerajaan persekutuan agar membuka pintu sempadan kita dengan Singapura. Kita akui bahawa pembuat-pembuat dasar perlu mengimbangi di antara *live and livelihood*. Sama juga dalam hal pembukaan sempadan ini. Saya menyambut baik pendirian Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk menggandakan jumlah ujian *swab* di bawah skim Laluan Hijau Timbal Balik (RGL) dan juga Peraturan Ulang Alik Berkala, *Periodical Commute Arrangement* (PCA). Apatah lagi untuk membuka sepenuhnya sempadan Malaysia - Singapura tertakluk atas protokol dan prosedur kesihatan tertentu. Bercakap tentang mengimbangi *live and livelihood* ini, Yang Berhormat Bukit Batu telah membangkitkan mengenai sekatan, *blanket rule* terhadap sektor hiburan. Sejujurnya, taman-taman tema keluarga telah dibuka seperti Legoland dan sebagainya kerana mereka boleh mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Pokoknya, jika industri itu boleh mematuhi SOP daripada Majlis Keselamatan Negara, maka tidak ada masalah untuk ia terus beroperasi dan tidak akan timbul isu seakan-akan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak kisah terhadap nasib industri berkenaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, berdasarkan perbahasan pada hari Khamis yang lalu juga, wujud beberapa cabaran yang mendesak yang telah diutarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan. Pertama, adalah isu pengangguran dan kedua adalah isu moratorium. Isu pengangguran adalah isu nasional. Ia adalah isu global, ia juga adalah isu struktur ekonomi dan pasaran buruh atau *labour market*, dengan izin. Apatah lagi dalam konteks ekonomi masa sekarang. Iklim perniagaan yang kurang memberangsangkan dan

derasnya penggunaan teknologi, *big data* dan *artificial intelligent* menyebabkan pekerjaan yang wujud selama ini mungkin sudah tidak ada lagi sekarang. Ia diganti dengan pekerjaan baru yang memerlukan set kemahiran yang berlainan dari dahulu.

Untuk makluman semua, wujud beberapa inisiatif yang dijalankan oleh agensi dan pihak berkaitan dalam usaha untuk mengatasi isu pengangguran. Antaranya adalah pertama, Minggu Kerjaya Johor Tahun 2020 merupakan inisiatif Unit Strategik Modal Insan Johor dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja dan juga *Jobs Malaysia Johor*. Pencari kerja yang berminat untuk hadir ke sesi temu duga perlu membuat pra pendaftaran secara *online*. Hanya pencari kerja yang telah di senarai pendek sahaja akan dijemput untuk hadir ke tempat yang telah ditetapkan sama ada di Johor Bahru, Muar ataupun Kluang. Temu duga dijalankan secara janji temu pada 21 hingga 23 September 2020 ini serentak di ketiga-tiga lokasi iaitu di Dewan Muafakat UTC Johor Bahru, Dewan Maharani di Stadium Muar dan juga di Pejabat Tenaga Kerja Daerah Kluang.

Lebih 1,000 jawatan kosong telah ditawarkan dengan minimum kelayakan akademik SPM sehinggalah ijazah dengan penglibatan 30 majikan dari sektor pelbagai industri atau perniagaan seperti pembuatan, peruncitan, makanan dan perkhidmatan. Kedua, wajar untuk Dewan ini dimaklumkan mengenai data kekosongan jawatan di portal *Jobs Malaysia*. Setakat ini sebanyak 44,964 jawatan kosong yang terdapat portal *Jobs Malaysia*. Ia melibatkan 18 sektor industri yang menawarkan jawatan kosong mengikut *Malaysia Standard Industri Classification*. Jawatan-jawatan ataupun sektor yang ditawarkan termasuklah pertanian dan perhutanan serta perikanan dengan kekosongan sebanyak 5,548 jawatan. Sektor pembuatan sebanyak 26,137 jawatan. Sementara bagi sektor bekalan elektrik, gas dan pendingin udara terdapat 37 kekosongan. Bagi sektor bekalan air, pembetulan, pengurusan sisa dan aktiviti pemuliharaan sebanyak 973 kekosongan. Sektor pembinaan 2,800 kekosongan sementara sektor perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan motor dan motosikal sebanyak 362 kekosongan.

Selain daripada itu, kekosongan-kekosongan yang tertera dalam portal *Jobs Malaysia* termasuklah pengangkutan dan penyimpanan sebanyak 2,049 kekosongan. Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman 889 kekosongan. Sementara sektor aktiviti kewangan, insurans dan takaful sebanyak 636 kekosongan dan aktiviti-aktiviti perkhidmatan lain sebanyak 3,969. Meskipun begitu, kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan akan sentiasa bekerja sama melalui agensi dan juga pihak-pihak berkaitan untuk memastikan kadar pengangguran di Johor berada pada tahap yang paling minima.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam masa terdekat tempoh moratorium bayaran pinjaman bank dan juga subsidi upah yang bakal tamat adalah dalam pengetahuan kerajaan. Namun begitu, kerajaan persekutuan akan memperkenalkan bantuan bank bersasar kepada individu yang kehilangan pekerjaan untuk tiga bulan dan mereka yang terjejas pendapatan untuk sekurang-kurangnya selama enam bulan. Lanjutan yang diberikan adalah tertakluk kepada keadaan gaji semasa individu yang berkenaan. Bank Negara Malaysia juga telah melaporkan bahawa banyak peminjam yang awalnya memilih untuk menyertai moratorium ini telah mula menyambung semula pembayaran balik pinjaman. Kesemua inisiatif-inisiatif di atas adalah untuk membantu melancarkan aliran tunai individu dan para peniaga yang jelas terjejas akibat keadaan ekonomi semasa.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya percaya kerajaan yang ada ini tidak terlibat dalam perbincangan pindaan cukai tanah kerana kita sebagai pembangkang waktu itu dan kita tidak pernah terlibat dalam proses pindaan cukai tanah. Walaupun begitu, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab dalam melaksanakan keputusan yang telah dibuat di dalam Dewan yang mulia ini dan juga menyahut saranan Buluh Kasap untuk kerajaan mengkaji semula kadar cukai tanah yang telah menjadi terlalu tinggi oleh kerana keadaan ekonomi semasa. Maka itu, saya umumkan jumlah cukai tanah dikurangkan dalam bentuk rebat pada kadar

15% untuk tahun 2020, 10% pada tahun 2021 dan 5% pada tahun 2022. Perkara ini adalah bertujuan menyantuni keluh resah rakyat dan dalam masa yang sama pendekatan ini turut diperkenankan oleh Ke Bawah Duli Tuanku. Saya sedar dan faham pemberian rebat ini akan mengurangkan hasil kepada kerajaan negeri pada tahap yang amat luar biasa.

Seperti yang semua tahu, sumbangan hasil daripada cukai tanah menyumbang hampir sebanyak 70% kepada pendapatan kerajaan negeri tetapi saya percaya semua ini adalah tindakan luar kebiasaan bagi memastikan keluhan semua pihak didengari dalam keadaan ekonomi semasa yang getir sekarang. Keprihatinan kerajaan atas kesempitan yang dihadapi oleh rakyat sesungguhnya difahami oleh kerajaan sejak bermulanya pandemik COVID-19 ini. Malah, pada bulan Mac lagi pemberian potongan 50% cukai tanah untuk tanah rizab Melayu bagi pemilik tanah yang memiliki tidak lebih daripada 5 hektar juga telah dilaksanakan dan diumumkan. Peluasan dari 4 hektar asalnya kepada 5 hektar bagi melayakkan pemotongan 50% cukai tanah secara langsung dapat meringankan beban masyarakat luar bandar khususnya di tanah rancangan FELDA.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para penderma, kepada Kumpulan Wang Amanah Tabung Bencana Negeri Johor. Sehingga 7 hari bulan September 2020, Kumpulan Wang Amanah tersebut mencatatkan tabungan sebanyak RM29 juta dalam bentuk tunai. Selain itu, sumbangan juga diberikan dalam bentuk barangan dan peralatan kesihatan seperti Peralatan Perlindungan Diri (PPE), cecair pembasmi kuman dan juga pelitup muka. Terima kasih semua, Johor akan sentiasa mengingati sumbangan-sumbangan anda semua.

Yang Berhormat Tuan Speaker, jelaslah bahawa keadaan ekonomi semasa memerlukan dorongan, sokongan dan tujahan yang konsisten. Sama ada oleh pihak kerajaan, pihak GLC, Pihak Berkuasa Tempatan, badan-badan NGO dan para individu-individu. Usaha pemulihan ekonomi Johor tidak harus terhenti sekadar pakej-pakej rangsangan sahaja dan hasilnya kita tidak boleh mengharapkan berbuah dalam masa yang terdekat.

Seperti yang saya katakan pada Khamis yang lalu, jalan keluar dari permasalahan sekarang amatlah sukar dan berliku-liku. Namun, dengan dukungan semua pihak terutama sekali Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya percaya kita akan dapat tempuhnya bersama. Bagi mengakhiri penggulungan perbahasan Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor 2020, izinkan saya untuk mengatakan bahawa dan menyeru kepada Ahli Dewan marilah kita amalkan cara hidup ibarat resmi serumpun bak serai, sesusun bak sireh. *We cannot be separated in interest or divided in purpose, we stand together until the end of COVID-19.* Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju dijemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

**Jurutulis : RUNDINGAN MENGENAI PELANTIKAN PENERUSI DAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI, JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN DEWAN NEGERI, JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH TETAP DEWAN NEGERI.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membawa rundingan mengenai Pelantikan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri, Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri, Jawatankuasa Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri. Pelantikan ini adalah bagi menggantikan Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa ketiga-tiga Jawatankuasa. Mengikut Peraturan Tetap Bilangan 110(2), Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor, Jawatankuasa Kira-Kira Raya dianggotai oleh seorang Pengerusi dan tidak lebih daripada enam orang Ahli. Nama yang dicadangkan adalah seperti berikut :

## **JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA.**

Ahli-Ahlinya ialah:-

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A Rahman sebagai Pengerusi.

1. Yang Berhormat Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain.
2. Yang Berhormat Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar.
3. Yang Berhormat Tuan Hahasrin bin Hashim.
4. Yang Berhormat Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain.
5. Yang Berhormat Tuan Muhamad Said bin Jonit.
6. Yang Berhormat Tuan Tan Hong Pin.

Ahli turut hadir ialah Bendahari Negeri Johor dan Pengarah Audit Negeri Johor. Cukup bilang bagi Jawatankuasa ini ialah Pengerusi dan 3 orang Ahli.

Yang Berhormat Tuan Speaker, seterusnya Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Dewan Negeri dan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri yang dilantik mengikut Peraturan Tetap Bilangan 103. Peraturan-peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor sebagaimana berikut :

## **JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN DEWAN NEGERI.**

Ahli-Ahlinya ialah:-

Speaker Dewan Negeri sebagai Pengerusi.

1. Yang Berhormat Datuk Md. Othman bin Yusof.
2. Yang Berhormat Kapt (B) Haji Najib bin Lep.
3. Yang Berhormat Dato' Haji Osman bin Haji Sopian.
4. Yang Berhormat Dato' Dr. Sahrudin bin Haji Jamal.
5. Yang Berhormat Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh.
6. Yang Berhormat Tuan Jimmy Puah WeeTse.
7. Yang Berhormat Tuan Haji Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali.

Ahli turut hadir ialah Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri dan Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri.

## **JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH TETAP DEWAN NEGERI.**

Ahli-Ahlinya ialah:-

Speaker Dewan Negeri sebagai Pengerusi.

1. Yang Berhormat Dato' Zahari bin Sarip.
2. Yang Berhormat Rashidah binti Ismail.
3. Yang Berhormat Tuan Haji Rosleli bin Jahari.
4. Yang Berhormat Puan Hajah Alwiyah binti Talib.
5. Yang Berhormat Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor.
6. Yang Berhormat Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam.
7. Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah.

Ahli turut hadir ialah Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri. Dan cukup bilang bagi Jawatankuasa-Jawatankuasa ini ialah Pengerusi dan 3 orang Ahli.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Oleh kerana nama-nama Ahli telah dicadangkan oleh pihak kerajaan dan Pakatan Harapan dan telah dipersetujui bersama, saya kira ia tidak perlu dibahaskan.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

**Jurutulis : RUNDINGAN MENGENAI PEMILIHAN AHLI DEWAN NEGARA.**

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pemilihan Ahli Dewan Negara ini sebagaimana Seksyen 1(2) dalam Jadual Ketujuh (Perkara 45) Perlembagaan Persekutuan, berikutan kekosongan satu kerusi Ahli Dewan Negara yang dipilih oleh Dewan Negeri Johor. Dengan demikian cadangan itu hendaklah disokong dan disertai dengan kenyataan bertulis yang ditandatangani oleh calon berkenaan menyatakan kesanggupan berkhidmat jika dipilih. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sila kemukakan cadangan sekarang.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membawa rundingan dan mencadangkan supaya Yang Berbahagia Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan dipilih oleh Dewan ini menjadi Ahli Dewan Negara bagi tempoh tiga tahun. Tuan Haji Jefridin bin Haji Atan seorang anak jati Pontian yang berumur 52 tahun ini berpengalaman luas dalam bidang politik serta memainkan peranan aktif menyampaikan pelbagai isu kepada agensi kerajaan. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan kepujian di Universiti Malaya pada tahun 1991 dan Diploma Pendidikan juga di Universiti Malaya. Beliau memulakan kerjaya sebagai Pegawai Perkhidmatan Siswazah dari tahun 1999 sehinggalah tahun 2005. Seterusnya, beliau bertugas sebagai Setiausaha Sulit dan Pegawai Khas kepada Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Ahmad Badawi bermula pada tahun 2001. Hingga kini dalam bidang politik, beliau amat aktif memberikan khidmatnya menerusi Parti UMNO dan kini telah dipilih sebagai Ketua UMNO Bahagian Tanjung Piai. Beliau amat aktif di dalam bidang bukan kerajaan, dalam bidang badan bukan kerajaan, NGO dan kesukarelawanan. Beliau pernah bergiat aktif sebagai Yang Dipertua Majlis Belia Daerah Pontian, Ahli Majlis Permuafakatan Belia Johor dan Majlis Belia 4B Daerah dan negeri Johor.

Sehingga kini beliau aktif sebagai Pengerusi Pertubuhan Legasi Tun Abdullah Ahmad Badawi (Legasi). Juga sebagai penaung Pertubuhan Silat Kebangsaan (Pesaka) Daerah Pontian dan seorang ahli sukarelawan RELA di Pontian. Berdasarkan pengalaman dan komitmen yang ada pada beliau, saya mencadangkan Yang Berbahagia Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan dipilih oleh Dewan ini menjadi Ahli Dewan Negara. Dengan ini saya serahkan pengakuan bertulis yang telah pun ditandatangani oleh calon yang saya cadangkan itu.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan ini.

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya ada perbahasan saya membenarkan dua orang sahaja untuk berbahas. Masa diberi masa lima minit. Jemput, jika ada.

**YB Tuan Haji Aminolhuda bini Haji Hassan (Parit Yaani) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, Parit Yaani tidak berhasrat menolak cadangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar memandangkan situasi semasa negara yang masih berdepan dengan ancaman COVID ini, maka negara memerlukan Senator yang boleh memberikan nilai tambah dalam menghadapi situasi yang ada pada negara kita terutamanya mewakili negeri Johor yang telah berpengalaman ataupun terlibat dalam beberapa isu yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan rakyat negeri Johor.

Justeru itu Parit Yaani mencadangkan nama kedua walaupun mungkin kerana kami di pihak PH tidak dapat maklumat tentang penamaan untuk mendapatkan nama lebih awal tapi kami memberikan pandangan, cadangan kepada Dewan seandainya difikirkan lebih baik calon yang kedua ini untuk mewakili negeri dalam suasana negeri memerlukan seorang Senator yang berwibawa, berintegriti dan berpengalaman luas dalam bidang perubatan. Mampu memberikan pandangan dan cadangan, bukan sekadar dalam negara malah peringkat antarabangsa. Mempunyai kelulusan yang tinggi dalam bidangnya serta komited terhadap tugas waktu menjadi kakitangan kerajaan atas kepentingan rakyat dan negara. Sebelum bersara beliau telah terlibat secara langsung mengendalikan kes pencemaran Sungai Kim Kim sebagai Pengarah Kesihatan Negeri Johor. Jadi, saya mohon supaya mantan Pengarah Kesihatan dapat menyatakan nama yang berkenaan. Sekian, untuk makluman Yang Berhormat Tuan Speaker.

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, pandangan Parit Yaani tadi berkenaan dengan satu nama lain, nama yang kedua lah ya, seharusnya masuk di dalam usul seperti mana yang dikemukakan oleh pihak kerajaan. Jadi rundingan atau usul ini telah dibawa oleh pihak kerajaan, ada satu nama sahaja. Jadi nama ini sahajalah yang diangkat sebagai cadangan dalam sidang kali ini untuk jawatan Ahli Dewan Negara ini.

Ok, jadi rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan.

**YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah) :** Yang Berhormat, boleh saya bagi pandangan Yang Berhormat Tuan Speaker sedikit mengenai isu ini. Ok, walaupun tadi..

**YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) :** Terima kasih, Yang Berhormat, saya nak tanya ini dalam Peraturan mana pandangan ini?

**YB Speaker :** Dia perbahasanlah ini.

**YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) :** Perbahasan satu sahaja tadi dibenarkan..

**YB Speaker :** Dua, dua.

**YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) :** Dua, satu dari pihak kerajaan.

**YB Speaker :** Saya tidak akan kemukakan apa-apa. Dua orang. Tak apa kita bagi ruang dahulu sedikit. Ok.

**YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) :** Tak ada, Yang Berhormat kena adillah, kalau sana satu sepatutnya sini satu tapi dah pergi pada rundingan ini dah buat permohonan nak dapatkan keputusan. Dia dah peringkat keputusan ini.

**YB Speaker :** Tak apa kita bagi ruang. Silakan.

**YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) :** Tak ada, kena ikut peraturanlah. Kalau dah ada..

**YB Tuan Ng Yak Howe (Bentayan) :** Tapi awak tak berdiri.

**YB Speaker :** Saya sebut dua sahaja. Tak ada sebut daripada mana. Dua, silakan.

**YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah) :** Assalamualaikum Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih. Saya ingin menyokong cadangan daripada Yang Berhormat

Parit Yaani di mana di sini kita mengusulkan nama Doktor Sallehudin bin Abdul Aziz, mantan Pengarah Kesihatan Negeri Johor. Untuk makluman semua dan makluman Yang Berhormat Tuan Speaker, beliau berasal daripada Muar, anak jati Johor dan mempunyai pengalaman mengendalikan dua kes besar di negeri Johor iaitu pencemaran Sungai Kim Kim dan juga isu pencemaran Taman Mawar.

Untuk makluman semua, di Dewan Negara sekarang ini kita ada 2 orang Doktor Perubatan.

**YB Speaker** : Yang Berhormat, saya dah sebut tadi, nama itu tidak boleh dikemukakan sekarang. Maknanya cadangan itu tidak boleh diterima dalam Dewan, hanya satu nama sahaja. Jadi, Yang Berhormat hanya boleh hanya bersetuju ataupun menolak sahaja.

**YB Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar (Semerah)** : Saya menyokong cadangan Parit Yaani. Terima kasih.

**YB Speaker** : So, nama tidak boleh dikemukakan pada waktu ini. Terima kasih. Ok.

Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

**YB Tuan Tan Chen Choon (Jementah)** : Yang Berhormat Tuan Speaker.

**YB Speaker** : Selesai dah Yang Berhormat.

Dengan demikian, saya isytiharkan bahawa Yang Berbahagia Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan adalah dipilih oleh Dewan Negeri ini menjadi Ahli Dewan Negara bagi tempoh selama 3 tahun. Saya bagi pihak Dewan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berbahagia Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan. Semoga beliau dapat menumpukan khidmatnya kepada rakyat dan negeri sebagai Ahli Dewan Negara.

#### **Jurutulis : PERANGGARAN TAMBAHAN PEMBANGUNAN PERTAMA TAHUN 2020.**

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Dewan ini serta-merta berpindah menjadi Jawatankuasa Bagi Keseluruhan Dewan Negeri untuk menimbangankan Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2020 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2020 dan memperakukan sama ada peranggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tiada dipinda.

Tambahan Peruntukan Pembangunan bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM18,801,000.00 dan diletakkan di bawah Jawatankuasa seperti berikut :

Jawatankuasa Kerja Raya Pengangkutan dan Infrastruktur Negeri Johor, RM18,801,000.00. Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker** : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

**Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa.**

**YB Pengerusi** : Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya jumlah wang sebanyak RM18,801,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan P.74, Jabatan Kerja Raya dipersetujui.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur** : Terima kasih. Permohonan peruntukan tambahan yang dimohon oleh Jabatan adalah sebanyak RM23,940,456.79. Namun, kelulusan yang diterima daripada Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor adalah sebanyak RM18,801,000.00. Permohonan tambahan ini adalah bagi menampung keperluan peruntukan sedia ada yang tidak mencukupi untuk bayaran projek-projek di bawah bangunan-bangunan seperti yang tersenarai bersama saya. Terima kasih.

**YB Pengerusi** : Ok. Perkara itu dikemukakan.

**YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai)** : Peraturan-peraturan. Yang Berhormat Tuan Speaker, Skudai mohon untuk membahaskan rundingan ini. Yang Berhormat Tuan Speaker.

**YB Pengerusi** : Yang Berhormat, Jawatankuasa.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tuan Speaker, Peraturan. Kita sekarang ini berada dalam peringkat Jawatankuasa dan di dalam Peringkat Jawatankuasa tidak kita membahaskan...

**YB Pengerusi** : Soalan sahaja boleh.

**YAB Menteri Besar** : Cuma boleh memohon penjelasan atas perkara-perkara. Jadi, Yang Berhormat minta maaf saya kerana di peringkat Jawatankuasa ini kita membawa maksud Pembangunan P74, Jabatan Kerja Raya yang memerlukan tambahan peruntukan sebanyak RM18,801,000.00 untuk menampung keperluan perbelanjaan yang kekurangan perbelanjaan bagi kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf bangunan-bangunan negeri sepertimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat EXCO Kerajaan.

**YB Pengerusi** : Bukan perbahasan. Perbahasan ini adalah bentuk dasar tetapi ini adalah tentang soalan berkenaan butiran-butiran.

**YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai)** : Yang Berhormat Tuan Speaker, kalau ikut Peraturan Tetap. Jawatankuasa pun dibenarkan untuk perbahasan.

**YB Pengerusi** : Yalah dalam bentuk soalan.

**YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai)** : Perbahasan dia berkaitan dengan fasal yang perlu dibincangkanlah. Jadi, belum lagi saya masuk perbahasan bagaimana Tuan Speaker boleh tahu saya nak bahas tentang dasar.

**YB Pengerusi** : Ok kemukakan. Tapi bukan peringkat dasar ya.

**YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai)** : Saya faham, saya faham, saya faham. Yang Berhormat Tuan Speaker. Sekarang ni kita membincangkan Peranggaran Tambahan Pembangunan, ini satu perkara yang jarang-jarang berlaku di dalam Dewan yang mulia ini. Di mana selalunya Peranggaran Tambahan adalah Perbekalan. Bagaimanapun kita selalunya dalam Bajet yang kita buat pada hujung tahun sebelumnya segala projek-projek untuk peranggaran untuk perbelanjaannya adalah melalui satu proses penghitungan yang begitu jitu. Jadi, untuk amalan yang agak luar biasa ini saya mohon Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya untuk memberi *pendetailan* bagaimanakah angka RM18 juta dibentangkan dan apakah punca-punca yang menyebabkan ada kesuntukan dana yang berlaku sehingga kita terpaksa membentangkan peranggaran tambahan ini?



**YB Pengerusi** : Ok, jemput. YB EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur** : Seperti telah dinyatakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa projek ini adalah penting dan sebahagiannya telah dilaksanakan. Antaranya ialah sebahagian besar projek ini adalah untuk rakyat dan kemudahan rakyat. Cadangan mereka bentuk dan menyiapkan garaj kemudahan berkaitan dengannya di Taman Pelangi; Cadangan menaik taraf, membaiki dan memperelok Pejabat Pentadbiran Daerah Mersing; Kerja-kerja penyelenggaraan bangunan utama kerajaan negeri JKR di Johor Bahru; Kerja-kerja penyelenggaraan, perpaipan bangunan-bangunan utama kerajaan negeri JKR di Johor Bahru; Kerja-kerja Penyelenggaraan rumah pekerja kuarters di Kulai; Kerja-kerja menebang dan memangkas dahan-dahan pokok di bangunan utama kerajaan negeri; menyelenggara dan membaiki tandas *mainhole* dan *septic tank* dan sistem kumbahan di kuarters Jalan Straits View. Itu adalah antara projek-projek dan adakah perlu saya membaca semua sekali? Sebab saya dapat..

**YB Pengerusi** : Ringkasan sahaja.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur** : Ini adalah antara ringkasannya. Kebanyakan projek ini adalah untuk rakyat, untuk kemudahan kepada segera dan imej kerajaan negeri Johor yang perlu dijaga di segi kualiti perkhidmatannya. Terima kasih.

**YB Pengerusi** : Ok. Silakan.

**YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar)** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya mohon penjelasan disebabkan peruntukan diluluskan untuk tahun 2020 yang telah dibuat pada tahun lepas adalah sebanyak RM19 juta. Dan peruntukan tambahan dipohon adalah RM18.8 juta. Maknanya hampir sekali ganda. Saya rasa ini menunjukkan satu keculasan ataupun suatu perkara yang agak pelik. Biasanya sebagaimana yang disebutkan oleh rakan saya tadi bahawa proses untuk membuat Bajet ini, Belanjawan ini adalah dibuat secara para dan bangunan ini bukanlah satu benda yang kita kata boleh mengalami *maintenance* ataupun susut nilai dalam masa 2, 3 bulan tetapi adalah *long term* sama ada fungsi fizikal, sama ada fungsi *functional* dia ataupun dari segi kebolehtahanan sesebuah bangunan tersebut. Maksud saya perkara ini boleh dianggarkan lebih awal dan tidak seharusnya berlaku projek ataupun peruntukan tambahan yang begitu besar. Menunjukkan bahawa jabatan seolah-olah jabatan-jabatan teknikal kita tidak menjalankan tugas mereka secara efisien ataupun baik. Soalan saya adalah perkara ini seharusnya tidak diulangi untuk tahun-tahun yang akan datang sebab sebagaimana yang saya sebut tadi bangunan ini adalah mempunyai hayat 60 tahun, 70 tahun, 80 tahun, kita boleh membuat bajet anggaran yang lebih tepat dan tidak perlu berlaku keadaan kita mohon bajet tambahan sekali ganda sepertimana yang telah diluluskan.

**YB Pengerusi** : Soalan Yang Berhormat.

**YB Sr. Dzulkefly bin Ahmad (Kota Iskandar)** : Itu soalnya.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin menjelaskan sedikit kepada Dewan yang mulia. Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah selalunya perkara-perkara yang menyentuh tentang soal pembentukan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan. Di mana kita akan membahaskan perkara-perkara yang bersabit dengan soal perbekalan tetapi ini adalah Peraturan yang perlu kita buat bagi mematuhi *Development Fund Act* 1966 yang dipinda pada tahun 1989. Peranggaran tambahan Pembangunan yang biasa kita jadikan Rang Undang-Undang ialah Perbekalan bukannya Pembangunan, sebab itu kalau Yang Berhormat perasan perkara yang dibawa

oleh kerajaan pada pagi ini adalah Peranggaran Tambahan Pembangunan. Kaedah kita dalam Dewan Undangan Negeri ini sebegini, bukanlah satu perkara yang mana ianya menunjukkan bahawa kerajaan tidak cekap dalam membuat anggaran projek-projek yang dicadangkan, bukan itu. Ianya hanya peraturan, peraturan yang ditetapkan oleh undang-undang yang kita terpaksa bawa kepada Dewan ini untuk mengatakan bahawa RM18 juta ini diperlukan sebagai anggaran tambahan kepada Pembangunan. Ianya bukan Rang Undang-Undang baru yang kita bawa. Jadi, untuk itu Yang Berhormat, kita punya peraturan itu begitu. Saya mengesyorkan Tuan Speaker bahawa kalau pandangan daripada Ahli Yang Berhormat untuk kita boleh memperincikan, kita boleh membahaskan perkara ini bolehlah dirujuk kepada Jawatankuasa Peraturan Dewan. Kita boleh pinda. Akan datang kita akan lebih rancak dalam kita membahaskan setiap pindaan. Tapi buat masa ini, inilah peraturan yang ada bukannya kerajaan tidak cekap atau kerajaan tidak menyeluruh pendekatan yang diambil, tidak. Itulah kaedah yang ada yang diguna pakai. Peraturan yang telah ditetapkan melalui *Development Fund Act* 1966 yang digunakan oleh Dewan Undangan Negeri. Terima kasih.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tuan Pengerusi, oleh sebab maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2020 telah pun selesai ditimbang, maka saya membawa rundingan supaya ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu dimaklumkan serta-merta kepada Dewan Negeri.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

#### **Dewan Negeri Bersidang Semula.**

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2020. Dari itu, saya membawa rundingan supaya Dewan ini bersetuju bahawa peruntukan wang berjumlah RM18,801,000.00 yang dicadangkan bagi Peranggaran Tambahan Pembangunan Pertama Tahun 2020 ini diluluskan oleh Dewan ini. Dan, dengan ini mengambil ketetapan bahawa satu jumlah wang yang tidak melebihi RM18,801,000.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Dalam Tahun Kewangan 2020 bagi menyempurnakan maksud yang dinyatakan dalam kertas mesyuarat yang tersebut.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker** : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujukan.

#### **Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN TAHUN 2020.**

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2020 dibaca kali yang pertama.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar** : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rang Undang-Undang ini dibaca kali pertama.

**Jurutulis :** Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2020 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga. Dan, saya membawa Rundingan supaya Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan persetujuan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tambahan peruntukan perbekalan tambahan bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM8,623,000.00 dan diletakkan di bawah Jawatankuasa sebagaimana berikut :

Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Johor sebanyak RM8,623,000.00. Penjelasan lanjut bagi tambahan peruntukan tersebut akan diberikan di peringkat Jawatankuasa.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua.

**Jurutulis :** Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2020 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

**Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa.**

**Jurutulis : JADUAL.**

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya jumlah wang sebanyak RM8,623,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.04, Perbendaharaan Negeri jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi Maksud Perbekalan B.04, Perbendaharaan Negeri Johor, peruntukan sebanyak RM8,623,000.00 diperlukan untuk pulangan balik hapus kira.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : FASAL 2.**

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian dari Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 akan jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : FASAL 1.**

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 1 akan jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Dewan Negeri bersidang semula.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu-persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2020 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali ketiga dan diluluskan.

**Jurutulis : Bahawa adalah dengan ini adalah diperundang-undangkan oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut :**

**Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2020.**

**Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (NO. 2) TAHUN 2020.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) Tahun 2020 dibaca kali yang pertama.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang pertama.

**Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2020 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga. Dan saya membawa Rundingan supaya Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tambahan peruntukan ini merupakan tambahan kedua bagi perbelanjaan bekalan tahun 2020. Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM8,997,000.00 sebagaimana yang dimasukkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah Jawatankuasa seperti berikut:

Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor, RM8,997,000.00. Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua.

**Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2020 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.**

**Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.**

**Jurutulis : JADUAL.**

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya jumlah wang sebanyak RM8,524,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Pengurusan.

RM412,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Jurutulis Dewan Negeri. RM61,000.00 bagi Kepala Perbelanjaan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat, jadi sebahagian daripada jadual Rang Undang-Undang.

**YAB Menteri Besar :** Bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Bahagian Pengurusan, peruntukan tambahan sebanyak RM8,524,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan perbelanjaan dalam pengurusan jabatan. Daripada jumlah

tersebut, sebanyak RM5,640,000.00 adalah untuk bekalan dan bahan-bahan lain jabatan. Dan, RM2,884,000.00 adalah untuk pemberian dalam negeri.

Bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor, peruntukan tambahan sebanyak RM412,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan faedah-faedah kewangan yang lain.

Bagi Maksud Bekalan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat, peruntukan tambahan sebanyak RM61,000.00 diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi bayaran imbuhan tahunan dan bantuan kewangan tahun 2020.

**YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) :** Yang Berhormat Tuan Speaker.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Tuan Tan Hong Pin (Skudai) :** Bagi Maksud B.03, kod 15,000, di mana satu jumlah sebanyak RM412,000.00 yang diperuntukkan kepada Pejabat Jurutulis yang seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat tadi, di mana dalam kertas mesyuarat yang kita dapati sebelum ini iaitu peruntukan tambahan ini diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran hadiah lawatan ke luar negara dan elaun pakaian kepada 8 orang Ahli Yang Berhormat, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang baru dilantik berikutan pertukaran pucuk pimpinan kerajaan negeri Johor pada 28 Februari 2020. Ini satu perangkaan yang begitu bagi saya menakutkan. Di mana pakaian untuk 8 orang Ahli MMK mencecah RM412,000.00, saya minta penjelasan *pendetailan* berkenaan dengan perkara ini.

**YB Speaker :** Jemput.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tuan Speaker, bagi Maksud B.03 ini, peruntukan tambahan yang diperlukan adalah RM412,000.00. Ianya adalah pemberian elaun khas dan elaun pakaian untuk 8 orang Yang Berhormat Ahli Mesyuarat Kerajaan yang baru. Seperti biasa, seperti amalan kerajaan-kerajaan sebelum ini pun, elaun khas dan elaun pakaian ini memang diberikan. Tapi saya memahami bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu adalah kerana mungkin kerana COVID. Pintu-pintu negara pun dah ditutup, macam mana nak buat lawatan ke negara luar tetapi kenapa bagi elaun khas ini.

Yang Berhormat, kerajaan ini terbentuk pada 20 Februari. 18 Mac baru PKP. Kita tak tahu tentang adanya PKP ini. Jadi, kerajaan membuat keputusan bahawa kita berilah seperti mana amalan biasa pemberian elaun khas dan juga elaun pakaian untuk 8 Ahli Majlis Mesyuarat. Sebab itu kita luluskan pada waktu itu kita tidak mengetahui tentang adanya Perintah Kawalan Pergerakan yang menutup pintu-pintu negara-negara berkenaan. Jadi, sebab itulah kita luluskan pemberian elaun khas dan juga elaun pakaian kepada 8 Ahli Dewan Undangan. Terima kasih.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : FASAL 2.**

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : FASAL 1.**

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Dewan Negeri bersidang semula.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun dipertimbangkan dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) Tahun 2020 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperundang-undangkan oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut; Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) Tahun 2020.**

**YB Speaker :** Ditangguhkan Persidangan ini sehingga jam 2:30 petang hari ini. Terima kasih.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 12:50 tengah hari.**

**Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.**

**Jurutulis : RUNDINGAN PENGURANGAN CUKAI TANAH NEGERI JOHOR.**

**YB Speaker :** Bismillahirrahmanirrahim, assalammualaikum warahmatullah. Rundingan daripada YB Pekan Nanas telah diterima oleh Jurutulis Dewan Negeri di bawah Peraturan Tetap Bilangan 32, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor. Suka saya mengingatkan Yang Berhormat hanya diberi masa sepuluh minit.

**YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas) :** Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih saya ucapkan kepada tuan Speaker kerana diberi peluang untuk membawa rundingan ini dan selamat sejahtera saya ucapkan kepada rakan-rakan Ahli Dewan sekalian. Pertama sekali saya ingin memohon jasa baik daripada semua rakan tidak kira daripada Pakatan Harapan ataupun Perikatan Nasional untuk membuat pertimbangan yang sewajarnya apabila rundingan berkenaan pengurangan cukai dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Janganlah sebab rundingan ini dibawa oleh pihak pembangkang, ianya ditolak atas sebab pendirian politik yang berlainan.

Saya setuju sepenuhnya dengan saranan Menteri Besar bahawa negeri Johor sedang menghadapi cabaran COVID yang amat besar dan sebagai wakil rakyat kita perlu hentikan permainan politik pada masa yang kritikal ini. Jangan yang menang menjadi arang, yang kalah menjadi abu. Yang penting sekarang bukan sahaja siapa menang dan siapa yang

kalah tetapi yang pentingnya adalah rakyat boleh mendapat manfaat dan negara kita boleh menghadapi cabaran COVID yang melanda di masa ini. Oleh itu, isu kenaikan cukai tanah pada masa ini perlu dipandang sebagai suatu isu yang melibatkan kepentingan awam dan perlu diselesaikan sepenuhnya secara matang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, cukai tanah merupakan salah satu punca pendapatan yang penting kepada kerajaan negeri. Pada tahun 2019, jumlah cukai tanah yang dipungut kerajaan negeri adalah sebanyak RM367,936,000.00 manakala anggaran cukai tanah yang dijangka dipungut pada tahun 2020 adalah RM598 juta. Perbezaannya setinggi lebih kurang RM230 juta. Pekan Nanas sedar bahawa tindakan semakan semula cukai tanah dengan pengurangan cukai tanah dan juga pemberian rebat kepada pemilik tanah merupakan satu cabaran yang besar kepada kedudukan kewangan kerajaan Johor. Malah saya masih berharap agar rundingan ini dapat diluluskan untuk meringankan beban rakyat. Saya tahu tindakan ini akan menyebabkan kerajaan Johor hilang sumber kewangan yang tinggi dan menyebabkan keadaan defisit pada tahun yang akan datang. Walau bagaimanapun, Pekan Nanas ingin menegaskan bahawa sama ada kedudukan kewangan kerajaan negeri berada dalam keadaan lebihan ataupun defisit, ianya bukanlah satu-satu penanda aras untuk menilai prestasi kerajaan. Malah, dalam menghadapi cabaran COVID, tindakan kerajaan menyalurkan bantuan untuk membantu rakyat meringankan beban mereka adalah lebih penting buat masa ini berbanding dengan risiko kerajaan menghadapi defisit.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Pekan Nanas percaya pengurangan cukai tanah dapat meringankan beban rakyat dan membenarkan mereka mempunyai *disposable income* untuk perbelanjaan harian. Pada masa yang kritikal ini akan menghasilkan *spillover effect* kepada ekonomi negeri Johor. Kerajaan Johor telah mencatatkan lebihan sebanyak RM68,260,000.00 dan rizab kerajaan setinggi RM3.68 bilion pada tahun 2019. Pekan Nanas amat mengalu-alukan kerajaan menggunakan simpanan rizab ini untuk menghadapi cabaran COVID sama ada dengan cara pengurangan cukai ataupun penambahan perbelanjaan. Saya amat bersetuju dengan pandangan Menteri Besar bahawa kerajaan negara kita menghadapi cabaran yang sangat besar dalam krisis ini. Dan, keadaan kewangan kerajaan menghadapi defisit bukannya suatu isu yang patut dipertikaikan pada masa kritikal ini dan rakyat amat memerlukan bantuan daripada kerajaan. Dan saya berpandangan bahawa kerajaan perlu banyak belanja mengurangkan cukai dan menggunakan simpanan rizab dan sedia memberi sokongan jika belanjawan yang akan datang menghadapi defisit.

Tidak dapat dinafikan kerajaan Perikatan Nasional juga telah menjalankan banyak usaha untuk menyelesaikan masalah kenaikan cukai tanah seperti melanjutkan pembayaran cukai tanah sehingga 30 September dan potongan 50% cukai tanah bagi tanah-tanah Rizab Melayu dan juga apa yang diumumkan Menteri Besar tadi memberi rebat kepada cukai tanah. Tapi pada masa yang sama, pelaksanaan kadar cukai tanah yang baru yang berkuat kuasa sejak 1 Januari 2020 juga menimbulkan banyak pandangan yang berlainan dalam kalangan Pakatan Harapan. Kerajaan Pakatan Harapan pernah menganjurkan dua kali taklimat untuk memberi penjelasan dan menjalankan perbincangan bersama wakil rakyat dan pada masa itu, kerajaan Pakatan Harapan memberi cadangan untuk mengurangkan beban rakyat dengan melalui cara pemberian rebat pada tahun 2021.

Rundingan yang dibangkitkan hari ini sebenarnya merupakan suatu sambungan rundingan Dewan yang pernah dibangkitkan oleh saya dan disokong Mahkota pada Mesyuarat Keempat Penggal Kedua yang pernah dirancang dianjurkan pada 5 Mac 2020. Malah keruntuhan kerajaan Pakatan Harapan pada awal tahun ini tidak bermakna usaha dan pandangan untuk mengkaji semula cukai tanah patut diberhentikan. Memandangkan pelaksanaan cukai tanah akan membawa impak yang besar kepada ekonomi dan rakyat di negeri Johor. Rundingan ini bukan sahaja dilontarkan kepada kerajaan Perikatan Nasional, rundingan yang sama juga pernah dibangkitkan dalam zaman pemerintahan Pakatan



Harapan. Oleh itu, Pekan Nanas menyeru bahawa semua wakil rakyat tidak kira daripada Pakatan Harapan ataupun Perikatan Nasional perlu mendapatkan persefahaman dalam isu ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, walaupun pelaksanaan dasar semakan semula kadar cukai pada awalnya dijangka tidak akan membebankan golongan berpendapatan rendah, namun pindaan kadar cukai tanah tersebut telah menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan rakyat. Pihak kami menerima banyak aduan mengenai isu kenaikan cukai tanah. Antara keluhan yang diterima adalah terdapat kes kenaikan cukai tanah sehingga sembilan kali ganda berbanding dengan cukai tanah sebelumnya. Banyak pemilik tanah di bawah syarat rumah kediaman, rumah kedai dan tanah industri terpaksa menanggung kenaikan cukai tanah yang mendadak sehingga melebihi 100%. Tidak dapat dinafikan terdapat keperluan bagi kerajaan negeri Johor untuk membuat pindaan cukai tanah memandangkan pelaksanaan pindaan cukai tanah negeri Johor yang lepas dilaksanakan pada tahun 2004. Namun kadar kenaikan cukai yang dikenakan harus munasabah dan tidak membebankan rakyat. Tambahan pula cabaran dan impak perebakan pandemik COVID juga tidak mungkin dipertimbangkan semasa membuat perancangan pindaan cukai tanah baru. Saya pernah merujuk kepada Warta J.P.U 95, Kaedah-Kaedah Tanah Johor yang bertarikh 16 Disember 2004 dan juga Warta J.P.U 49, Kaedah-Kaedah Tanah Johor Pindaan 2020 yang bertarikh 5 Disember 2019, untuk mencari faktor yang menyebabkan kenaikan cukai tanah melambung tinggi dan tidak seperti yang pernah dijangkakan. Saya dapati salah satu punca utama yang menyebabkan kenaikan cukai tanah melambung tinggi adalah pelaksanaan cara pengkelasan tanah yang baru.

Menurut warta tahun 2004, tanah Johor dikelaskan kepada 5 jenis. Iaitu tanah desa, tanah pekan, tanah bandar kategori C, tanah kategori B, tanah kategori A. Manakala dalam warta 2019, jenis tanah Johor hanya tinggal tanah bandar kategori C, B dan A. Setiap jenis akan dikenakan kadar cukai yang berbeza di antaranya cukai tanah kategori A paling tinggi dan cukai tanah untuk desa paling rendah. Orang awam mengadu bahawa cukai tanah kediaman, rumah dan tanah industri meningkat hampir 1 kali ganda adalah disebabkan tanah kategori desa dan pekan dimansuhkan. Selepas dimansuhkan mereka automatik dinaik taraf menjadi tanah bandar kategori C yang akan dikenakan kadar cukai yang lebih tinggi. Selain itu, sebahagian tanah kategori C dinaikkan kepada B. Tanah kategori B dinaik taraf kepada kategori A juga menyebabkan kadar cukainya melambung tinggi kerana ia bukan hanya melibatkan kadar kenaikan cukai asas, malah, ia juga melibatkan kenaikan kadar cukai yang disebabkan tukar kategori. Sebab itu sebarang aduan daripada kategori ini harus diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, mengikut perhitungan saya, pertukaran kategori tanah desa ke bandar kategori C akan menyebabkan kenaikan cukai tanah sebanyak 110% bagi tanah kediaman dan 161.22% bagi cukai rumah kedai. Pertukaran kategori tanah daripada tanah desa ke tanah bandar kategori C akan menyebabkan kenaikan cukai tanah setinggi 61.54% bagi tanah kediaman dan 82.66% bagi tanah rumah kedai. Manakala pertukaran tanah kategori C ke kategori B akan menyebabkan kenaikan cukai rumah kediaman sebanyak 77.33% dan rumah kedai sebanyak 83.5%..

**YB Speaker** : Masa dah 10 minit Yang Berhormat, ringkaskan.

**YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas)** : Ini merupakan keluhan yang mengadu kenaikan cukai tanah menghampiri 1 kali ganda. Keadaan yang sama juga akan berlaku dan jenis cukai tanah selain daripada jenis tanah kediaman dan rumah kedai. Selain daripada aduan yang saya terima di sekitar Pekan Nanas dan Pontian, jika saya merujuk kepada Taklimat Pembentangan Pelaksanaan Cukai Tanah pada 9 Januari 2020. Contoh kadar cukai tanah rumah kedai di Buluh Kasap, Segamat meningkat daripada RM98.00 kepada RM256.00 telah menunjukkan kenaikan sebanyak 161.22% dan keadaan cukai rumah kedai

di kawasan Taman Suria di Ulu Benut, Kluang juga meningkat setinggi 82.86% mengikut taklimat yang pernah dijalankan. Manakala sekiranya tidak melibatkan faktor pertukaran kategori tanah, kenaikan cukai tanah bagi contoh-contoh yang di atas adalah berada dalam lingkungan 40% sampai 50%. Sebab itu, rayuan terhadap cukai tanah yang melibatkan kategori tanah, pertukaran kategori tanah diberi pertimbangan yang sewajarnya dan saya berpandangan bahawa bagi potongan rebat sekadar 15% ataupun 10% tidak mencukupi untuk menyelesaikan aduan-aduan yang saya sebut di atas. Tambahan pula, perebakan COVID di seluruh dunia sejak awal tahun ini telah membawa impak negatif kepada ekonomi negara kita. Keadaan ekonomi yang lembap telah menyebabkan...

**YB Speaker** : Yang Berhormat, berapa lama lagi?

**YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas)** : Sedikit sahaja. Lima minit.

**YB Speaker** : Eh, ni tak boleh ni, satu minit Yang Berhormat.

**YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas)** : Saya minta maaf. Saya minta maaf. Menyebabkan banyak kedai komersial dan kilang menjadi terbiar. Pemilik susah untuk mencari penyewa dan pembeli. Oleh itu, saya ringkaskan sedikit, saya mendapati kadar cukai untuk banyak kategori seperti tanah bengkel, tanah kompleks sukan, tanah perkuburan adalah tidak munasabah dan akan dibentangkan secara terperinci oleh Mahkota dalam ucapan yang akan datang. Dan, kita kalau tengok kepada impak kepada industri pelancongan, kompleks membeli belah bagi kawasan yang berhampiran dengan Singapura adalah amat besar susulan banyak pelancong tidak dapat berbelanja di Johor Bahru. Pengangguran penduduk Johor dan persinggahan pekerja di Singapura juga menyebabkan permintaan pasaran menurun secara drastik dan juga menimbulkan kesan yang tidak pernah dijangka pada masa perancangan dan pelaksanaan kadar cukai baru. Oleh itu, saya berpandangan pelaksanaan semakan kadar cukai yang mengikut Kaedah-Kaedah Tanah Johor, Pindaan 2020 Warta JPU 49 adalah tidak bersesuaian dengan keadaan terkini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan perlu memberi penangguhan, kerajaan negeri memberi penangguhan pembayaran cukai tanah sehingga 30 September dan denda lewat akan dimulakan mulai 1 Oktober. Tarikh pelaksanaan denda lewat ini kebetulan sama dengan masa tamat moratorium bank. Setakat ini, terdapat 300,000 peminjam telah mengesahkan bahawa mereka betul-betul memerlukan bantuan pembayaran balik selepas moratorium dan angka ini dijangka akan meningkat ketara pada masa yang akan datang.

**YB Speaker** : Simpulkan Yang Amat Berhormat. Simpulkan. Masa dah lebih Yang Berhormat.

**YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas)** : Di antaranya pasti ada bangsa Johor yang amat kita sayangi. Bagi golongan yang menghadapi kesukaran, mereka tidak mampu untuk membuat bayaran mungkin sebab hilang pekerjaan, perniagaan merosot teruk. Jika mereka dikenakan cukai tinggi dan denda lewat lagi, bukankah kerajaan bertambah buruk kepada keadaan mereka. Oleh itu saya berharap kerajaan dapat menangguhkan pembayaran cukai tanah sampai akhir tahun ini. Saya juga memohon kerajaan menangguhkan pelaksanaan kadar cukai tanah mengikut Kaedah-Kaedah Tanah Johor, Pindaan 2020 sepanjang masa perebakan COVID-19. Bagi sesiapa yang masih belum membuat pembayaran cukai tanah, mereka dibenarkan membuat pembayaran mengikut cukai tanah yang lama yang diluluskan pada 16 Disember 2004, mengikut Warta JPU 95. Bagi sesiapa yang telah membuat bayaran cukai.

**YB Speaker** : Yang Berhormat, masa dah tamat Yang Berhormat.

**YB Tuan Yeo Tung Siong (Pekan Nanas)** : Sudah nak buat *conclusion*, mereka boleh diberikan rebat. Pendek kata, pendek kata demi meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat dan memberi rangsangan ekonomi pada waktu perebakan wabak COVID, saya mengusulkan rundingan untuk mendapat satu persefahaman dalam Dewan yang mulia ini untuk memohon kerajaan mengkaji semula dan mengurangkan cukai tanah untuk meringankan beban hidup rakyat dan merangsangkan ekonomi dengan cara menangguhkan pelaksanaan pindaan cukai tanah yang terkini.

Usul yang saya bangkitkan hari ini juga sedang menjawab satu soalan, wajarkah kita masih meningkatkan cukai tanah pada zaman pandemik? Saya berharap agar semua Wakil Rakyat lebih prihatin kepada keadaan rakyat pada ketika ini dan mengurangkan kadar cukai dengan cara berikut. Semoga usul dan cadangan ini boleh mendapat pertimbangan yang sewajarnya dalam Dewan yang mulia ini. Pilihan di tangan semua rakan-rakan dalam Dewan ini. Sekian, terima kasih. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker** : Yang Berhormat ada sokongan?

**YB Tuan Muhamad Said bin Jonit (Mahkota)** : Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum.

**YB Speaker** : Yang Berhormat, Yang Berhormat sebut saja, saya menyokong dahulu.

**YB Tuan Muhamad Said bin Jonit (Mahkota)** : Saya menyokong. Yang Berhormat Tuan Speaker.

**YB Speaker** : Oleh kerana rundingan ini telah disokong, saya membenarkan rundingan itu di bahas oleh seorang daripada ADUN kerajaan dan seorang daripada ADUN pembangkang. Masa lima minit sahaja. Terpujang kerajaan ataupun pembangkang dahulu. Silakan kalau ada.

**YB Tuan Muhamad Said bin Jonit (Mahkota)** : Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, menurut kaedah percukaian dalam fiqh Islam, tindakan pemerintah terhadap rakyat adalah mengikut masalah. Ia bermaksud, setelah pemerintah mendapatkan nasihat daripada ahlu halwal aqa', ahli syura, pakar-pakar, penasihat-penasihat yang jujur lagi amanah, maka pemerintah boleh kenakan cukai yang sewajarnya. Oleh itu, selari dengan kaedah fiqh tersebut, Mahkota menyeru Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini bersama-sama berfikir dan melihat permasalahan ke depan yang kita hadapi sekarang, demi rundingan untuk kebaikan pada rakyat, maka sokongan saya berikan kepada Pekan Nanas.

Seperti yang telah diketahui, kali terakhir cukai ini, pindaan cukai tanah dibuat pada tahun 2004 iaitu 16 tahun yang lalu. Memang wajar dan memang ada rasionalnya untuk dibuat satu kenaikan cukai tanah demi merencanakan lagi kemajuan negeri Johor. Tambahan pula pada ketika diluluskan, tiada ancaman pandemik. Petunjuk ekonomi keadaan fiskal negeri dan negara berada di landasan yang kukuh. Malah negeri Johor telah mencatatkan lebihan sebanyak RM68,260,000.00 dan rizab kerajaan RM3.068 bilion pada 2019. Namun pada Disember 2019, negara China telah melaporkan kluster pertama Novel Corona Virus di Wuhan, di wilayah Hubing. Pada awalnya COVID-19 dilihat hanya akan memberi impak seperti virus-virus sebelum daripada ini iaitu SARS dan juga H1N1. Tanpa dijangka COVID-19 telah menjejaskan ekonomi Malaysia dan ekonomi dunia seluruhnya. Semakan semula kadar cukai tanah negeri Johor telah berkuat kuasa 1 Januari 2020. Kerajaan negeri Johor di bawah pentadbiran Pakatan Harapan sebelum ini telah menganjurkan taklimat dan beberapa sesi penerangan, perbincangan dengan pembayar-pembayar cukai. Mahkota merasakan bahawa terdapat kumpulan untuk berbincang secara lebih mendalam demi kebaikan rakyat masa hadapan.

Pandemik COVID-19 mula memberi kesan kepada terhadap ekonomi dunia. Apabila Malaysia terpaksa melaksanakan PKP, demi membendung penularan virus ini dan menyebabkan rakyat hilang mata pencarian dan penyusutan di dalam pendapatan. Kadar pengangguran meningkat 18% sehingga bulan Jun 2020. Hal ini menguatkan lagi alasan bahawa terdapat keperluan agar pindaan cukai ini dibincangkan semula. Mahkota ingin mengucapkan terima kasih juga kepada kerajaan negeri kerana telah menanggungkan pembayaran cukai sehingga pada 30 September 2020. Namun, Mahkota bersependapat dengan Pekan Nanas bahawa ia tidak mencukupi. Ini disebabkan pada bulan September 2020 ini, tempoh moratorium tamat sekali gus, rakyat akan merasakan bebanan sebenar dari sudut kewangan. Di peringkat awal pelaksanaan pindaan cukai tanah, Mahkota telah bekerjasama dengan Pejabat Tanah Kluang untuk memberikan penjelasan. Didapati ramai yang keliru tentang pindaan dan kenaikan kerana terdapat pelbagai perubahan. Ramai pembayar cukai mendapati terpaksa membayar cukai yang berkali ganda tinggi kerana pada geran mereka dinyatakan syarat tanah NIL. Di Kluang, yang datang mengadu di pejabat Mahkota, membayar cukai tanah pada tahun 2020 bagi rumah, meningkat kepada RM500. Pada tahun 2019, beliau hanya membayar RM60. Setelah semakan dilakukan mendapati, ia disebabkan NIL dan beliau perlu membuat proses ubah syarat. Ada juga yang terus membayar tanpa menyemak dengan pegawai, mereka tidak menukar syarat kerana tidak mendapat maklumat, dan ini menyebabkan kenaikan yang tinggi. Oleh itu, usaha untuk memastikan 38,906 hak milik yang mempunyai syarat nyata NIL untuk membuat ubah syarat perlu dilaksanakan dengan terancang bagi menyampaikan maklumat kepada mereka.

Cukai tanah bagi kategori industri mengalami kenaikan yang ketara. Di Kluang terdapat taman-taman industri yang agak kosong kerana kelembapan ekonomi perindustrian walaupun sebelum kenaikan cukai tanah. Kenaikan cukai tanah ini boleh menyebabkan lebih banyak tapak perindustrian lengang sekiranya tiada mekanisme mampu membantu pemilik di waktu pandemik 19 ini. Berbanding dengan cukai tanah industri, untuk bengkel dan petrokimia dan gas, terdapat persoalan mengapa cukai untuk bengkel lebih tinggi daripada jenis petrokimia dan gas? Merujuk jadual muka surat 394, Warta JPU 49, Kaedah-kaedah Tanah Johor Pindaan 2020, petrokimia dan gas dikenakan cukai RM225.00 untuk 100 meter persegi atau sebahagian daripadanya, manakala bengkel dikenakan RM275.00 untuk 100 meter persegi. Dalam perkembangan terkini, kerajaan negeri Pahang telah mengurangkan cukai tanah industri sebanyak 80% mulai 11 September 2020. Jadi kita lihat di Pahang ada menunjukkan bahawa perubahan dalam permasalahan yang dihadapi oleh negara sekarang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, seorang pemilik tanah di DUN Mahkota, mempunyai sebidang tanah untuk dijadikan tempat letak kereta. Pada tahun 2019, beliau telah membayar RM19,320.00 dan kini pada 2020 beliau dikenakan RM27,048.00. Pertambahan kos RM7,728.00 selain daripada kenaikan cukai tanah, kos pengurusan juga meningkat. Bak kata pepatah, sudah jatuh ditimpa tangga. PKP selama tiga bulan telah menyebabkan kerugian terhadap perniagaan beliau. Tanah yang digunakan untuk kompleks sukan juga mengalami kenaikan. Pada PKP yang lalu, aktiviti sukan juga tidak dibenarkan. Ia menjejaskan perniagaan di kompleks sukan swasta. Mahkota ingin membuat perbandingan dengan sukan para *elitist*. Kompleks sukan kerajaan dikenakan RM171.00 untuk 100 meter persegi atau sebahagiannya. Kompleks sukan swasta dikenakan RM422.00 untuk 100 meter persegi atau sebahagian daripadanya.

**YB Speaker** : Mahkota dah lebih lima minit.

**YB Tuan Muhamad Said bin Jonit (Mahkota)** : Namun begitu, padang golf hanya dikenakan RM5.00 untuk 100 meter persegi. Itu adalah salah satu contoh. Saya sebenarnya ada menyenaraikan beberapa contoh lagi, oleh kerana masa tiada, saya *skip* beri contoh itu.

Yang Berhormat Tuan Speaker, walaupun kenaikan cukai tanah tidak menjejaskan golongan B40, Mahkota percaya setiap kenaikan akan menyebabkan tindak balas berantai, *chain reaction*, pada kenaikan harga yang lain. Di dalam hal ini pemilik tanah ingin mengimbangi cukai kenaikan cukai tanah dengan meningkatkan bayaran sewaan tanah atau harga hasil yang dituai. Selain itu, kenaikan ini menjadi justifikasi untuk peniaga meningkatkan perkhidmatan yang diberikan.

Tindak balas berantai seterusnya ialah kenaikan kos sara hidup terutama di bandar-bandar. Bagi tanah-tanah kosong yang terbiar pula kenaikan cukai berkemungkinan menyebabkan pemilik tanah tidak mampu untuk membayar cukai. Mahkota juga mencadangkan agar satu kajian lengkap terhadap kesan kenaikan cukai tanah pada waktu pandemik COVID-19 terhadap rakyat saja. Komprehensif kerajaan negeri boleh membuat pengubahsuaian dan keputusan yang lebih tepat. Oleh itu rakyat perlu mendapat maklumat yang lengkap.

Selain daripada itu, selaras dengan keputusan kerajaan pusat untuk menyambung PKPP sehingga 31 Disember 2020, Mahkota juga ingin mencadangkan agar penangguhan pembayaran cukai dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020. Bagi pemilik tanah yang telah membayar untuk tahun 2020, mereka boleh diberikan rebat untuk cukai pada tahun 2021. Mahkota juga mencadangkan pada masa-masa akan datang, ADUN-ADUN sama ada di peringkat kerajaan dan juga ataupun di peringkat pembangkang, dapat dipanggil untuk berbincang bersama dalam usaha-usaha yang berkaitan dengan cukai-cukai ini. Mahkota amat bersetuju dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, bahawa keutamaan kerajaan pada masa kini ialah pemulihan, *recovery*. Kerajaan negeri perlu kreatif dalam mencari kaedah untuk mengimbangi ketiadaan pelaburan baru, malah banyak sekali pelaburan turut terhenti ditarik balik dan tidak teruskan. Walau bagaimanapun, kekurangan sumber pendapatan adalah tidak konstruktif sekiranya kerajaan yang menekan rakyat dengan kenaikan cukai tanah untuk mendapatkan pendapatan.

Krisis pandemik COVID-19 ini telah menyebabkan rakyat menghadapi kesukaran untuk menyara kehidupan, terutamanya makan, minum dan tempat tinggal. Adakah kerajaan negeri sanggup membebankan lagi rakyat dengan kenaikan cukai tanah? Oleh itu Mahkota sekali lagi menyokong usul rundingan pemberian rebat cukai tanah untuk ringankan beban rakyat. Sekian wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Tuan Hahasrin bin Hashim (Panti) :** Bismillahirrahmanirahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat petang. Terima kasih Yang Berhormat Speaker, sebelum Panti teruskan perbahasan Panti ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan tahniah kepada kerajaan negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Ir. Hasni bin Mohammad, Menteri Besar Johor ke-18 yang berjaya mengurus dengan baik negeri Johor dalam masa kita mendepani cabaran COVID 19 sejak ianya bermula hingga kini.

Tahniah juga kepada kerajaan persekutuan pimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin atas kebijaksanaan dalam menerajui kerajaan persekutuan walaupun dalam waktu singkat sejourus memikul tanggungjawab sebagai Perdana Menteri Malaysia dan akhir sekali tidak lupa kepada semua *frontliner* dan seluruh rakyat yang sama-sama memastikan kepatuhan kepada norma baru hari ini bagi kita terus menang dan akhirnya bebas insya-Allah dari wabak COVID satu hari nanti.

Yang Berhormat Speaker, rundingan yang dibawa oleh Yang Berhormat Pekan Nanas pada hari ini ianya berkaitan cukai tanah dan Panti bacakan Para 5 ayat terakhir dalam pemberitahuan rundingan, Pekan Nanas nyatakan namun kadar kenaikan cukai yang dikenakan haruslah munasabah dan tidak membebankan rakyat. Begitu juga Yang Berhormat Mengkibol, dalam perbahasan pada Khamis lepas juga menyatakan kenaikan cukai tanah tidak munasabah.

Yang pertama, adakah rundingan ini adalah untuk dengan izin, *reverse* balik keputusan yang mereka sendiri luluskan, yang mana kita seperti Yang Amat Berhormat Menteri Besar katakan pada pagi tadi kita tidak terlibat dalam proses pindaan cukai tanah ini.

Dan yang kedua, dengan kenyataan seperti itu ia membuktikan kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini pada waktu itu telah melakukan kesilapan dengan meluluskan perkara ini. Mungkin tidak diteliti atau dikaji dengan sepenuhnya atau apa sahaja alasan yang diberi, pokoknya mereka gagal mengurus dengan baik. Kenapa waktu sebelum ini, waktu sebelum kerajaan Pakatan Harapan waktu kerajaan Barisan Nasional perkara ini tidak timbul dan pada waktu itu walaupun dengan belanjawan *surplus* yang dibentangkan setiap tahun dengan banyaknya inisiatif untuk rakyat diperkenalkan kerajaan pada waktu itu berjaya mengurus dengan baik negeri Johor hinggalah Pakatan Harapan mengambil alih pada tahun 2018 yang lalu. Pendapatan kerajaan banyak melalui pelaburan yang dibawa sama ada dalam dan luar negara tanpa memberi bebanan yang tidak munasabah seperti yang Panti katakan tadi ianya ayat ataupun penyataan oleh Pekan Nanas dan Mengkibol sendiri.

Yang Berhormat Speaker, hari ini dengan 22 bulan pemerintahan Pakatan Harapan juga banyak kerosakan dan perlu dan perkara yang perlu kerajaan Perikatan Nasional perbetulkan. Sudah tentu dalam mendepani cabaran COVID 19 serta ketidaktentuan ekonomi dan ditambah tanpa pelaburan luar dan dalam negara yang sepatutnya ke negeri Johor. Kerajaan pada hari ini sangat bergantung dengan sumber lain seperti cukai yang dibawa dalam rundingan pada hari ini. Sudah tentu juga kerajaan pada hari ini memerlukan masa untuk menarik kembali keyakinan pelabur dan melonjak ekonomi seperti yang pernah kita negeri Johor impikan suatu ketika dulu. Johor mengejar singa akan tercapai.

Yang Berhormat Speaker, janganlah kita terus berpolitik, jangan kita hanya bercakap sahaja, baru sekarang nak tunjuk jaga kebajikan, baru sekarang hendak tunjuk prihatin, semasa diberi peluang menjadi kerajaan tidak pula membawa perkara-perkara yang rakyat mahukan. Bagi kami Perikatan Nasional pada hari ini urusan kebajikan rakyat sentiasa menjadi perkara yang pertama untuk kami jayakan. Apabila kerajaan perikatan dibentuk seperti semua maklum negara dan negeri diuji dengan wabak COVID 19 dan alhamdulillah dapat ditangani dengan baik oleh pusat dan juga negeri. Dan, ini jika dilihat pada sejarah pentadbiran sebelum ini, sebelum Pakatan Harapan, ini adalah sesuatu yang menjadi *track* rekod dengan izin, bencana alam, ancaman anasir luar, wabak pada hari ini dan banyak lagi perkara berjaya diuruskan sebaiknya dan akhirnya rakyat mendapat manfaat dengan kestabilan serta kehidupan yang harmoni dan aman.

Yang Berhormat Speaker, berulang kali Yang Amat terhormat Menteri besar nyatakan cukup-cukup lah berpolitik masa depan Johor lebih penting tika ini. Hari ini, tidak dinafikan sememangnya rakyat terkesan atas ancaman COVID-19 dan ingin Panti nyatakan yang kerajaan negeri telah dan akan terus menangani dengan baik seperti yang telah dilakukan dan akan terus dilakukan. Perkara ini merupakan usaha berterusan yang memerlukan muafakat semua dan bukan terletak atas bahu kerajaan sahaja. Kalau kita lihat isu tanah dan cukai tanah ini, banyak yang telah kerajaan umumkan sama ada melalui Pakej Rangsangan Ihsan Johor, 7 Ikhtiar Makmur Johor atau inisiatif lain contohnya, melanjutkan tempoh bayaran ke satu tarikh yang mampu untuk pemilik uruskan, bersetuju memberi pengecualian bayaran atas urusan tukar hak milik, bersetuju mengecualikan semua denda lewat, bersetuju memberi perlanjutan tempoh selama sebulan, bersetuju untuk melanjutkan tempoh inisiatif pentadbiran tanah Johor dan juga perluasan potongan 50% cukai bagi tanah seluas 5 hektar berbanding 4 hektar sebelum ini dan pada ketika ini pada hari ini Yang Amat Berhormat sekali lagi dengan keprihatinan kerajaan telah membuktikan kerajaan yang bertanggungjawab dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Menteri besar untuk memberi rebat pada kadar 15%, 10%, 5% untuk tahun 2020, 2021 dan 2022.

Panti juga bersetuju dengan Yang Berhormat Buluh Kasap dalam perbahasan tempoh hari menyatakan kerajaan perlu lebih berani berbelanja dengan peruntukan yang lebih besar dalam ketika ancaman COVID-19 pada hari ini tidak salah kiranya jika belanjawan yang di bentang kelak adalah belanjawan defisit tetapi hakikatnya semua itu adalah bagi kepentingan negeri dan kebajikan semua golongan rakyat di negeri Johor. Besar pelaburan yang kerajaan buat untuk rakyat maka besarlah pulangan yang diberi oleh rakyat kelak dalam usaha kita bersama berganding bahu memakmurkan negeri Johor.

Yang Berhormat Speaker, kesimpulannya rundingan yang dibawa Pekan Nanas pada hari ini tidak perlu dan tidak, tidak wajar diluluskan pada hari ini. Ini kerana usaha kerajaan membantu rakyat bukan bermula pada hari ini tetapi telah bermula sebaik Perikatan Nasional mula menjadi kerajaan. Tanpa perlu rundingan mengejar populariti seperti yang dibuat oleh Pekan Nanas pun sememangnya kerajaan negeri terus berusaha untuk memberi yang terbaik dan Panti percaya kerajaan negeri akan sentiasa berusaha memperkenalkan pelbagai inisiatif termasuklah mungkin membantu pemilik tanah secara langsung atau tidak langsung dalam kaedah-kaedah yang lebih baik selepas ini.

Yang penting sekali lagi seperti ungkapan yang sentiasa dilaungkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, cukup-cukup lah berpolitik kerana masa depan Johor lebih penting tika ini haruslah difahami dan dijayakan bersama oleh semua pihak. Insyallah, sekian terima kasih.

**YB Speaker :** Terima kasih. Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, jemput angkat tangan. Nampaknya lebih ramai yang tidak bersetuju. Rundingan itu tidak dipersetujukan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya :** Yang Berhormat Tuan Speaker saya menyokong rundingan itu.

**Jurutulis : UCAPAN TANGGUHAN MESYUARAT.**

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Jurutulis ada menerima dua Ucapan Tangguhan daripada Yang Berhormat Kempas dan Yang Berhormat Parit Yaani bawah Peraturan Tetap Bilangan 119 Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Bagi Dewan Negeri Johor. Suka saya mengingatkan Yang Berhormat diberi masa tidak lebih daripada 10 minit dan hendaklah mengikut teks yang telah diberikan kepada Jurutulis. Jemput Yang Berhormat Kempas, 10 minit Yang Berhormat, ikut teks Yang Berhormat.

**YB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaalahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan selamat petang.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Speaker, kerana telah memberikan saya peluang untuk berucap di dalam sidang Dewan Undangan Negeri Johor kali ini. Rata-rata daripada kita tahu bahawa negara masih lagi di dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan sehingga 31 Disember 2020. Sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kita Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin pada 28 Ogos 2020 yang lalu akibat daripada musibah COVID-19. Ini bermakna kita akan melalui tempoh PKP hampir sepanjang tahun 2020 bersamaan dengan 9 bulan lebih apabila tempoh PKP ini tamat pada 31 Disember 2020 nanti.

Di kesempatan ini, saya ingin merafak sembah menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim kerana keprihatinan baginda serta belas ihsan Ke Bawah Duli yang begitu mengambil berat tentang rakyat Johor sepanjang tempoh PKP ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua *frontliner* dengan izin, yang terdiri daripada kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia di negeri Johor seperti doktor, jururawat dan kakitangan hospital, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Pasukan Bomba Dan Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam serta semua yang terlibat sebagai barisan hadapan dalam usaha memerangi COVID-19 ini termasuklah NGO-NGO. Tanpa semua *frontliner* ini semua kita akan tidak akan berjaya menghadapi musibah COVID-19 ini dengan jayanya. Hanya dengan keberanian dan kecekalan mereka maka kita berjaya dan sudah tentulah keberanian dan kecekalan mereka ini menjadi sumber inspirasi seluruh rakyat Malaysia.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kita tidak menafikan segala usaha yang dilakukan oleh kerajaan negeri Johor dalam membantu rakyat yang terkesan dengan COVID-19 ini adalah satu usaha yang baik, pelbagai inisiatif dan bantuan diberikan dan disalurkan kepada rakyat sepanjang tempoh PKP ini. Terutama ketika tempoh kritikal PKP di peringkat awal lagi. Meskipun hari ini kita hampir menjalani kehidupan seperti normal namun pada hakikat yang sebenarnya begitu ramai rakyat yang terkesan akibat daripada musibah COVID 19 ini terutama dari sudut ekonomi dan di bandar.

Sebahagian besar perniagaan ditutup, syarikat gulung tikar, pekerja yang kehilangan pekerjaan dan pelbagai lagi kesan buruk yang menimpa rakyat khususnya di negeri Johor Darul Takzim ini. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia pada Mei yang lalu kadar pengangguran di Malaysia meningkat kepada 5.3% mencatatkan sebanyak 826,100 penganggur. Kadar ini adalah kadar yang tertinggi sejak tahun 1989. Manakala menurut Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Datuk, dulu ada Ir. sekarang tak ada, Datuk Hasni Mohammad berkata, tinjauan tenaga buruh Malaysia oleh jabatan perangkaan Malaysia merekodkan kadar pengangguran di Johor pada suku pertama tahun ini mencecah 3.2%. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 0.5% berbanding suku keempat tahun 2019 dengan peningkatan kadar pengangguran ini sedikit sebanyak membimbangkan kita semua. Rentetan daripada peningkatan pengangguran ini kita dapat melihat inisiatif rakyat di negeri ini berusaha untuk keluar daripada masalah hilang sumber pendapatan. Maka ramailah daripada kalangan rakyat mula menyertai sektor *e-hailing* seperti *Grab* dan juga platform *e-hailing* lain. Perkhidmatan penghantaran makanan seperti *Food Panda* dan juga tidak kurang juga yang berniaga secara kecil-kecilan.

Bagi mereka yang mempunyai keupayaan untuk mencari jalan alternatif menjana pendapatan untuk menampung ke depan selepas hilang pekerjaan. Alhamdulillah, kita percaya biarpun ianya sukar namun sedikit sebanyak ia akan dapat membantu rakyat menemпуhi saat getir buat masa ini.

Namun apa yang lebih membimbangkan kita daripada masalah kehilangan pekerjaan ini adalah satu golongan yang seharusnya diberikan perhatian khusus iaitu golongan wanita terutamanya ibu tunggal. Golongan wanita antara yang terkesan teruk apabila dilaporkan sebanyak 72.2% wanita kehilangan pekerjaan sehingga hari ini. Satu langkah yang drastik dan berkesan perlu diambil bagi memastikan golongan wanita yang terkesan daripada masalah ini dapat dibela. Antara langkah yang boleh diambil oleh kerajaan negeri adalah menyediakan satu pusat aduan khas di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim dengan menggerakkan semua penggerak wanita di setiap DUN di dalam negeri Johor untuk mengenal pasti golongan wanita yang terkesan atau hilang pekerjaan terutama golongan wanita yang menjadi ketua isi rumah seperti ibu tunggal dan golongan wanita yang



menyara ibu bapa serta keluarga. Dalam masa yang sama, kerajaan juga harus berperanan untuk memastikan bahawa tidak wujud sebarang ketidakadilan dalam pemberhentian pekerjaan terutama ketidakadilan akibat gender. Apabila berlakunya pemberhentian kerja terhadap wanita, kerajaan negeri perlu memberikan penerangan kepada wanita ini tentang bantuan kerajaan atau program *retaining* dengan izin, yang disediakan oleh kerajaan kepada mereka agar mereka mendapat maklumat yang secukupnya tentang bidang baru yang mereka boleh ceburi. Sehingga hari ini saya tak nampak lagi, takut nanti ramai pula yang bunuh diri.

Selain daripada golongan wanita, golongan belia juga tidak terkecuali daripada terkesan dengan masalah ekonomi, seperti kehilangan pekerjaan akibat musibah ini. Data LOE menunjukkan 61% kehilangan pekerjaan adalah dalam kalangan pekerja berusia 40 tahun dan ke bawah dengan 31 - 40 tahun yang menyumbang sebanyak 32%, manakala pekerja di bawah 30 tahun sebanyak 29% di seluruh Malaysia. Di negeri Johor ini, umum kita ketahui bahawa ramai belia kita yang bekerja di Singapura kini kehilangan pekerjaan kerana dasar yang dibuat oleh kerajaan Singapura yang turut terkesan dengan musibah COVID-19 ini. Semalam kita dengar kerajaan Singapura dan juga kerajaan Jepun telah pun menandatangani timbal balik untuk melonggarkan kedatangan pekerja-pekerja daripada negara Jepun dan juga Singapura. Saya harap perkara itu bolehlah difikirkan oleh kerajaan Johor.

Di negeri Johor ini, meskipun kerajaan persekutuan telah menyediakan platform aduan dan juga beberapa langkah inisiatif bagi membantu golongan belia yang hilang pekerjaan terutama yang belum, sebelum ini bekerja di Singapura, namun kerajaan negeri Johor harus juga mengambil berat dan melaksanakan apa jua inisiatif bagi membantu golongan ini. Umum kita ketahui bahawa kebanyakan golongan yang hilang pekerjaan ini selain daripada menyertai *e-hailing* atau menjadi penghantar makanan, mereka juga menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan.

Oleh yang demikian, saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan negeri Johor khususnya Pihak Berkuasa Tempatan agar memberikan kelonggaran kepada golongan yang baru berniaga di tepi-tepi jalan dari sudut penguatkuasaan dan undang-undang. Kerana, di bandar raya Johor Bahru ini begitu ramai di kalangan mereka yang mencari nafkah halal tetapi kebanyakannya dihalang oleh Pihak Berkuasa Tempatan sedangkan kita tidak memberikan kelonggaran dan kemudahan-kemudahan. Saya harap perkara ini mestilah dipandang serius. Janganlah terlalu keras melaksanakan undang-undang sehingga memberi tekanan kepada rakyat yang baru nak berniaga. Perlu diingat bahawa mereka berniaga kerana tidak ada pilihan lain selepas mereka hilang pekerjaan akibat daripada kesan musibah ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, selain daripada..

**YB Speaker** : Yang Berhormat Kempas, Yang Berhormat Kempas, teks ni baru suku aje Yang Berhormat. Tapi masa Yang Berhormat ada satu minit aje.

**YB Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas)** : Ya, saya akan cuba pendekkan dan juga Yang Berhormat Tuan Speaker akan cuba berikan sedikit masa tambahan lagi.

Selain daripada aspek ekonomi, kita turut bimbang dengan kadar buruk musibah ini terhadap aspek sosial dan kesihatan di kalangan rakyat Johor. Amalan perubahan cara hidup melalui norma baru sedikit sebanyak memberikan kesan terhadap aspek sosial di kalangan rakyat Johor. Kerajaan negeri Johor juga harus memastikan bahawa tahap kesihatan rakyat Johor berada di tahap yang terkawal terutama dari sudut emosi dan pemikiran. Terkesan daripada masalah ekonomi dengan kurangnya aktiviti sosial sudah pasti memberikan tekanan emosi yang kurang baik dengan setengah-setengah individu.

Maka antara langkah yang boleh diambil oleh kerajaan adalah menyediakan perkhidmatan kaunseling dan juga khidmat nasihat bagi memastikan tekanan emosi golongan ini berada di tahap yang rendah. Golongan ini perlu diberikan perhatian agar usaha kerajaan negeri untuk membina generasi rakyat yang sihat dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan juga melihatkan kesan peningkatan jenayah akibat daripada musibah ini. Kemelesetan ekonomi yang kita hadapi akibat daripada musibah ini bukan sahaja meningkatkan pengangguran tetapi mendorong kepada peningkatan jenayah. Ini memberi kesan kepada masyarakat dari sudut sosial. Dalam hal ini, saya ingin menyeru kerajaan Johor supaya dapat mengekang peningkatan jenayah yang meningkat akibat daripada musibah ini dengan berkesan kerana kita bimbang ia akan menggugat kesejahteraan dan keamanan rakyat di negeri Johor.

Di dalam kegigihan kita mengharungi kesukaran akibat musibah ini, sebenarnya negeri Johor turut dilanda permasalahan yang lain aspek politik. Namun kita ketahui sebelum pelaksanaan PKP bahawa sebelum pelaksanaan PKP negeri Johor baru sahaja bertukar kerajaan daripada Pakatan Harapan kepada Perikatan Nasional. Begitu juga dengan kerajaan persekutuan. Hal ini telah pun berlaku dan tidak ada siapa dapat menafikannya. Namun, di dalam kesukaran rakyat menghadapi kemelut akibat COVID-19 ini, seharusnya semua parti politik terutama pemimpin parti politik, sama ada pembangkang mahupun kerajaan yang tidak memegang jawatan di peringkat kerajaan agar menghentikan segala provokasi politik. Kerana ini juga menimbulkan keadaan yang tidak tentu hala. Sindiran-sindiran politik dengan percaturan yang akan mengakibatkan perpecahan dan juga tidak kestabilan politik terutama terhadap golongan parti kerajaan baru ini, tidak harus disensasikan kerana ianya akan mewujudkan ketidakstabilan politik dan rasa tidak senang di kalangan rakyat. Kita tidak mahu hanya bercakap secara retorik tetapi perkara ini perlulah direalisasikan terutamanya kepimpinan-kepimpinan di atas supaya mengambil sesuatu tindakan yang baik dalam untuk menyelesaikan masalah ini.

**YB Speaker :** Masa dah habis Yang Berhormat. Simpulkan Yang Berhormat.

**YB Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Bagi saya satu minit lagi. Dah nak digulung habis ni, Tuan Speaker.

Desakan demi desakan untuk mempercepatkan pilihan raya umum hanya akan mengakibatkan pelabur dari luar bimbang untuk melabur di negeri Johor. Kerana ia sebenarnya menunjukkan kelemahan dan ketidakstabilan kerajaan yang menerajui negeri Johor pada masa ini. Kita tahu mereka yang membuat bising dengan provokasi politik hari ini yang kononnya mahu mempercepatkan pilihan raya umum atau pilihan raya negeri. Ini adalah golongan yang kalah pada PRU14 yang lalu. Mereka ini tidak ada sebarang jawatan dan tempat digelar kerajaan hari ini. Sebab itulah mereka mahu adakan PRU dengan segera kerana mereka ingin mencuba nasib di dalam pilihan raya untuk membolehkan mereka mendapat jawatan sekiranya menang nanti.

Sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri yang merupakan pemimpin parti di dalam parti masing-masing, saya memohon agar Yang Berhormat semua menasihatkan ahli dan pimpinan parti menghentikan segala provokasi politik yang boleh mencetuskan ketidakstabilan politik ini. Kita harus menghormati rakyat yang sedang bergelut dengan kesusahan hidup akibat kesan daripada musibah COVID-19 ini. Bahkan paling penting kita harus menghormati segala usaha yang dilakukan oleh kerajaan persekutuan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sedang membawa negara keluar daripada COVID 19 ini.

**YB Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat, dah habis masa Yang Berhormat.

**YB Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas)** : Saya ada satu muka lagi tapi walau macam mana saya akur dengan perintah Yang Berhormat Tuan Speaker. Jadi, saya bagi satu pantun. Orang tua jalan bertongkat, rimba jauh nampak dekat, kalau kita sudah sepakat, harimau di hutan dapat kita ikat. (Dewan bertepuk). Wabillahi taufik walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Speaker** : Harimau tu belah mana Yang Berhormat.

**YB Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas)** : Dekat Kempas banyak.

**YB Speaker** : Ok, Yang Berhormat Parit Yaani, jemput.

**YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani)** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Selawat). Yang Berbahagia Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan sekalian. Alhamdulillah, akhirnya Dewan ini dapat bersidang seperti biasa selepas pertukaran kerajaan daripada Pakatan Harapan kepada kerajaan tebuk atap, seperti kenyataan Ahli Parlimen Marang atau Perikatan Nasional.

Sepertimana semua sedia maklum, sepanjang tempoh PKP, Dewan tidak bersidang seperti biasa. Seandainya Dewan bersidang seperti biasa, fungsi Dewan yang mulia tempat di mana Wakil Rakyat berbahas segala berkaitan kepentingan rakyat dan negeri diadakan secara bebas tanpa kekangan masa yang terbatas. Kerajaan PH sering digelar dengan pelbagai gelaran antaranya kerajaan kencing, hancing dan munafik atas alasan kononnya gagal menunaikan janji. Bagaimanapun, dengan mereka yang tidak ada janji tetapi menjadi kerajaan tanpa mandat rakyat seperti yang disebut sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah cukup atas alasan kami orang yang bertanggungjawab terhadap rakyat? Jika begitu, pada pilihan raya akan datang, parti tidak perlu mengemukakan sebarang manifesto. Jika ada manifesto pun, selepas menang boleh terus campak manifesto semata-mata atas alasan demi rakyat.

Usaha keras kerajaan PH memastikan semak imbang dalam pengurusan negara terbantu setelah usul mengehadkan tempoh Perdana Menteri ditarik balik oleh kerajaan PN tanpa sebarang alasan. Langkah membatalkan usul mengehadkan tempoh penggal Perdana Menteri ini wajar dilihat sebagai langkah undur ke belakang, kerana, hari ini negara-negara lain telah mengehadkan tempoh ketua negara masing-masing hanya dua penggal untuk menyaksikan kesan positif terhadap urus tadbir negara. Kita telah mempunyai pengalaman apabila tiada tempoh pemerintahan ketua negara, tidak mustahil jika kes-kes seperti 1MDB boleh berulang kembali. Insya-Allah kita berhasrat mengehadkan tempoh Menteri Besar kepada 2 penggal, jika diizinkan kembali mentadbir negeri Johor.

Kerajaan PH juga telah memulakan inisiatif memperkasa Dewan yang mulia, agar kuasa tidak terlalu berpaksi kepada Ketua Legislatif atau barisan EXCO tetapi juga kepada mereka yang mewakili rakyat. Kita maklum, sebelum ini persidangan hanya dibuat dalam jangka masa setengah hari, sedangkan kepentingan untuk membahaskan peruntukan tambahan kepada rakyat ketika musim perintah kawalan pergerakan amatlah diperlukan bagi Ahli Dewan mengetahui perbelanjaan serta sumber kerajaan. Namun perkara itu telah berlalu. Hari ini kita dapat bersidang seperti biasa selepas kerajaan PH dirampas di tengah jalan, di mana ia banyak menyusahkan rakyat dalam menghadapi situasi genting seperti mana pertukaran pegawai-pegawai termasuk ketua kampung yang ditamatkan dalam tempoh yang sepatutnya pada 31 Disember. Sehingga menyebabkan rata-rata penduduk kampung yang terjejas tertanya-tanya siapakah individu yang dapat membantu menguruskan soal kebajikan mereka. Inilah hasilnya apabila setengah golongan yang mengkhianati mandat rakyat dan ada golongan yang lain yang mengambil kesempatan untuk berkuasa negeri dan negara tanpa menghiraukan kesan yang akan dialami oleh rakyat, walaupun sebenarnya mereka kalah dalam PRU yang lepas.

Tuan Speaker, pencapaian PH Johor. Sebelum ini, di bawah pemerintahan PH negeri Johor, kita telah menjalankan pelbagai kebajikan yang memberi kesan baik kepada rakyat khususnya golongan B40, seperti Kad Sihat, pemilikan rumah biaya secara undian bukan lagi secara terus kepada ahli sesuatu parti. Penghapusan KMK, Kuota Menegak Kerajaan, Takaful Warga Emas, 10 meter padu air percuma dan pelbagai lagi kemudahan khusus yang tidak pernah dilakukan sepanjang 60 tahun pentadbiran kerajaan BN terdahulu, namun dapat dilaksanakan ketika PH memerintah termasuk penubuhan Universiti Johor yang sedang dalam proses pembangunan. Ini satu perkara yang baik kerana usaha demi menjaga rakyat Johor walaupun terdapat sabotaj di kalangan mereka yang berkepentingan sewaktu kumpulan tersebut berada di dalam kerajaan PH. Tetapi kita berusaha untuk menjayakan objektif atau tawaran PH Johor sewaktu kempen PRU14 yang disasarkan demi kemakmuran rakyat.

Hal ini satu kebanggaan yang diperolehi oleh kepimpinan di bawah PH dan saya berharap kecemerlangan ini dapat diteruskan oleh kerajaan yang sedia ada pada waktu ini demi memartabatkan rakyat yang menantikan harapan di dalam kesusahan dan cabaran yang dihadapi ketika ini. Umumnya, rakyat hari ini merasai COVID-19 yang berlaku dan terus kita tidak tahu sampai bila. Proses untuk memakmurkan rakyat perlu diteruskan. Walaupun kerajaan baru ini tidak meletakkan sebarang manifesto yang boleh dijadikan panduan komitmen mereka secara bersungguh kepada rakyat. Perkara ini dibimbangi akan menjadi alasan kepada pihak pemerintah hari ini untuk mengelak dari melakukan sebarang kemajuan dalam menjaga kebajikan serta kesejahteraan rakyat teramai.

Urus tadbir yang baik dan telus. Tuan Speaker, sebagai satu langkah urus tadbir yang baik dan telus, saya ingin mencadangkan seperti amalan sebelum ini. Waktu pentadbiran Pakatan Harapan, kita tidak membenarkan mana-mana individu untuk memegang lebih dari satu lantikan bergaji yang dibayar dari akaun kerajaan. Hari ini, saya mendapat maklumat, Parit Yaani mendapat maklumat bahawa dasar ini tidak lagi diamalkan oleh kerajaan Perikatan Nasional. Sebagai contoh, ada Ahli Majlis dia juga penyelarasan DUN. Urus tadbir yang pincang juga berlaku di peringkat persekutuan apabila terdapat Menteri yang melanggar perintah kuarantin, tetapi denda atau kompaun yang dikenakan kepadanya tidak setimpal dengan hukuman yang dikenakan kepada rakyat biasa. Amalan ini adalah suatu yang tidak patut dilakukan apatah lagi mereka yang kononnya menggunakan perlembagaan, perlambangan Melayu dan Islam sebagai asas perjuangan mereka kerana, ini memberikan gambaran cacat kedua-dua institusi berkenaan.

Kepentingan kestabilan politik. Tuan Speaker, kita semua sedar kepentingan kestabilan politik yang seharusnya menjadi tonggak pengukuhan institusi kepimpinan dalam menjaga rakyat di negeri ini. Keadaan politik yang tidak stabil sepertimana yang berlaku pada hari ini, akan membuatkan pelbagai agenda yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan untuk kepentingan rakyat akan tidak tercapai dengan sempurna. Ketidakstabilan ini membuatkan kepimpinan negeri terpaksa bekerja keras menjaga hati sahabat mereka agar tidak berpaling tadah sehingga menjejaskan kerajaan yang ada hari ini. Justeru itu, bagaimana rakyat akan menikmati pemerintahan yang tidak, pemerintahan yang baik sekiranya perkara ini terus berlaku. Inilah akibatnya bila kerajaan dirampas di tengah jalan. Bukan melalui demokrasi yang sepatutnya. Hari ini, kelompok-kelompok ini sibuk menjerit dan mendesak untuk mengadakan pilihan raya sedangkan mereka yang menjerit itulah yang merosakkan sistem demokrasi dan pilihan raya tersebut dengan merampasnya di tengah jalan. Pastinya selepas ini sekiranya mereka kalah, amalan jual beli Wakil Rakyat ini akan berlangsung lagi, dan sekali lagi kerajaan akan berubah dan menanggung kesannya adalah rakyat kerana kestabilan politik itu tidak terzahir apabila keutamaan telah dihalakan ke arah kepentingan ADUN atau Parlimen demi untuk membeli sokongan mereka. Suara rakyat pastinya mati, dan tidak didengari akibat dari keutamaan kerajaan hanya fokus kepada Wakil-Wakil Rakyat

yang melompat, inilah persoalan yang kita mahu agar Dewan yang mulia ini mewujudkan undang-undang untuk menghalang Wakil Rakyat bertukar parti secara sesuka hati.

Parit Yaani yakin kita semua mahu agar hak dan kepentingan rakyat terus dipelihara dan bukan kepentingan segelintir pemimpin sahaja yang perlu diutamakan. Rakyat kini dilihat seperti tidak menjadi kepentingan kerajaan apabila mereka kini lebih sibuk menjaga bilangan ADUN berbanding menjaga kepentingan dan periuk nasi rakyat keseluruhannya. Suasana ini akan membuatkan agenda membangunkan rakyat semakin jauh ketinggalan. Apatah lagi, dalam keadaan rakyat sangat memerlukan bantuan dari pihak kerajaan kerana musibah COVID-19 yang melanda negara. Pembaziran pastinya berlaku dalam menjaga prioriti kedudukan Menteri Besar dan barisan EXCO serta memilih kehendak dari pihak yang mungkin berpaling tadah dari mereka. Parit Yaani menyeru kerajaan agar hak dan kepentingan rakyat terus diutamakan dan dipulihkan semula sistem demokrasi yang rosak apabila rampasan kuasa ini dilakukan oleh mereka atau kerajaan tebuk atap ini.

**YB Speaker** : Masa dah 10 minit Yang Berhormat. Boleh simpulkan.

**YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani)** : Fokus ekonomi. Tuan Speaker, dalam kesempitan ini, Parit Yaani ingin memohon agar Dewan yang mulia ini menambahkan peruntukan kepada program *up skilling* dan *re-skilling* daripada RM600,000.00 kepada RM6 juta. Kenapa? Kerana isu kekurangan pendapatan bagi mereka yang bekerja sendiri, pemotongan gaji bagi mereka yang bekerja swasta. Bahkan ada yang kehilangan pekerjaan kerana wabak COVID-19 yang melanda dunia sekarang ini. Parit Yaani juga mencadangkan agar kerajaan mempertimbangkan untuk menaikkan peruntukan kepada, khusus kepada ADUN yang mana perkara tersebut akan dikembalikan kepada rakyat. Peruntukan ini juga harus diberikan kepada semua ADUN bukan sahaja kepada ADUN kerajaan termasuk ADUN pembangkang sesuai dengan peranan dan kepercayaan yang diberikan oleh rakyat kepada wakil-wakil mereka.

Tuan Speaker, kita maklum sebelum ini kerajaan telah mewujudkan beberapa inisiatif terhadap rakyat yang terkesan akibat COVID-19. Sebab itu, PH memberikan sokongan kepada cadangan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor kerana kita yakin dan percaya ini dapat diberikan untuk mereka iaitu rakyat seluruhnya. Selain itu, kerajaan juga diharap agar lebih bersungguh-sungguh dalam membantu rakyat yang kehilangan pekerjaan. Kami mengharapkan agar kerajaan mendapatkan maklumat terperinci dari agensi-agensi dan jabatan untuk mendapatkan rekod mereka yang kehilangan punca pendapatan akibat tersebut. Kerajaan tidak seharusnya mendiamkan diri dan membiarkan perkara ini menjadi barah sehingga rakyat hari ini terpaksa melakukan kerja-kerja yang melanggar undang-undang demi sesuap nasi akibat dari kehilangan punca pendapatan. Rakyat memerlukan pemimpin yang ikhlas dalam isu untuk kesinambungan kehidupan mereka, bukan seorang tukang karut yang hanya pandai bermain wayang kulit yang menceritakan soal bangsa dan agama, Parit Yaani menyeru agar kerajaan perlu serius dalam menangani masalah ini.

Tuan Speaker, Parit Yaani ingin mengingatkan agar Dewan yang mulia ini menolak sebarang anasir dan cubaan untuk memecahbelahkan perpaduan rakyat, menghancurkan keharmonian pelbagai kaum dan bangsa yang sekian lama telah wujud di negara ini. Parit Yaani ingin menyatakan bahawa rakyat perlu diutamakan apabila dalam keadaan yang semakin mendesak ini rakyat lebih memerlukan perhatian dari pihak kerajaan. Parit Yaani juga ingin mengingatkan kerajaan agar tidak angkuh dan dengan kuasa yang ada pada mereka sekarang ini dan kerajaan perlu berlapang dada serta berjiwa besar untuk sedia mendengar serta bekerjasama dan berbincang dengan semua pihak bagi membangunkan serta menjaga rakyat negeri kita. Janganlah seperti memagar diri bagai aur yang hanya mementingkan diri sendiri sehingga terlupa akan tanggungjawab yang dipikulkan. Penutupnya, saya baca beberapa pantun, saya ini tidak pandai pantun tapi orang dah tulis

kena baca pula. Jika sempat menghalang belida, ikan dipukat lebih mencelah, jika khianat bersarang di dada, hubungan erat boleh terbelah. Resah pawang mengacip paku, pari mengubat puteri pingitan, apalah malang nasib bangsaku, dengki khianat menjadi amalan. Mandi sekerat puan berkemban, dara berlegar terus ke ampai, dengki khianat amalan syaitan, kenapa penawar terus terabai. Ikan belanak di tutup saji, saji dianyam oleh Pak Mahat, orang khianat jangan dipuji, makin dipuji makin jahat. Sekian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tuan Speaker. Terlebih dahulu bagi pihak kerajaan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Speaker, yang sejak kita bersidang selama dua hari ini, telah dapat mengendalikan Persidangan dengan cara yang penuh profesional dan penuh keadilan. Tahniah, terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. (Dewan bertepuk). Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Kempas dan juga Yang Berhormat Parit Yaani di atas teguran-teguran dan juga perkara-perkara yang dibangkitkan. Saya berdiri di dalam Dewan yang mulia ini untuk mengatakan bahawa kerajaan negeri komited dan akan bersungguh-sungguh dalam menjalankan apa juga tanggungjawab yang ada di atas bahu kita bersama. Perkara-perkara yang dibangkitkan sama ada menyentuh tentang soal pengangguran, soal menyegerakan pelantikan-pelantikan, termasuklah untuk membela nasib pekerja-pekerja yang hilang ataupun yang berhadapan dengan pelbagai tekanan sehingga kita perlu melihat kepada aspek kaunseling, sama ada kita perlu melihat kepada peluang-peluang untuk disediakan kepada semua pihak yang terjejas akibat COVID-19 ini, insya-Allah akan kita laksanakan dalam keadaan yang sebaik-baik mungkin. Jenayah juga merupakan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kempas, percayalah bahawa negeri Johor ini kita ada seorang Ketua Polis, Dato' Ayub Khan yang hari-hari bercakap di media akhbar dan juga di media elektronik, begitu popular Ketua Polis Johor kita ini dalam membanteras pelbagai jenayah. Kita mengambil maklum tentang berita baharu-baharu ini 177 orang pelajar yang didapati positif dadah, ujian dadah, ini juga merupakan cabaran kepada kita supaya sama-sama dapat kita lihat perkara ini dan kita carikan jalan penyelesaiannya.

Saya berterima kasih atas apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang dari Parit Yaani dan tentunya perkara-perkara yang dibangkitkan itu tidaklah begitu sukar untuk sama-sama kita laksanakan, insya-Allah. Saya juga seperti Yang Berhormat Parit Yaani, tidaklah berapa reti untuk berpantun hanya sekadar ada rakan-rakan saya yang memberi saya bait-bait pantun. Berjuanglah cara Johor, silaturahmi yang murni, di mulut sama di hati, maaf senantiasa bersahut, tangan dihulur bersambut, luka pun tidak lagi berparut. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker** : Ok, terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan ke satu tarikh yang akan ditetapkan. Sekian, wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 3.45 petang.**

**PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:**

**Jurutulis**

Cik Hajah Shubannah binti Yusuf, SIJ., PIS.

**Penolong Jurutulis**

Encik Hasnul Atmam bin Othman  
Puan Farrah Diana binti Mohammad

**Koordinator**

Puan Hajah Norela binti Osman

**Pembantu Penerbitan**

Puan Malina binti Mohd Nasir  
Puan Noraisah binti Mohd Yusof  
Encik Ariff bin Abu Bakar

**Pembantu Operasi (Bentara)**

Encik Razine bin Sulaiman  
Encik Hamdan bin Markom  
Encik Norhayadi bin Hussien  
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi  
Encik Mohd Norazri bin Kasim  
Encik Mohd Sapri bin Manan  
Encik Muhamad Khairul Asyraf bin Abdullah  
Encik Muhammad Khairul bin Arop

**Setiausaha Pejabat (Pelapor Dewan)**

Puan Hajah Zalinah binti Ali  
Puan Hajah Azlin binti Bahrin  
Puan Hajah Saniah binti Kassim  
Puan Hajah Rumiah binti Sumirono  
Puan Junaidah binti Paing  
Puan Nor Dalilah binti Dahlan  
Puan Siti Rojimah binti Abd. Razak  
Puan Hajah Haironisha binti Zainal Abidin  
Puan Fareza binti Musa  
Puan Shuriati binti Abdul Hajar  
Puan Norlydialina binti Isnin  
Puan Norazilawati binti Masri  
Puan Siti Rohani binti Ahmad Suhaimi  
Puan Raihanah binti Ismail

**Rakaman**

Encik Nor Risam bin Esa  
Encik Azizan bin Md. Sidi  
Encik Khairul Anuar bin Umar Usman

**Juruaudio Video**

Encik Noorazhan bin Mohd Salleh  
Encik Ismail bin Abu Bakar